

# TINJAUAN PMKS MSME INSIGHTS

# 2022/23



Tetapan Semula  
dengan Perspektif Baharu  
*Reset with New Perspectives*

Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK)  
National Entrepreneur and SME Development Council (NESDC)

# Kandungan

## Tinjauan PMKS 2022/23

- 02 **Perutusan YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi**
- 05 **Bab 1**  
**Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PMKS**
- Artikel Khas: Program Pembangunan PMKS pada Tahun 2022 dan 2023
  - Artikel Khas: Dasar Agrikomoditi Negara 2021 - 2030: Memperkasakan Usahawan dan PMKS Agrikomoditi
  - Artikel Khas: Perniagaan Inklusif
- 21 **Bab 2**  
**Agenda PMKS pada Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan**
- Artikel Khas: Memperjuangkan Pengantarabangsaan PMKS di Malaysia Melalui Program Eksport
  - Artikel Khas: Perkembangan Kerjasama Dua Hala untuk Mempertingkatkan Pembangunan PMKS
- 37 **Bab 3**  
**Ekosistem Pembiayaan untuk PMKS**
- Artikel Khas: Dana BNM Meningkatkan Pembiayaan untuk Pertumbuhan PMKS
  - Artikel Khas: Pembiayaan Mikro untuk PMKS
  - Artikel Khas: Skim Pembiayaan MIDF untuk Perniagaan Hijau, Pendigitalan dan Pengukuhan
  - Artikel Khas: Rangka Kerja Sukuk Kelestarian
  - Artikel Khas: Inisiatif Pembiayaan Digital PMKS
- 57 **Bab 4**  
**Teknologi, Inovasi dan Pendigitalan**
- Artikel Khas: Pendigitalan PMKS untuk Meningkatkan Daya Saing
  - Artikel Khas: Meneraju Inovasi Melalui Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional
  - Artikel Khas: Meningkatkan Akses kepada Data Terbuka Melalui *OpenDOSM NextGen*
- 69 **Sorotan Khas**
- Artikel Khas: Membina PMKS Lestari dengan PKSlestari
  - Artikel Khas: Pelan Pemulihan Pelancongan 2022
  - Artikel Khas: Program Pengalaman *Homestay Malaysia*
- 81 **Kisah Inspirasi**
- Seorang Usahawan Mengubah Krisis kepada Perniagaan Berjuta Ringgit
  - Siti Padillah Menyerlah Sebagai Seorang Usahawan dalam Industri Didominasi Lelaki
  - Dari Pemain Pro Skuasy kepada Usahawan Alat Ganti Kereta
  - Melihat Potensi Perniagaan melalui Rempah dan Herba
- 91 **Melangkah ke Hadapan**  
Memacu melalui Malaysia MADANI dan Kerangka Ekonomi MADANI
- 97 **Lampiran**
- Lampiran 1 - Senarai Program Pembangunan PMKS dan Keusahawanan Terpilih pada Tahun 2023
  - Lampiran 2 - Glosari Singkatan
  - Lampiran 3 - Definisi PMKS
- 230 **Rujukan**

## Perutusan YB Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi

**Tahun 2022 merupakan titik perubahan dalam membina semula dan memulihkan ekonomi negara melalui pembaharuan struktur, perubahan sistemik, dasar yang saksama dan pembangunan mampan.**

Di sebalik kelembapan ekonomi global, prestasi pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2022 telah melonjak kepada 8.7% dalam Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), iaitu pertumbuhan tahunan tertinggi pernah dicatatkan dalam tempoh 22 tahun dan merupakan pertumbuhan terpentas antara negara Asia Tenggara. Didorong perkembangan permintaan dalam negeri berterusan, iaitu disokong oleh penggunaan domestik yang kukuh dan pemulihan pesat dalam sektor perkhidmatan susulan daripada pembukaan semula sempadan negara dan aktiviti perniagaan yang kembali seperti biasa, pertumbuhan memberangsangkan ini adalah bukti daya ketahanan ekonomi negara serta pemulihan keyakinan pengguna, perniagaan dan pelabur.

Peningkatan prestasi perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) di Malaysia sebagai nadi dalam memacu pemulihan dan pengembangan ekonomi Malaysia pascapandemik, jelas dicerminkan dengan pertumbuhan dua angka sebanyak 11.6%, mengatasi pertumbuhan KDNK negara pada tahun 2022. Merangkumi hampir 1.2 juta atau 97.4% daripada jumlah pertumbuhan perniagaan di Malaysia, PMKS menyumbang secara signifikan kepada ekonomi sebanyak 38.4% daripada KDNK, 10.5% daripada jumlah eksport dan 48.2% daripada jumlah guna tenaga.

Pertumbuhan luar biasa sektor PMKS ini dipacu oleh dasar, strategi dan inisiatif Kerajaan yang menyokong, termasuk pakej rangsangan ekonomi yang dilaksanakan berikutan pandemik, iaitu telah memainkan peranan penting dalam mengurangkan impak krisis terhadap PMKS dengan berkesan. Komitmen tidak berbelah bahagi Kerajaan terhadap pemulihan dan pembangunan PMKS dapat dilihat melalui pelbagai bantuan yang diberikan kepada sektor perniagaan. Pada tahun 2022, sebanyak 231 program pembangunan PMKS telah dilaksanakan oleh 15 Kementerian, enam agensi tunggal dan 52 agensi dengan jumlah peruntukan kewangan sebanyak RM17.8 bilion yang memanfaatkan 807,556 PMKS.

Ekonomi global yang berkembang pesat memberikan cabaran baharu dan peluang pertumbuhan untuk perniagaan. Selain daripada kesan pandemik yang berlarutan merangkumi gangguan rantaian bekalan, krisis tenaga dan hiperinflasi, konflik geopolitik yang memuncak dan fenomena alam sekitar yang melampau akibat



perubahan iklim turut menyebabkan pelbagai halangan yang memberi kesan terhadap perniagaan. Sebaliknya, peluang yang lebih meluas muncul berikutan perubahan trend perniagaan, tingkah laku pengguna dan keadaan pasaran seperti e-dagang; kecerdasan buatan; amalan mesra alam; ekonomi gig dan kerja jarak jauh; keselamatan siber; realiti maya dan realiti terimbuh; serta teknologi kewangan dan blok rantaian.

Menyedari kepentingan peranan PMKS sebagai nadi penggerak dalam membentuk semula landskap ekonomi Malaysia pascapandemik, pembangunannya telah menjadi keutamaan Kerajaan untuk melangkah ke hadapan. Selain daripada meningkatkan keupayaan keusahawanan dan memperkukuh landskap perniagaan untuk membangunkan PMKS secara dinamik agar cekap, tangkas, berdaya tahan, mampan dan berdaya saing pada peringkat global, misi kita adalah menyediakan persekitaran bagi memupuk PMKS masa depan yang berupaya mengurus cabaran semasa dengan efisien, serta memanfaatkan pelbagai peluang secara proaktif melalui penerokaan usaha niaga dan penyelesaian inovatif baharu dalam mengukuhkan kedudukan dalam pasaran. Oleh yang demikian, Kerajaan terus fokus terhadap kesediaan masa depan PMKS dengan menggabungkan sumber dan usaha bagi meningkatkan kapasiti dan keupayaan secara sistematik melalui pendekatan bersasar dan mempercepatkan pelaksanaan inisiatif.


Dengan matlamat membangunkan ekosistem yang kondusif dan holistik untuk PMKS berkembang maju, Kerajaan sedang melaksanakan strategi tetapan semula ataupun *reset*. Pelaksanaannya adalah berdasarkan pendekatan berteraskan nilai pragmatik sebagai dorongan untuk merangsang dan mempercepat pembangunan PMKS dengan memperkukuh sokongan dasar; membangunkan rangka kerja alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*) yang komprehensif; mewujudkan rangka kerja pengurusan bakat PMKS; serta menggalakkan pendigitalan, inovasi dan penggunaan teknologi.

Pelaksanaan strategi ini memerlukan perancangan dan tindakan melalui dasar dan strategi yang tepat, tegas, berpandangan jauh dan transformatif. Memajukan pembangunan PMKS menjadi agenda utama Kerajaan ke arah penstrukturan semula dan transformasi ekonomi secara menyeluruh bagi merealisasikan visi Ekonomi MADANI untuk menjadi peneraju ekonomi Asia. Penanda aras strategik telah ditetapkan bagi melakar laluan meningkatkan trajektori ekonomi Malaysia dalam jangka masa sedekad akan datang, termasuk meningkatkan kedudukan negara dalam kalangan 30 ekonomi terbesar dunia dan kedudukan 12 teratas dalam Indeks Daya Saing Global, yang secara tidak langsung akan melonjakkan prestasi PMKS.

Antara strategi komprehensif dan inklusif untuk menggiatkan pembangunan PMKS ialah pengantarabangsaan firma pada peringkat permulaan (*start-up*) dan PMKS, serta menggalakkan pembiayaan swasta untuk firma pada peringkat permulaan dan usahawan teknologi, seperti sama pentingnya peruntukan tambahan untuk firma pada peringkat permulaan, pembiayaan mikro dan pendigitalan, di samping peruntukan sehingga RM40 bilion untuk PMKS dalam Belanjawan 2023.

Dalam menerajui transformasi ekonomi yang positif, Malaysia memerlukan keazaman yang kuat dan teguh untuk menerima perubahan. Penerapan pendekatan Kerajaan secara menyeluruh adalah penting dalam menjalin sinergi antara pelbagai Kementerian dan agensi untuk memastikan kejayaan pelaksanaan dasar, strategi dan inisiatif PMKS. Hakikatnya, gabungan kebijaksanaan, usaha sama dan tindakan bersepadu melalui perkongsian strategik antara Kerajaan dan sektor swasta akan meningkatkan kemajuan PMKS. Saya yakin dengan memanfaatkan kekuatan kolektif pasukan yang memandang ke hadapan secara global, kita akan berjaya dalam usaha memperkasakan PMKS untuk mengharungi cabaran masa kini dan menerajui masa depan.

Sehubungan itu, kita akan berusaha tanpa henti untuk mengatasi segala rintangan dalam membina era baharu pertumbuhan dan pemulihan ekonomi yang mampan untuk pemerkasaaan PMKS. Marilah kita bersama-sama berpegang kepada aspirasi Malaysia MADANI yang berteraskan kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan, agar Malaysia menjadi sebuah negara yang pesat dan teguh pada masa depan.



**Ewon Benedick** PGDK, ASDK  
Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi



# Bab 1

## Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PMKS



# Bab 1

## Dasar, Inisiatif dan Program Pembangunan PMKS

**W**alaupun dasar dan inisiatif berstruktur untuk pembangunan PMKS telah membantu menyokong pemulihan dan daya tahan PMKS sejak bermulanya krisis pandemik COVID-19, fasa seterusnya memberi tumpuan terhadap mengintegrasikan PMKS dalam ekonomi arus perdana untuk menjadi enjin pertumbuhan yang penting. Menyedari peranan penting PMKS dalam ekonomi, Kerajaan komited untuk mewujudkan asas bagi menyokong dan membina pembangunan PMKS. Oleh itu, pengumuman Belanjawan 2023 yang disemak semula pada awal tahun 2023 akan menjadi langkah pertama di bawah rangka kerja dasar Malaysia MADANI dan seterusnya akan memastikan PMKS tempatan kekal berdaya saing dan dapat meningkatkan keupayaan perniagaan mereka.

### STRUKTUR TADBIR URUS PEMBANGUNAN PMKS

Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) merupakan badan penggubal dasar tertinggi bagi perkara yang berkaitan dengan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Majlis ini memutuskan dasar, strategi dan pelan tindakan yang berkaitan dengan pembangunan usahawan dan PMKS yang holistik merentasi semua sektor ekonomi. Carta 1.1 menggambarkan struktur tadbir urus yang telah ditubuhkan untuk membangunkan PMKS di Malaysia. Beberapa inisiatif utama yang dilaksanakan dengan jayanya menerusi MPUPK, antaranya ialah mengguna pakai definisi yang seragam untuk PMKS, pembangunan pangkalan data PMKS, pemantauan dan analisis program pembangunan PMKS, pembangunan infrastruktur pembiayaan PMKS dan Pelan Induk PKS (2012 - 2020) beserta langkah-langkah pelaksanaannya.

Carta 1.1: Struktur Tadbir Urus Pembangunan PMKS di Malaysia



Mesyuarat MPUPK yang diadakan pada Mac 2023 telah memberi penekanan tentang kepentingan pelaksanaan dan pelaporan program yang komprehensif. Keputusan utama berikut telah dibuat pada mesyuarat tersebut:

- pelaksanaan program dan inisiatif perlu diperkukuhkan dengan memberi lebih tumpuan terhadap pencapaian hasil program berbanding hanya output prestasi;
- pangkalan data yang bersepadu adalah penting untuk mengurangkan bekerja secara *silo* dalam kalangan Kementerian dan agensi apabila melaksanakan program pembangunan PMKS; dan
- penambahbaikan struktur ekosistem sedia ada perlu dilakukan bagi mengurangkan pertindihan bantuan atau program dalam kalangan Kementerian dan agensi.

Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi (HLTF) untuk Pembangunan Usahawan dan PKS yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara menyediakan platform untuk sinergi pada peringkat Kerajaan Persekutuan. Dalam pada itu, Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional (MPKN) berfungsi sebagai platform antara Kerajaan Persekutuan dan Negeri yang berkaitan dengan penggubalan dasar mengenai pembangunan PMKS pada peringkat kebangsaan dan negeri.

Bagi memastikan MKPN bersidang dengan efektif, Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Keusahawanan Nasional (JTPKN) ditubuhkan untuk memainkan peranan dalam mengenal pasti masalah, cabaran dan halangan untuk membangunkan PMKS, koperasi dan usahawan tidak formal pada peringkat kebangsaan dan negeri. JTPKN bertanggungjawab untuk mengemukakan langkah-langkah strategik serta cadangan penyelesaian kepada MKPN untuk pertimbangan dan kelulusan pelaksanaan.

## PEMBANGUNAN PMKS DALAM BELANJAWAN 2023

Pada 24 Februari 2023, Kerajaan telah mengumumkan Belanjawan 2023 yang disemak semula dengan peruntukan berjumlah RM388.1 bilion (termasuk simpanan luar jangka sebanyak RM2 bilion), iaitu 16.2% lebih tinggi daripada Belanjawan 2022 (RM334.1 bilion). Dikenali sebagai Belanjawan MADANI, ia mencerminkan prinsip keberterangjawab dan sistem nilai yang luhur yang mampu mendepani tentangan semasa



termasuk cabaran ekonomi global yang sangat tidak menentu. Dengan tema 'Membangun Malaysia MADANI', sejumlah RM42.7 bilion telah diperuntukkan sama ada secara eksklusifnya memberi manfaat kepada PMKS atau boleh diakses oleh PMKS bersama-sama dengan perniagaan lain (RM3.7 bilion daripada jumlah ini adalah dana sedia ada). Antara inisiatif utama termasuk:

- Akses kepada Pembiayaan – RM37.3 bilion
- Pembangunan Perusahaan Mikro dan Inklusif – RM1.9 bilion
- Peningkatan Pendigitalan, Teknologi dan Inovasi – RM1.7 bilion
- Pembangunan Modal Insan – RM1.2 bilion
- Pembangunan Sektor Pertanian – RM266 juta
- Pembangunan Industri Pelancongan – RM250 juta

Antara insentif utama cukai dan peraturan yang boleh dimanfaatkan oleh PMKS:

- Kadar cukai PMKS ke atas pendapatan bercukai bagi RM150,000 pertama dikurangkan daripada 17.0% kepada 15.0%;
- Menyediakan elaun modal dipercepat dan pengecualian cukai 100% ke atas perbelanjaan modal untuk penggunaan teknologi dalam sektor pertanian;
- Melanjutkan potongan cukai sehingga RM1.5 juta untuk perbelanjaan penyenaian di Pasaran ACE dan LEAP sehingga tahun taksiran 2025. Potongan cukai juga diperluaskan meliputi kos penyenaian syarikat berasaskan teknologi di Pasaran Utama Bursa Malaysia;
- Melanjutkan insentif cukai pendapatan dan elaun cukai pelaburan sehingga 31 Disember 2025 dalam industri aeroangkasa bagi menggalakkan pengembangan kapasiti syarikat sedia ada dan menarik pelaburan daripada syarikat baharu;
- Akta Kredit Pengguna akan dipinda dan Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna akan ditubuhkan untuk mengawal selia perniagaan kredit dan melindungi hak pengguna;
- Penggubalan Akta Perolehan Kerajaan akan dipercepatkan; dan
- Akta Insolvensi 1967 akan dipinda supaya kes kebangkrutan dapat dilepaskan secara automatik. Kes hutang yang kurang daripada RM50,000 dan memenuhi syarat akan dilepaskan serta-merta mulai 1 Mac 2023.

# Artikel Khas

## Program Pembangunan PMKS pada Tahun 2022 dan 2023

Pelan Tindakan Bersepadu PKS (*SME Integrated Plan of Action*, SMEIPA) telah dilaksanakan sejak tahun 2006. Objektif utama SMEIPA adalah untuk menyelaraskan, memantau dan menilai pelaksanaan program pembangunan keusahawanan dan PMKS oleh Kementerian dan Agensi. Pemantauan program melalui SMEIPA adalah merujuk pada pencapaian program pada tahun sebelumnya serta program yang dirancang pada tahun semasa.

### PROGRAM PADA TAHUN 2022

Sebanyak 231 program dengan perbelanjaan kewangan berjumlah RM17.8 bilion telah dilaporkan bagi tahun 2022. Program yang dilaksanakan oleh 15 Kementerian, enam agensi tunggal dan 52 agensi telah memberi manfaat kepada 807,556 PMKS. Pada tahun 2022, pembangunan modal insan merupakan bidang tumpuan yang mempunyai jumlah program tertinggi dengan 95 program (29.0%). Program ini telah menggunakan sejumlah RM3.9 bilion dan telah memanfaatkan 213,539 PMKS. Sementara itu, akses kepada program pembiayaan menerima sebahagian besar dana sebanyak RM16.5 bilion untuk melaksanakan 90 program (27.4%) dan telah memanfaatkan 540,248 PMKS. Bagi memudahkan PMKS kepada pasaran, sebanyak 57 program (17.4%) telah dilaksanakan sepanjang tahun dengan perbelanjaan sebanyak RM116.4 juta dan telah memanfaatkan 72,685 PMKS. Baki 26.2% daripada bilangan program adalah dalam bidang tumpuan lain iaitu inovasi & penerapan teknologi serta infrastruktur.

Jadual 1: Ringkasan Program pada Tahun 2022 mengikut Bidang Tumpuan

Bidang Tumpuan	Bilangan Program		Perbelanjaan Kewangan		Bilangan Benefisiari PMKS	
	Jumlah	Sumbangan (%)	RM juta	Sumbangan (%)	Jumlah	Sumbangan (%)
Pembangunan Modal Insan	95	29.0	3,880.0	18.3	213,539	21.4
Akses kepada Pembiayaan	90	27.4	16,490.0	77.9	540,248	54.1
Akses kepada Pasaran	57	17.4	116.4	0.6	72,685	7.3
Penerapan Inovasi & Teknologi	45	13.7	575.2	2.7	63,935	6.4
Infrastruktur	41	12.5	100.8	0.5	107,920	10.8

Nota: Setiap program boleh meliputi lebih daripada satu bidang tumpuan

## PROGRAM PADA TAHUN 2023

Bagi tahun 2023, dengan jumlah peruntukan sebanyak RM10.6 bilion, Kerajaan kini melaksanakan 225 program yang dijangka memberi manfaat kepada 644,731 PMKS. Program ini akan dilaksanakan oleh 12 Kementerian, empat agensi tunggal, 52 agensi dan tujuh Kerajaan Negeri. Sebahagian besar program yang dilaksanakan adalah untuk akses kepada pembiayaan iaitu sebanyak 96 program (30.5%) dengan perbelanjaan sebanyak RM10.4 bilion dan memanfaatkan 361,419 PMKS. Dari segi jenis pembiayaan, program ini terutamanya terdiri daripada pinjaman mudah termasuk pembiayaan mikro (44.1%), skim jaminan (39.3%), modal teroka (13.2%), skim geran (2.2%), pembiayaan ekuiti & hutang (0.7%) dan lain-lain (0.5%).

Jadual 2: Ringkasan Program pada Tahun 2023 mengikut Bidang Tumpuan

Bidang Tumpuan	Bilangan Program		Perbelanjaan Kewangan		Bilangan Benefisiari PMKS	
	Jumlah	Sumbangan (%)	RM juta	Sumbangan (%)	Jumlah	Sumbangan (%)
Akses kepada Pembiayaan	96	30.5	10,440.0	80.4	361,419	51.0
Pembangunan Modal Insan	94	29.8	2,040.0	15.7	197,683	27.9
Akses kepada Pasaran	60	19.0	118.2	0.9	43,273	6.1
Penerapan Inovasi & Teknologi	46	14.6	316.8	2.4	28,112	4.0
Infrastruktur	19	6.0	65.8	0.5	78,416	11.1

Nota: Setiap program boleh meliputi lebih daripada satu bidang tumpuan

# Artikel Khas

## Dasar Agrikomoditi Negara 2021 - 2030: Memperkasakan Usahawan dan PMKS Agrikomoditi

### LATAR BELAKANG

Pemeriksaan keusahawanan dan PMKS dalam sektor agrikomoditi merupakan salah satu fokus utama Dasar Agrikomoditi Negara 2021 - 2030 (DAKN2030). Dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) 2015 - 2020, Kementerian Perladangan dan Komoditi melalui agensinya menawarkan 11 program untuk membangunkan dan melatih usahawan kelapa sawit, getah, kayu, koko dan lada. Ini termasuk meningkatkan kemahiran usahawan dan pemilik perniagaan melalui kursus jangka pendek, pinjaman mesin dan peralatan serta program inkubasi. Insentif turut diberikan kepada usahawan coklat dan usahawan yang menghasilkan pengeluaran produk makanan berasaskan minyak sawit. Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Malaysian Timber Industry Board, MTIB) juga telah memperkenalkan program reka bentuk perabot dalam industri kayu-kayan yang berjaya menggandingkan pereka tempatan dan antarabangsa untuk menghasilkan reka bentuk perabot yang lebih baik. Program yang serupa telah dirancang untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) 2021 - 2025.

### PROFIL PMKS AGRIKOMODITI

PMKS dalam sektor agrikomoditi terlibat secara langsung dalam aktiviti hiliran dan perkhidmatan sokongan. Pada tahun 2021, sebanyak 2,787 PMKS telah dikenal pasti di bawah sektor ini dengan lebih daripada 70.0% terlibat dalam sektor kayu-kayan manakala selebihnya terlibat dalam sektor minyak sawit, getah, koko, lada dan fiber berasaskan tumbuhan (kenaf).

Peranan PMKS pada peringkat hulu adalah terutamanya sebagai pembekal produk dan perkhidmatan seperti benih, baja, pengangkutan dan pemasaran. Mereka mempunyai peranan yang lebih besar pada peringkat hiliran iaitu sebagai pembekal mesin, teknologi dan bahan kimia atau pembekal pakar automasi dan penyedia latihan serta berfungsi sebagai penasihat perkhidmatan teknikal atau perunding dalam aktiviti komoditi minyak sawit, termasuk pengeluaran minyak sawit yang diproses dan oleokimia asas.

PMKS dalam sektor komoditi getah terlibat dalam pengeluaran *Standard Malaysian Rubber* (SMR) dan produk getah asas yang mempunyai standard teknikal terhad. Bagi PMKS yang berada dalam sektor komoditi kayu-kayan, kebanyakan aktiviti mereka melibatkan perkhidmatan sebagai Pengilang Peralatan Asal (Original Equipment Manufacturer (OEM) dalam pengeluaran perabot manakala mereka yang berada dalam komoditi koko terlibat dalam pengisaran biji koko dan pengeluaran coklat berskala kecil. PMKS juga terlibat dalam bidang perniagaan tradisional seperti perkhidmatan logistik, pembungkusan, perdagangan dan perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology, ICT*).

Kajian menunjukkan bahawa PMKS dalam kebanyakan sektor agrikomoditi telah mencipta pelbagai inovasi yang lazimnya dihasilkan secara dalaman tanpa sebarang bantuan formal daripada agensi Kerajaan.

## ISU YANG DIHADAPI OLEH USAHAWAN DAN PMKS DALAM SEKTOR AGRIKOMODITI

Usahawan dan PMKS memainkan peranan utama dalam inovasi, penciptaan pekerjaan dan dalam pembangunan sosioekonomi yang lebih luas. Walaupun pemain besar industri adalah penyumbang utama kepada sektor agrikomoditi, usahawan dan PMKS juga mempunyai memainkan peranan yang penting merentas rantai bekalan.

Walaupun penerapan automasi dan mekanisasi yang lebih luas serta teknologi digital telah meningkatkan permintaan perkhidmatan yang berkaitan dan mewujudkan peluang perniagaan, terutamanya bagi mereka di kawasan luar bandar, PMKS masih berhadapan dengan isu utama mengenai pertumbuhan dan pembangunan mereka, termasuk akses kepada pembiayaan, akses yang terhad terhadap bakat mahir dan ketidakupayaan untuk meneroka potensi mereka dalam aktiviti bernilai tinggi.

PMKS dalam industri agrikomoditi, sama seperti PMKS dalam sektor lain, kekurangan pembiayaan bagi menyokong pertumbuhan, pembangunan dan pengembangan perniagaan mereka. Akses kepada pembiayaan adalah cabaran utama memandangkan pelabur, pemodal teroka dan institusi kewangan menolak risiko yang terlibat dalam pembiayaan perniagaan baharu atau inovasi yang belum terbukti.

Kajian ekonomi digital Malaysia oleh Bank Dunia pada tahun 2018 menerangkan bahawa akses kepada modal dikenal pasti sebagai 'masalah bertahap sederhana hingga tinggi' bagi majoriti syarikat di Malaysia, termasuk PMKS. Walaupun terdapat pelbagai program pembiayaan untuk PMKS yang layak, mereka mengatakan bahawa ianya sukar untuk mengakses program tersebut secara amnya kerana keupayaan mereka yang terhad bagi menangani proses permohonan yang rumit.

Nilai sektor agrikomoditi secara amnya cenderung ke arah aktiviti hiliran, terutamanya dalam pengeluaran, nilai eksport dan peluang guna tenaga pekerja mahir. PMKS perlu mempercepatkan peralihan kepada aktiviti ekonomi nilai ditambah tinggi melalui penerapan teknologi, pembangunan produk dan aplikasi inovatif baharu serta penerapan e-dagang, pada kadar yang jauh lebih perlahan berbanding sektor lain seperti pembuatan dan perkhidmatan.

Walau bagaimanapun, proses peralihan bukan sahaja terhalang oleh kesukaran terhadap akses kepada pembiayaan tetapi juga oleh kekurangan bakat mahir. Guna tenaga bakat mahir adalah cabaran besar bagi PMKS dalam sektor agrikomoditi kerana mereka tidak dapat atau dianggap tidak mampu untuk membayar kadar pasaran bagi bakat tersebut, terutamanya apabila bekerja dalam sektor dianggap sebagai 3D (kotor, bahaya, sukar) dan mempunyai peluang kemajuan kerjaya yang lemah. Oleh itu, PMKS tidak dapat mengambil peluang baharu, menanggung kos teknologi, menjalankan penyelidikan & pembangunan (*research & development*, R&D) serta pengkomersialan & inovasi yang tinggi dan akhirnya tidak dapat meneroka potensi mereka untuk beralih ke arah aktiviti nilai ditambah tinggi.

PMKS perlu mempercepatkan peralihan kepada aktiviti ekonomi nilai ditambah tinggi melalui penerapan teknologi, pembangunan produk dan aplikasi inovatif baharu serta penerapan e-dagang, pada kadar yang jauh lebih perlahan berbanding sektor lain seperti pembuatan dan perkhidmatan.



## MEMPERKASAKAN PMKS DALAM SEKTOR AGRIKOMODITI

Pembangunan usahawan dan PMKS yang bersepadu adalah penting dalam merealisasikan aspirasi Kerajaan untuk pembangunan sosioekonomi yang mampan dan seimbang seperti yang disokong dalam agenda di bawah Dasar Keusahawanan Nasional 2030. Kerajaan secara konsisten memberi tumpuan dalam meningkatkan kemahiran usahawan dalam sektor agrikomoditi melalui latihan dan pemindahan teknologi serta dengan memulakan langkah-langkah untuk meningkatkan akses kepada pasaran. Usaha ini akan diteruskan dalam tempoh DAKN2030.

Strategi masa depan bagi sektor ini adalah untuk memperluaskan perkhidmatan dan memacu inovasi dalam kalangan PMKS. Tiga strategi utama yang akan dilaksanakan ke arah matlamat ini ialah:



Membangunkan perkhidmatan pintar bagi membolehkan usahawan dan PMKS dalam sektor ini menyediakan perkhidmatan digital termasuk pembangunan aplikasi teknologi, pembaikan peralatan automasi dan mekanisasi, logistik dan pengurusan stok. Model perniagaan baharu yang boleh mengubah keseluruhan rantaian nilai bagi sektor ini melalui aplikasi teknologi digital akan diberi keutamaan.

Menyokong inovasi yang dilaksanakan oleh PMKS dengan meningkatkan keupayaan inovasi mereka melalui rangkaian industri, termasuk menyediakan bimbingan dan latihan bagi meningkatkan pendedahan PMKS terhadap teknologi baharu. Dana Teroka Inovasi (*Innovation Venture Fund*) akan dibangunkan untuk sektor agrikomoditi, berdasarkan model *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology* (CREST) bagi industri elektronik. Dana ini akan membiayai inovasi, R&D, pembangunan prototaip dan peningkatan skala pengeluaran.



Menarik minat usahawan agrikomoditi dalam aktiviti hulu untuk mengguna pakai aplikasi teknologi dan prosedur kerja baharu bagi memastikan mereka tidak ketinggalan. Usahawan akan diberi dana untuk bekerjasama dengan koperasi melalui model perkongsian bagi memperkenalkan amalan pertanian komersial, perolehan dan kaedah pemasaran digital. Perusahaan sosial juga akan digalakkan untuk bekerjasama dengan pekebun kecil bagi menambah baik amalan pertanian terbaik, membangunkan produk dari ladang ke meja (*farm-to-table*) dan mewujudkan akses kepada pasaran, termasuk melalui penceritaan (*storytelling*) dan pemasaran digital.



Antara aktiviti berdasarkan sektor untuk memperkasakan usahawan dan PMKS ialah:

GETAH						
Teras Dasar	Indikator	Garis Asas 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030	Strategi	
KETERANGKUMAN	Sumbangan PMKS agrikomoditi kepada pengeluaran agrikomoditi	RM2.4 bilion	RM3.4 bilion	RM4.4 bilion	-	
	Meningkatkan penyertaan Bumiputera dan menjaga kesejahteraan pekebun kecil	Peratusan PMKS Bumiputera pada peringkat pertengahan dan hiran, terutamanya Usahawan Bumiputera Generasi Baharu	4.0% (13/325)	7.0% (23/325)		9.0% (33/367)
KAYU-KAYAN						
Teras Dasar	Indikator	Garis Asas 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030	Strategi	
KETERANGKUMAN	Bilangan usahawan Bumiputera	370	500	600	Memperkasakan penyertaan Bumiputera dalam industri kayu-kayan melalui perkongsian pintar	
	Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri kayu-kayan	Sumbangan PMKS agrikomoditi kepada pengeluaran agrikomoditi	RM65 juta	RM85 juta		RM100 juta
		Peratusan PMKS Bumiputera pada peringkat pertengahan dan hiran, terutamanya Usahawan Bumiputera Generasi Baharu	43.8% (370/845)	59.2% (500/845)	71.0% (600/845)	Menambah baik kesejahteraan pekerja
KOKO						
Teras Dasar	Indikator	Garis Asas 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030	Strategi	
KETERANGKUMAN	Jumlah pendapatan usahawan / PMKS	RM5 juta	RM12.5 juta	RM25 juta	-	
	Meningkatkan pendapatan pekebun kecil dan membangunkan usahawan	Sumbangan PMKS agrikomoditi kepada pengeluaran agrikomoditi	RM5.8 juta	RM12.5 juta		RM25 juta
		Peratusan PMKS Bumiputera pada peringkat pertengahan dan hiran, terutamanya Usahawan Bumiputera Generasi Baharu	93.0% (216/232)	90.0% (254/282)		80.0% (257/321)

LADA					
Teras Dasar	Indikator	Garis Asas 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030	Strategi
KETERANGKUMAN Menjalin kerjasama antara pekebun kecil dan industri	Bilangan pengusaha lada yang dilahirkan	52	50	50	Melaksanakan program khas bagi melahirkan usahawan lada
	Sumbangan PMKS agrikomoditi kepada pengeluaran agrikomoditi	RM20 juta	RM24 juta	RM25 juta	
	Peratusan PMKS Bumiputera pada peringkat pertengahan dan hiliran, terutamanya Usahawan Bumiputera Generasi Baharu	20.0% (11/55)	30.0% (600/2,000)	40.0% (800/2,000)	Memuda cara kerjasama antara pengeluar dengan pemain dalam industri lada

FIBER BERASASKAN TUMBUHAN					
Teras Dasar	Indikator	Garis Asas 2020	Sasaran 2025	Sasaran 2030	Strategi
KETERANGKUMAN Meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam industri kenaf	Sumbangan PMKS agrikomoditi kepada pengeluaran agrikomoditi	9.4 juta	22.5 juta	45.5 juta	Meningkatkan pembangunan usahawan Bumiputera dan PMKS melalui program industri baharu
	Peratusan PMKS Bumiputera pada peringkat pertengahan dan hiliran, terutamanya Usahawan Bumiputera Generasi Baharu	99.0% (125/126)	80.0% (210/263)	60.0% (520/867)	Membentuk koperasi pekebun kecil untuk membina ekonomi sektor melalui mekanisasi dan inisiatif lain

Sumber: DAKN2030



# Artikel Khas

## Perniagaan Inklusif

Konsep Perniagaan Inklusif (Inclusive Business, IB) di Malaysia adalah berdasarkan Rangka Kerja Perniagaan Inklusif ASEAN yang mendapat sokongan oleh negara anggota pada tahun 2017.

Model IB melihat perniagaan sebagai pembekal barangan, perkhidmatan dan pendapatan secara komersial, berskala besar terhadap komuniti di bahagian bawah piramid pendapatan (bottom of pyramid, BoP) dan menjadikan mereka sebahagian daripada rantaian nilai teras perniagaan sama ada sebagai pelanggan, pengilang, pembekal, pengedar, peruncit atau pemegang francais.

Pada tahun 2019, United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific (UNESCAP) dan Inclusive Business Action Network (iBAN) telah menghasilkan Laporan Kajian Landskap Perniagaan Inklusif di Malaysia yang telah selesai pada tahun 2021 dan diterbitkan di laman web UNESCAP pada tahun 2022.

Laporan ini menyentuh mengenai kepentingan IB kepada Malaysia serta analisis dan penilaian persekitaran di samping aspek promosi IB di negara ini. Laporan ini berfungsi sebagai dokumen rujukan untuk agenda IB di Malaysia.

Promosi IB adalah selaras dengan prinsip utama agenda pembangunan sosioekonomi negara dan matlamat asas RMKe-12 iaitu menangani kemiskinan dan keterangkuman konsisten dengan prinsip tidak meninggalkan sesiapa di belakang (leaving no one behind) dalam usaha untuk mencapai taraf hidup yang lebih baik.

Untuk mencapai matlamat ini, SME Corp. Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi mempromosikan IB di Malaysia, termasuk aktiviti promosi dan jangkauan IB dan Projek Rintis Inisiatif Pembangunan Rantaian Nilai Perniagaan Inklusif (Inclusive Business Value Chain Development Initiative, IB-VCDI). Aktiviti promosi dan jangkauan termasuk seminar dan forum mengenai IB menjadi sebahagian daripada aktiviti jangkauan dan promosi bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman IB dalam kalangan agensi Kerajaan, PMKS dan institusi kewangan.

Projek Rintis IB-VCDI yang dilancarkan pada 2 Ogos 2022 bertujuan untuk membangunkan perusahaan mikro dan komuniti inklusif yang berpotensi, termasuk kumpulan B40, wanita dan belia, untuk membolehkan mereka menjana pendapatan melalui integrasi ke dalam nilai atau rantaian bekalan syarikat.

Di bawah projek ini, empat rakan strategik iaitu Farm Fresh Berhad, Serai Malaysia Sdn Bhd, Pepper Labs Sdn Bhd dan Mostwell Sdn Bhd telah menerapkan elemen model IB dalam operasi perniagaan masing-masing telah dilantik sebagai Syarikat Prinsipal IB dan diberi tanggungjawab untuk menyediakan intervensi yang sesuai bagi melaksanakan projek IB kepada komuniti inklusif dengan tujuan mengintegrasikan mereka ke dalam rantaian nilai syarikat.

SME Corp. Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif bagi mempromosikan IB di Malaysia, termasuk aktiviti promosi dan jangkauan IB dan Projek Rintis Inisiatif Pembangunan Rantaian Nilai Perniagaan Inklusif (Inclusive Business Value Chain Development Initiative, IB-VCDI).

### **Projek Pembangunan Usahawan IB dan Pengekar dari Rumah (*Home-Dealer*) dalam Industri Tenusu**

Farm Fresh Berhad adalah jenama tempatan terkemuka untuk industri tenusu di Malaysia. Melalui Projek Pembangunan Usahawan IB Farm Fresh dan Pengekar dari Rumah, syarikat berusaha bagi memperkasakan ibu tunggal, suri rumah dan golongan miskin bandar untuk menjadi pengekar dari rumah (sebagai penjual secara langsung dan / atau melalui rangkaian ejen mereka di kawasan yang disasarkan).

Peserta dilengkapi dengan stok awal, latihan, pemantauan dan kit permulaan termasuk mesin penyejuk. Farm Fresh menyelia penjualan peserta yang akhirnya akan berkembang menjadi pengekar UHT dan susu pasteur segar untuk menjana pendapatan dalam komuniti masing-masing.

Usaha Farm Fresh dalam meningkatkan pendapatan komuniti terpinggir membolehkan mereka memperoleh Anugerah Perniagaan ASEAN 2020 di bawah Kategori IB.

### **Projek IB melalui Tanaman Serai**

Serai Malaysia Sdn Bhd, anak syarikat pengilang peranti perubatan Star Medik Group Sdn Bhd telah ditubuhkan sebagai laluan untuk melibatkan komuniti, terutamanya golongan miskin di kampung, dalam rantaian nilai IB. Di bawah Projek Serai Malaysia, syarikat ini membuat pembelian serai secara pukal dengan jaminan dan konsisten pada harga yang lebih tinggi dari harga pasaran daripada peserta dari lima kampung. Para peserta diselia dan dibimbing oleh syarikat untuk memastikan tanaman mereka berkualiti premium.

Serai Malaysia telah memenangi Anugerah IB ASEAN 2022 kerana kecemerlangan dan pematuhan terhadap konsep IB serta menjana kesan sosioekonomi kepada golongan rakyat di bahagian bawah piramid pendapatan.

### **Projek IB dalam Industri Makanan & Minuman**

Pepper Labs Sdn Bhd melalui Projek Perintis IB dalam industri makanan & minuman membantu komuniti yang kurang bernasib baik seperti ibu tunggal yang tinggal di bandar untuk meningkatkan taraf hidup mereka dengan menyediakan latihan mengenai membuat resipi, perolehan bahan mentah serta jualan dan pemasaran dalam industri makanan & minuman.

Kaum wanita dari pelbagai latar belakang yang menyertai projek ini bukan sahaja meningkatkan pendapatan bulanan mereka tetapi juga menjana pendapatan yang stabil dan berterusan melalui pesanan katering makanan untuk acara dan sambutan perayaan.

Pepper Labs memenangi pengiktirafan bagi hasil kerja mereka dengan memenangi Anugerah Perniagaan ASEAN 2021 di bawah Kategori IB.

### **Projek IB dalam Industri Percetakan Eko**

Projek Keusahawanan oleh Mostwell Sdn Bhd melalui pewarna semula jadi dan percetakan eko telah membolehkan artisan atau individu yang mahir dalam sesuatu pekerjaan tangan dari komuniti B40 memperoleh pendapatan tetap dengan menyediakan latihan dalam bidang jahitan. Kebanyakan peserta projek adalah wanita dan salah seorang daripada mereka kini menjual pakaian buatan tangan di pusat membeli-belah Kuala Lumpur City Centre (KLCC), dengan pihak pengurusan KLCC menanggung sewa sepenuhnya bagi premis perniagaannya.

### **Bengkel APEC mengenai Perniagaan Inklusif**

SME Corp. Malaysia menganjurkan Bengkel APEC mengenai Perniagaan Inklusif: Melakar Lalan bagi Kemakmuran Bersama menerusi Keterangan dari 29 - 30 November 2022.

Seramai 116 peserta tempatan dan antarabangsa menghadiri acara selama dua hari ini. Bengkel ini terdiri daripada sesi dialog dan tiga perbincangan panel mengenai topik yang berkaitan dengan peranan dan potensi IB dalam pembangunan sosioekonomi, pemerdayaan wanita, sokongan bagi ekosistem IB serta mempamerkan jaguh IB di Malaysia.





## Bab 2

# Agenda PMKS pada Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan



## Bab 2

# Agenda PMKS pada Peringkat Global & Serantau dan Pengantarabangsaan

**T** Globalisasi pasaran menjadi semakin meningkat sejak dua dekad yang lalu, PMKS sering merasakan perlu mengantarabangsakan aktiviti perniagaan mereka untuk kekal berdaya saing. Dalam persekitaran hari ini, PMKS yang bermula dengan strategi global boleh bergerak pantas bagi memanfaatkan aktiviti rentas sempadan, bukan sahaja menyediakan peluang untuk pertumbuhan hasil tetapi juga pertukaran ilmu pengetahuan dan peningkatan keupayaan yang mengukuhkan daya saing firma untuk jangka panjang.

PMKS merupakan tunjang sejumlah besar ekonomi negara dan memainkan peranan penting dalam pasaran global semasa. PMKS mempunyai beberapa kekuatan tingkah laku seperti dinamisme dan fleksibiliti keusahawanan, tetapi pada masa yang sama mereka menghadapi kekurangan dari segi sumber kewangan dan pengurusan, yang mempengaruhi keupayaan mereka untuk mencapai skala ekonomi dan skop. Berikutan ciri-ciri ini, mereka menghadapi pelbagai cabaran apabila bersaing pada peringkat antarabangsa dengan syarikat multinasional yang besar.

### **JAWATANKUASA PENYELARAS ASEAN BAGI PERUSAHAAN MIKRO, KECIL DAN SEDERHANA**

Mesyuarat Jawatankuasa Penyelaras ASEAN bagi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (*ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises, ACCMSME*) diadakan dua kali setahun secara bergilir dalam kalangan negara anggota ASEAN. Pada tahun 2022, Sekretariat ASEAN telah menganjurkan mesyuarat ACCMSME Ke-13 dari 14 - 16 Jun dan ACCMSME Ke-14 dari 21 - 24 November iaitu kedua-dua mesyuarat ini diadakan secara maya.

Kemboja merupakan pengerusi ASEAN bagi tahun 2022. Tema Jawatan Pengerusi ASEAN 2022 ialah ASEAN A.C.T.: Menangani Cabaran Bersama bagi menekankan semangat kebersamaan ASEAN sebagai satu komuniti dan kehendak bersama dalam menangani dan mengatasi cabaran yang dihadapi secara kolektif di rantau ini.

Pembangunan PMKS di ASEAN kini berpandukan Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan PKS 2016 – 2025 (*Strategic Action Plan for SME Development, SAP SMED 2025*) selama sepuluh tahun. SAP SMED 2025 yang dilancarkan di samping Sidang Kemuncak ASEAN Ke-27 pada November 2015, bertujuan untuk meningkatkan kerjasama ASEAN ketika ketidakpastian landskap ekonomi yang semakin berdaya saing dan untuk menyokong pertumbuhan dan pembangunan PMKS dengan mewujudkan PMKS yang berdaya saing dan inovatif pada peringkat global menjelang tahun 2025.

Pelan ini menangani isu-isu yang lazim dihadapi oleh PMKS melalui lima matlamat strategik:



ACCMSME Ke-15 dan Mesyuarat Berkaitan telah diadakan di Bangkok, Thailand dari 22 - 26 Mei 2023. Mesyuarat tersebut membincangkan pembangunan PMKS di rantau ASEAN dan status Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan PKS. Antara intervensi berkaitan dengan Malaysia yang ditekankan ialah pembentangan Nota Konsep mengenai *Japan – ASEAN Invest Fit Acceleration Programme* oleh CEDAR, perkongsian mengenai Inisiatif Pembangunan Rantai Nilai Perniagaan Inklusif (*Inclusive Business Value Chain Development Initiative, IB-VCDI*) oleh SME Corp. Malaysia, maklumat terkini mengenai kerjasama dengan KUSKOP dalam penganjuran "Siri Bengkel 2023 Majlis Perniagaan AS-ASEAN di negara anggota ASEAN dan maklumat terkini mengenai aktiviti pepadanan perniagaan antara SME Corp. Malaysia dan *SME Support Japan (SMRJ)*.

## MESYUARAT KUMPULAN KERJA PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA APEC

Kumpulan Kerja Perusahaan Kecil dan Sederhana APEC (*Small and Medium Enterprises Working Group, SMEWG*) bersidang dua kali setahun bagi membincangkan dan menggerakkan projek dan inisiatif untuk PKS di rantau ini. Dua mesyuarat pleno telah diadakan pada tahun 2022, iaitu secara maya di Chile pada 26 - 27 April dan secara fizikal di Phuket, Thailand pada 7 - 8 September.




Semua anggota ekonomi akan terus melaksanakan program di bawah lima bidang keutamaan Pelan Strategik SMEWG 2021 – 2024:



SME Corp. Malaysia menjelaskan mengenai Program Peningkatan Industri Strategik dan Industri PKS Berprestasi Tinggi (*Programme for Enhancement of Strategic Industry and High Growth Enterprise, PRESTIGE*) di bawah Bidang Keutamaan 2. Program ini menyasarkan untuk membangunkan PKS yang berdaya saing pada peringkat global dalam sektor strategik dengan meningkatkan bilangan firma berpertumbuhan tinggi dan inovatif serta meningkatkan produktiviti mereka. Aktiviti di bawah PRESTIGE tertumpu terhadap pembinaan kapasiti dan bantuan kewangan untuk meningkatkan keupayaan PKS terpilih melalui penyesuaian teknologi, transformasi organisasi dan strategi pemasaran.

Mesyuarat Peringkat Menteri PKS APEC Ke-28 telah diadakan di Phuket dari 9 – 10 September 2022 iaitu dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri Thailand. Mesyuarat itu menekankan mengenai kepentingan objektif tema Mesyuarat Peringkat Menteri PKS APEC, Pemulihan Inklusif PMKS di APEC melalui Model Ekonomi Bio – Kitaran – Hijau (*Bio – Circular – Green, BCG*) dan Ekosistem Berimpak Tinggi yang bertujuan untuk memanfaatkan teknologi dan inovasi untuk mencipta nilai, mengurangkan pembaziran dan mempromosikan model perniagaan yang mampan. Promosi pemulihan inklusif dan berimpak tinggi tertumpu kepada empat bidang keutamaan:

Program ini menyasarkan untuk membangunkan PKS yang berdaya saing pada peringkat global dalam sektor strategik dengan meningkatkan bilangan firma berpertumbuhan tinggi dan inovatif serta meningkatkan produktiviti mereka.



Pada tahun 2023, SMEWG APEC Ke-55 telah diadakan dari 4 - 5 Mei 2023 di Hong Kong, China. Mesyuarat tersebut membincangkan pelbagai projek dan inisiatif serta berkongsi amalan terbaik mengenai isu strategik dalam pembangunan PMKS. Malaysia membentangkan mengenai landskap PMKS negara, usaha memformalkan usahawan tidak formal dan laporan projek Bengkel APEC mengenai Perniagaan Inklusif: Melakarkan Laluan bagi Kemakmuran Bersama menerusi Keterangkuman. Malaysia berkongsi kemajuan Program *Micro Connector* bagi maklumat terkini dalam Bidang Keutamaan 3 di bawah Pelan Strategik SMEWG di APEC SMEWG Ke-56 di Seattle, Amerika Syarikat dari 4 - 5 Mei 2023. Lawatan sampingan ke Kilang Boeing Renton di Seattle membuka jalan untuk pertukaran simbiotik berkaitan pengetahuan, amalan terbaik dan potensi kerjasama dalam pemindahan teknologi, pembinaan kapasiti dan pembangunan bersama bagi penyelesaian inovatif yang akan menyediakan peluang akses kepada pasaran untuk PMKS di Malaysia dalam rantaian nilai Boeing.

## PERJANJIAN PERKONGSIAN EKONOMI KOMPREHENSIF SERANTAU

Malaysia merupakan penandatangan kepada Perjanjian Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau (*Regional Comprehensive Economic Partnership, RCEP*), iaitu perjanjian perdagangan antara 10 anggota ASEAN, China, Jepun, Korea Selatan, Australia dan New Zealand. RCEP adalah inisiatif yang didorong oleh ASEAN dan penggabungan perjanjian perdagangan bebas sedia ada antara ASEAN dan negara anggota, berhasrat untuk mewujudkan perkongsian ekonomi yang moden, komprehensif, berkualiti tinggi dan menguntungkan kedua-dua belah pihak bagi memudah cara pengembangan perdagangan dan pelaburan serantau serta menyumbang kepada pertumbuhan dan pembangunan ekonomi global.

SME Corp. Malaysia menyampaikan ucapan khas mengenai Transformasi PKS untuk Bersaing pada Peringkat Global setelah Ratifikasi RCEP di Forum Perniagaan oleh Gabungan Persatuan-Persatuan Perniagaan Malaysia (*Federation of Malaysian Business Associations, FMBA*) 2023. Ucapan tersebut bertujuan untuk mewujudkan pemahaman yang lebih baik tentang manfaat RCEP kepada PMKS dan perniagaan secara umum. Lebih daripada 200 pemimpin perniagaan yang berpengaruh, termasuk presiden daripada pelbagai dewan perniagaan dan ketua industri menghadiri forum ini. SME Corp. Malaysia juga menekankan beberapa inisiatif dan program pengantarabangsaan yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan pertumbuhan dan daya saing PMKS domestik, peranan utama agensi dalam pembangunan PMKS secara progresif serta usaha untuk memudah cara pengantarabangsaan PMKS.

## PERTUBUHAN KERJASAMA DAN PEMBANGUNAN EKONOMI

Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (*Organisation For Economic Co-Operation And Development, OECD*) adalah sebuah organisasi antarabangsa yang berusaha untuk membina dasar yang lebih kukuh untuk kehidupan yang lebih baik. Matlamat OECD ialah untuk membentuk dasar yang memupuk kemakmuran, kesaksamaan, peluang dan kesejahteraan untuk semua. Berdasarkan OECD, PMKS kurang diberi perhatian dalam perdagangan antarabangsa dan menyumbang sebahagian kecil kepada eksport berbanding dengan sumbangan keseluruhan aktiviti dan guna tenaga. Ini adalah kerana PMKS mempunyai sumber yang lebih sedikit untuk menampung kos tinggi yang sering dikaitkan sekiranya terlibat dalam pasaran antarabangsa. Firma yang lebih kecil juga menghadapi cabaran yang lebih hebat daripada firma yang lebih besar dalam memacu pasaran asing, dengan kapasiti yang rendah untuk menangani keperluan pengawalseliaan yang rumit.

### Rantaian Nilai dan Perdagangan Global

Kini, 70.0% daripada perdagangan antarabangsa melibatkan rantaian nilai global (*global value chains, GVC*) kerana perkhidmatan, bahan mentah, alat ganti dan komponen merentasi sempadan dengan kekerapan yang tinggi. Setelah digabungkan menjadi produk akhir, produk-produk tersebut dihantar kepada pengguna di seluruh dunia. Eksport dari satu negara ke negara lain sering melibatkan interaksi yang rumit antara pelbagai pembekal dalam dan luar negara. Malah lebih daripada sebelum ini, perdagangan ditentukan oleh keputusan strategik firma untuk melakukan penyumberan luar, melabur dan menjalankan aktiviti di tempat kemahiran dan bahan yang diperlukan tersedia pada kos dan kualiti yang kompetitif.

Pengukuran yang lebih baik membawa kepada dasar yang lebih kukuh. Bagi menjawab soalan dasar yang dibangkitkan berikutan kepentingan GVC terhadap perdagangan dan pelaburan, OECD telah memperkenalkan inisiatif untuk mengukur terma perdagangan nilai ditambah (*trade in value-added*, TiVA) untuk memberikan pandangan yang lebih tepat tentang kepentingan perdagangan terhadap ekonomi asas. TiVA mengenal pasti nilai yang ditambah di sepanjang rantaian bekalan, untuk menganggarkan pendapatan dan pekerjaan diwujudkan serta memberi perspektif baharu mengenai ketidakseimbangan perdagangan dua hala. Inisiatif TiVA oleh OECD mengambil kira nilai ditambah oleh setiap negara dalam pengeluaran barangan dan perkhidmatan yang digunakan di seluruh dunia. Petunjuk TiVA direka untuk menyediakan maklumat yang lebih baik kepada penggubal dasar dengan memberikan pandangan baharu mengenai hubungan komersial antara negara. Daya saing eksport sesebuah negara boleh bergantung terhadap input yang diimport (input termasuk eksport terdahulu oleh negara tersebut), negara juga perlu menangani halangan mereka sendiri untuk berdagang jika mereka ingin meraih manfaat apabila menyertai perdagangan GVC.

Bagi negara membangun yang ingin memasuki atau menyertai GVC, mungkin terdapat tekanan untuk meningkatkan rantaian nilai dalam aktiviti penambahan nilai yang lebih tinggi. Tetapi manfaat daripada menyertai GVC boleh diperolehi daripada pelbagai peringkat rantaian nilai, yang penting adalah dengan melakukan lebih banyak aktiviti berdasarkan kepakaran yang sedia ada. Negara yang mempunyai kecekapan pada peringkat pemasangan atau pengeluaran boleh menjana nilai yang lebih besar dengan menjadi pembekal aktiviti yang berdaya saing pada peringkat global, berbanding menjalankan aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi namun negara tersebut kurang berdaya saing. Akhirnya, yang penting adalah jumlah nilai yang boleh dijana oleh aktiviti ekonomi dalam rantaian nilai.

### Kesan Pendigitalan terhadap Perdagangan

Transformasi digital telah mengurangkan kos untuk menyertai perdagangan antarabangsa, memudah cara penyelarasan GVC, membantu menyebarkan idea dan teknologi serta menghubungkan lebih banyak perniagaan dan pengguna di seluruh dunia. Walaupun bukan sesuatu yang mudah untuk menyertai perdagangan antarabangsa, penerapan model perniagaan baharu telah menghasilkan urus niaga perdagangan antarabangsa dan isu dasar yang lebih rumit.

Dalam era dunia yang semakin pesat dan saling berkait kini, kerajaan menghadapi cabaran baharu terhadap pengawalseliaan, bukan hanya dalam menguruskan isu yang timbul daripada gangguan digital, tetapi juga dalam memastikan peluang dan manfaat daripada perdagangan digital dapat direalisasikan dan dikongsi secara inklusif. Pendigitalan meningkatkan skala, skop dan kepantasan perdagangan. Ini membolehkan firma memperkenalkan produk dan perkhidmatan baharu kepada lebih ramai pelanggan yang berhubung secara digital di seluruh dunia. Ini membolehkan firma, terutamanya yang lebih kecil, menggunakan alat digital baharu dan inovatif untuk menangani kekangan terhadap pertumbuhan, membantu memudahkan pembayaran, membolehkan kerjasama, menggantikan pelaburan dalam aset tetap dengan perkhidmatan berasaskan awan dan menggunakan mekanisme pembiayaan alternatif seperti pendanaan ramai (*crowdfunding*). Pendigitalan juga mengubah cara kita berdagang sesuatu barangan. Sebagai contoh, pertumbuhan platform dalam talian telah membawa kepada peningkatan jumlah pakej kecil yang dijual merentasi sempadan antarabangsa. Ini menimbulkan pelbagai isu kepada penggubal dasar, bermula dari pengurusan fizikal perdagangan bungkusan, hingga implikasi terhadap pengurusan risiko (seperti berkaitan dengan barangan palsu atau piawaian biosekuriti) dan implikasi hasil berkaitan dengan kutipan cukai dan tarif.

Dalam era dunia yang semakin pesat dan saling berkait kini, kerajaan menghadapi cabaran baharu terhadap pengawalseliaan, bukan hanya dalam menguruskan isu yang timbul daripada gangguan digital, tetapi juga dalam memastikan peluang dan manfaat daripada perdagangan digital dapat direalisasikan dan dikongsi secara inklusif.

Pada masa yang sama, teknologi dan model perniagaan baharu mengubah cara perkhidmatan dihasilkan dan dibekalkan, mengaburkan perbezaan yang samar antara barangan & perkhidmatan, kaedah penghantaran serta memperkenalkan gabungan barangan & perkhidmatan baharu. Peti sejuk pintar memerlukan akses kepada pasaran bukan sahaja untuk barangan, tetapi juga untuk perkhidmatan yang ditawarkan. Serta barangan yang dihasilkan oleh percetakan 3D, sebagai contoh, boleh menyeberangi sempadan sebagai perkhidmatan reka bentuk, tetapi menjadi satu barangan apabila digunakan. Oleh itu, isu-isu tersebut menyebabkan cabaran baharu tentang cara dasar mengenai perdagangan dan pelaburan antarabangsa digubalkan.

### Mesyuarat Peringkat Menteri mengenai PKS dan Keusahawanan oleh OECD

Pada 27 - 28 Jun 2023, Menteri-menteri dari negara anggota OECD dan ekonomi bukan OECD yang dijemput, bersama-sama rakan kongsi daripada Pertubuhan Antarabangsa dan pakar-pakar, berkumpul di Ibu Pejabat OECD di Paris untuk mesyuarat pertama Jawatankuasa mengenai PKS dan Keusahawanan (Committee on SMEs and Entrepreneurship, CSME) OECD pada Peringkat Menteri. Dengan bertemakan Dasar PKS dan Keusahawanan yang Kalis Masa Depan, mesyuarat tersebut membincangkan mengenai pengukuhan daya tahan PKS dan usahawan dalam ketidaktentuan persekitaran, meningkatkan sumbangan PKS dan usahawan kepada digital dan peralihan hijau serta membolehkan PKS dan usahawan memacu landskap perdagangan dan pelaburan global yang kian berubah. Malaysia diwakili oleh YB Datuk Ewon Benedick, Menteri KUSKOP.



## INISIATIF MENGANTARABANGSAKAN PMKS DI MALAYSIA

### Program Rantaian Global PKS

SME Corp. Malaysia melancarkan Program Rantaian Global PKS (*Glocal Linkages SME Programme*, GLOSMEP) pada tahun 2021 yang berfungsi sebagai platform bersepadu bagi PMKS untuk mengakses pasaran domestik dan antarabangsa iaitu PMKS dan rakan kongsi perniagaan boleh terlibat dalam perbincangan perniagaan untuk tawaran yang berpotensi.

GLOSMEP mempunyai tiga objektif:



Antara aktiviti yang dijalankan di bawah GLOSMEP adalah perkongsian maklumat mengenai peluang pasaran melalui seminar dan webinar; membangunkan rangkaian secara maya dan platform padanan perniagaan untuk mempromosikan produk dan perkhidmatan kepada syarikat besar; dan menganjurkan padanan perniagaan dan aktiviti rangkaian bagi meningkatkan potensi produk dan perkhidmatan PMKS untuk menjadi sebahagian daripada rantaian bekalan syarikat besar.

Aktiviti berkaitan eksport adalah termasuk pembinaan kapasiti dan pensijilan untuk meningkatkan penjenamaan PMKS agar setanding dengan piawaian antarabangsa dan menyokong PMKS melalui program bantuan kewangan bersepadu.

### MatchME

Platform MatchME merupakan salah satu komponen utama di bawah GLOSMEP, bertujuan untuk menghubungkan perniagaan melalui rangkaian dan padanan perniagaan secara maya. Platform ini mempunyai tiga ciri utama:



Pada tahun 2022, satu siri program padanan perniagaan hibrid dengan sejumlah 431 PMKS mengambil bahagian telah dilaksanakan di platform MatchMe. Sebanyak 312 sesi padanan perniagaan telah dijalankan dengan penyertaan 48 syarikat multinasional dan syarikat besar di Malaysia dan luar negara. Sesi ini telah menjana potensi jualan bernilai RM35.8 juta.

PMKS telah mengubah keutamaan mereka untuk mengadakan mesyuarat daripada secara maya kepada fizikal berikutan peralihan Malaysia daripada fasa pandemik kepada endemik. Walau bagaimanapun, platform secara maya yang ditawarkan melalui MatchMe telah mendatangkan hasil dengan menjimatkan kos dan masa dalam menyediakan lebih banyak pilihan dan terbukti berkesan untuk aktiviti padanan perniagaan yang melibatkan syarikat asing serta PMKS tempatan di seluruh negara.

### Hasil Aktiviti di bawah GLOSMEP

Hasil aktiviti di bawah GLOSMEP dari tahun 2021 sehingga bulan Oktober 2023, seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah telah membuktikan keberkesanannya.

Pencapaian	2021	2022	2023 (Sehingga oktober)	Jumlah
Potensi jualan	RM36.8 juta	RM385.0 juta	RM647.1 juta	RM1.1 billion
Bilangan peserta PMKS dalam mesyuarat perniagaan dan aktiviti rangkaian	877	2,293	1,002	4,172
Bilangan peserta syarikat multinasional dan Syarikat berkaitan Kerajaan ( <i>Government-linked Company, GLC</i> ) dalam mesyuarat perniagaan dan aktiviti rangkaian	93	297	256	646
Bilangan sesi padanan perniagaan	316	1,783	979	3,078
Bilangan peserta PMKS dalam aktiviti pembinaan kapasiti untuk penjenamaan	245	313	N/A	558

Aktiviti di bawah GLOSMEP juga termasuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi dan menembusi ke destinasi pasaran strategik untuk produk dan perkhidmatan PMKS seperti China, Hong Kong, Taiwan, Turkiye, Thailand, United Kingdom (UK), Emiriah Arab Bersatu (UAE), Indonesia, Perancis dan Amerika Syarikat. Aktiviti ini dijalankan melalui kerjasama dengan pelbagai penghubung pasaran dan rakan strategik yang berkongsi objektif yang sama iaitu memperjuangkan pengantarabangsaan PMKS.

### **Perjumpaan B2B PMKS Antarabangsa (Malaysia – India)**

SME Corp. Malaysia telah menjadi tuan rumah bagi Perjumpaan B2B PMKS Antarabangsa (Malaysia – India) dari 27 - 28 Jun 2023. Acara tersebut telah dirasmikan oleh YB Senator Puan Saraswathy Kandasami, Timbalan Menteri KUSKOP. Lebih 300 PMKS India, Malaysia serta diaspora India global dari Australia, Kanada, Korea Selatan, UAE, UK dan Singapura menyertai acara dua hari tersebut. Acara ini menyaksikan pelancaran e-Direktori, penyenaian komprehensif peniaga India – Malaysia, termasuk lebih daripada 120 peniagaan dan persatuan India di Malaysia serta menandatangani dua Memorandum Persefahaman oleh Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian India Malaysia (*Malaysian Associated Indian Chambers of Commerce and Industry*, MAICCI) dengan Dewan Perniagaan Tamil Sedunia dan Dewan Perniagaan Bharat Ilahi. Sesi padanan perniagaan Malaysia – India yang dijalankan sempena Acara ini mencatatkan potensi jualan sebanyak RM28.1 juta.

### **Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia**

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui SME Corp. Malaysia menganjurkan jelajah padanan perniagaan di seluruh negara sempena Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia. Lawatan ini meliputi 12 negeri. Sebanyak 718 PMKS dan 94 syarikat induk tempatan mengambil bahagian dalam 776 mesyuarat padanan perniagaan yang menjana potensi jualan sebanyak RM89.5 juta.

### **Expo 2020 Dubai**

Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi melalui SME Corp. Malaysia telah mengambil bahagian di bawah kluster keusahawanan dalam Minggu Ekspo 2020 Dubai yang diadakan dari 13 hingga 19 Februari 2022. Acara ini memberi tumpuan kepada firma pada peringkat permulaan dan PMKS sebagai pemacu pembangunan ekonomi negara melalui syarikat yang didorong inovasi.

Sebanyak 17 firma pada peringkat permulaan dan PMKS berprestasi tinggi di Malaysia, yang terdiri daripada pemain yang terlibat dalam teknologi kecerdasan buatan dan inovasi, kesihatan dan perubahan serta perkhidmatan berkaitan dengan dron, telah dipilih untuk diperkenalkan kepada rakan kongsi perniagaan global yang berpotensi. Tiga syarikat Malaysia dan rakan seawat asing mereka menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai tawaran berpotensi bernilai RM100 juta kepada Malaysia. Sebanyak 72 sesi padanan perniagaan dengan potensi sebanyak RM189.9 juta jualan perniagaan telah diadakan bersama 61 syarikat asing.

Tiga syarikat Malaysia dan rakan seawat asing mereka menandatangani Memorandum Persefahaman mengenai tawaran berpotensi bernilai RM100 juta kepada Malaysia.

### **National Mark of Malaysian Brand**

*National Mark of Malaysia Brand* (NMMB) telah diintegrasikan dalam program GLOSMEP bagi memberi lebih sinergi terhadap pelbagai aktiviti untuk memudah cara pengantarabangsaan PMKS. Program penjenamaan ini bermatlamat untuk meningkatkan imej produk dan perkhidmatan Malaysia dalam pasaran domestik sebelum diperkenalkan ke peringkat global.



Program yang dilaksanakan oleh SME Corp. Malaysia dengan kerjasama SIRIM QAS International Sdn Bhd ini menawarkan pensijilan kepada perniagaan yang telah memenuhi set standard kualiti yang ketat untuk membawa tanda dagangan NMMB pada produk dan perkhidmatan mereka selama dua tahun. Sebanyak 173 syarikat, terdiri daripada 145 dalam sektor pembuatan dan 28 dalam sektor perkhidmatan yang telah dianugerahkan pensijilan NMMB antara tahun 2010 dan 2022.

Kini NMMB telah mendaftarkan tanda dagangan di Malaysia, Australia, Jepun, Korea, Belanda, Thailand, Amerika Syarikat, India, Hong Kong dan Singapura. Untuk meningkatkan lagi profil NMMB, tanda dagangan NMMB sedang dalam proses didaftarkan di 24 negara yang terdiri daripada Brunei Darussalam, Kemboja, Kanada, China, Perancis, Georgia, Jerman, Hungary, Indonesia, Itali, Mexico, New Zealand, Filipina, Rusia, Turkiye, United Kingdom dan Vietnam.

SME Corp. Malaysia, SIRIM QAS International Sdn Bhd dan SIRIM STS Training Sdn Bhd telah menjalankan dua sesi jangkauan dan lima bengkel mengenai Jenama Malaysia ke Pasaran Global bermula dari bulan Julai hingga Oktober 2022 untuk menggalakkan PMKS memperoleh pensijilan serta membantu mereka dalam membangunkan dan meningkatkan penjenamaan mereka. Sebanyak 313 peserta telah mengambil bahagian dalam acara tersebut.

### **Program Pengukuhan Eksport PKS**

SME Corp. Malaysia juga menyediakan bantuan kewangan bersepadu untuk menyokong agenda pengantarabangsaan PMKS melalui Program Pengukuhan Eksport PKS. Program ini menggalakkan pengantarabangsaan PKS dengan mewujudkan rangka kerja berasaskan pasaran yang jelas melalui penyediaan bantuan kewangan dalam bentuk geran padanan untuk pelbagai aktiviti berkaitan eksport. Program ini terdiri daripada Program *SMEs Go Global* (SMEGG) baharu dan Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) yang sedia ada. Sehingga bulan Oktober 2023, sebanyak 112 telah menerima kelulusan pembiayaan berjumlah RM68.3 juta, iaitu sebanyak 82 PMKS telah ditawarkan geran padanan sebanyak RM8.5 juta manakala 30 PMKS menerima pinjaman mudah berjumlah RM59.8 juta.

# Artikel Khas

## Memperjuangkan Pengantarabangsaan PMKS di Malaysia Melalui Program Eksport

MATRADE selama ini memperjuangkan pengantarabangsaan PMKS melalui pelbagai inisiatif dan program. Pada tahun 2022, MATRADE menjalankan 16 program eksport berkaitan kelestarian untuk syarikat Malaysia bersama-sama dengan inisiatif lain bagi menyokong penembusan PMKS dalam pasaran global.

### PROGRAM EKSPORT BERKAITAN KELESTARIAN

#### Pembinaan Kapasiti

Enam daripada 16 program eksport berkaitan kelestarian adalah mengenai pembinaan kapasiti:

Webinar mengenai Ekonomi Kitaran - Membentuk Industri untuk Daya Saing Global bersama Persatuan Pengilang Plastik Malaysia

Webinar mengenai Fesyen Hijau untuk syarikat fesyen dan tekstil Malaysia

Webinar mengenai Industri Getah – Membentuk Industri Getah Malaysia untuk Daya Saing Global bersama Persatuan Pengilang Produk Getah Malaysia

Webinar mengenai Melangkah ke Hadapan dengan Kelestarian: Ketahui Jejak Karbon (*Carbon Footprint*) Syarikat Anda bersama Persatuan Pengilang Plastik Malaysia

Sesi Meja Bulat di Pulau Pinang mengenai Kelestarian (Tenaga Solar)

Program Hab Pengetahuan di bawah MIHAS 2022 mengenai Topik berkaitan Kelestarian



### **Mewujudkan Kesedaran Kelestarian**

Program kesedaran mengenai kelestarian turut dijalankan. Ini terdiri daripada ucapan oleh wakil MATRADE mengenai Kaitan Kelestarian kepada Perdagangan Antarabangsa (*Relevance of Sustainability to International Trade*) dan kaji selidik kesedaran dan kesediaan kelestarian oleh *Business Sustainability Pulse Study* dengan kerjasama UN Global Compact Network Malaysia dan Brunei (UNGCMYB), Bursa Malaysia dan Universiti Nottingham Malaysia.

### **Pertandingan Kelestarian**

Pertandingan juga diadakan untuk memberi penghargaan kepada syarikat Malaysia yang menerapkan amalan kelestarian dalam operasi harian mereka. Ini terdiri daripada *Inaugural Positive Impact Award* dan Anugerah Inovasi OGSE (*OGSE Innovation Award*) 2022 bersempena dengan OGA x MOGSEC 2022 yang mengiktiraf dan menganugerahkan syarikat yang berada di barisan hadapan dari aspek inovasi, memenuhi kriteria kelestarian dan bergerak ke arah inisiatif sifar karbon.

### **Menggalakkan Kelestarian**

MATRADE juga terlibat dalam pelbagai forum untuk menggalakkan kelestarian, termasuk:

- Persidangan Kelestarian Standard Chartered (*Standard Chartered Sustainability Conference*) sempena MIHAS 2023 yang membincangkan mengenai Peluang Pertumbuhan untuk PKS melalui Penerapan ESG
- Sidang Kemuncak Kelestarian Tenaga Antarabangsa Ke-5 (*5<sup>th</sup> International Sustainable Energy Summit*) 2022 iaitu MATRADE menyediakan ruang ruai maklumat serta mengadakan ceramah jangkauan untuk syarikat Malaysia
- Webinar mengenai Tenaga Hijau atau Peluang Tenaga Boleh Baharu (*Green Energy or Renewable Energy Opportunities*) di Colombia pada 16 November 2022 untuk menyokong inisiatif alam sekitar, sosial dan tadbir urus (*environmental, social and governance, ESG*). Seramai 25 orang mengambil bahagian dalam webinar iaitu Pesuruhjaya Perdagangan MATRADE di Miami dan Presiden Hergill Corp merupakan penceramah bagi webinar tersebut.
- Persidangan dan Pameran Antarabangsa Teknologi Hijau dan Produk Eko Malaysia (*International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia, IGEM*) 2022

## **PROGRAM PEMBIAYAAN EKPORT BERKAITAN KELESTARIAN**

MATRADE mempunyai empat program pembiayaan berkaitan kelestarian yang direka bentuk untuk membantu PMKS menembusi pasaran global. Program ini terdiri daripada Dana Eksport Perkhidmatan, Geran Pembangunan Pasaran, Program eTrade 2.0, Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia dan Pemerksaan Wanita dan Kelestarian.

### **Dana Eksport Perkhidmatan**

Dana Eksport Perkhidmatan (*Services Export Fund, SEF*) adalah kemudahan sokongan perdagangan dalam bentuk geran secara pembayaran balik untuk membiayai sebahagian kos penyedia perkhidmatan Malaysia (*Malaysian services providers, MSP*), persatuan perdagangan dan industri, dewan perdagangan, badan profesional, syarikat pelaburan berkaitan Kerajaan (*Government-linked investment companies, GLIC*), syarikat berkaitan Kerajaan (*Government-linked companies, GLC*) dan koperasi yang memenuhi syarat kelayakan untuk menjalankan aktiviti berkaitan eksport dalam pasaran antarabangsa. Daripada 12 aktiviti di bawah SEF, Aktiviti 10 adalah berkaitan dengan ESG dengan kos pendaftaran untuk pensijilan industri luar negara, termasuk pematuhan kepada kelestarian untuk mengeksport perkhidmatan, diliputi dalam dana tersebut.

Pada tahun 2022, sebanyak 382 program jangkauan telah dijalankan untuk mempromosikan SEF melalui seminar, webinar, taklimat, ceramah, perundingan dan sesi nasihat. Ini adalah peningkatan hampir empat kali ganda berbanding dengan bilangan program pada tahun 2021 disebabkan oleh pemulihan dalam aktiviti ekonomi yang membolehkan lebih banyak penganjuran program fizikal selain daripada program secara maya.

Sebanyak 276 syarikat mendapat manfaat daripada SEF dengan 52 menerima pembiayaan berjumlah RM1.5 juta. Geran tersebut membantu penerima menjana potensi jualan eksport sebanyak RM197 juta pada tahun 2022, hasil yang membawa kepada pulangan pelaburan sebanyak RM134 daripada eksport perkhidmatan bagi setiap RM1 yang diberikan melalui SEF.

### Geran Pembangunan Pasaran

Geran Pembangunan Pasaran (*Market Development Grant, MDG*) ditubuhkan pada tahun 2002 untuk membantu syarikat di Malaysia untuk menembusi pasaran antarabangsa melalui penyertaan dalam aktiviti galakan eksport. Syarikat yang layak boleh menuntut had sebanyak RM300,000 sepanjang hayat melalui geran secara pembayaran balik bagi membiayai kos yang ditanggung semasa menyertai aktiviti tersebut.

Pada tahun 2022, sebanyak RM19.3 juta telah disalurkan daripada MDG untuk membantu 5,710 syarikat. PMKS yang telah menerima pembiayaan daripada MDG mencatatkan jualan eksport bernilai RM2.5 bilion. Penerima MDG telah meningkatkan kehadiran mereka di negara-negara seperti Emiriah Arab Bersatu, Amerika Syarikat, Perancis, China, Jerman, Jepun, Singapura, Thailand, Australia dan Kemboja.


### Program eTRADE 2.0

Program eTRADE direka bentuk untuk memudah cara PMKS di Malaysia mempercepatkan eksport dengan menyenaraikan produk mereka dalam platform e-dagang antarabangsa. Program ini membantu PMKS dalam meningkatkan jualan eksport serta meningkatkan kehadiran dan kebolehlihatan mereka melalui pemasaran digital, latihan e-dagang dan promosi eksport secara dalam talian.

Dari bulan Januari hingga Disember 2022, MATRADE telah menjalankan 40 program kesedaran dan jangkauan, sebahagian besar terdiri daripada taklimat melalui webinar dengan platform e-dagang seperti Alibaba, Amazon, eBay, PanPages, Trinity42 dan banyak lagi serta rundingan perdagangan secara bersemuka di kaunter maklumat MATRADE. Seramai 3,050 orang telah menyertai program ini.

Sebanyak 585 PMKS menerima pembiayaan daripada Program eTRADE 2.0, iaitu sebanyak 438 adalah untuk Skim *Onboarding* dan sebanyak 147 untuk Skim Pemasaran dan Latihan Digital.

Bilangan PMKS yang dibantu pada tahun 2022



Beberapa pasaran eksport utama bagi peserta program ini adalah China, Hong Kong, Amerika Syarikat, Arab Saudi, UAE, Australia, Afrika Selatan serta negara ASEAN. Kebanyakan PMKS yang menerima bantuan daripada program ini adalah daripada sektor penyediaan makanan, minuman, farmaseutikal, kelengkapan dandanan diri dan kosmetik, produk isi rumah dan produk pertanian.

### **Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia**

Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia (*Bumiputera, Women and Youth Exporters Development Programme*, BWYEDP) ditubuhkan pada tahun 2004 untuk menyokong kumpulan sasaran dalam meneroka potensi mereka dalam pasaran antarabangsa serta mewujudkan kumpulan pengeksport yang berdaya saing dan berdaya tahan.

BWYEDP menyediakan latihan intensif bagi mengeksport untuk syarikat terpilih. Latihan ini disesuaikan dengan keperluan setiap syarikat, termasuk peningkatan kecekapan, pembinaan kapasiti, pendedahan kepada perniagaan antarabangsa, rangkaian dan bimbingan serta pembangunan kepimpinan dan keusahawanan.

Dari tahun 2004 hingga 2022, sebanyak 954 aktiviti promosi perdagangan telah dijalankan untuk syarikat yang mengambil bahagian di bawah BWYEDP. Jualan eksport sebanyak RM2.3 bilion telah dicatatkan oleh syarikat ini. Pada tahun 2022, jumlah jualan eksport yang dicatatkan oleh syarikat yang mengambil bahagian adalah sebanyak RM116.5 juta, peningkatan sebanyak 53.9% dari tahun ke tahun.

### **Pemeriksaan Wanita dan Kelestarian**

MATRADE menjalankan Program Penanda Aras: Syarikat Peringkat Pertengahan (*Mid-Tier Companies*) dan PMKS yang berfungsi sebagai platform interaktif perkongsian pengetahuan dengan tema pemeriksaan wanita dan kelestarian. Seramai 50 orang telah menyertai program tersebut yang diadakan di Johor Bahru.



# Artikel Khas

## Perkembangan Kerjasama Dua Hala Untuk Mempertingkatkan Pembangunan PMKS

Pada tahun 2022 dan 2023, SME Corp. Malaysia sebagai Agensi Penyelaras Pusat bagi pembangunan PMKS telah menandatangani beberapa Memorandum Persefahaman (*Memorandum of Understanding*, MoU) dengan rakan kongsi ASEAN serta Turkiye dalam semangat untuk meningkatkan perdagangan dua hala terhadap pembangunan PMKS, khususnya dalam akses kepada pasaran dan lain-lain bidang baharu.

MoU dengan *Office of SME Promotion* (OSMEP) Thailand telah diperbaharui untuk mengukuhkan lagi kerjasama dan perkongsian penggubalan dasar, kepakaran dan maklumat untuk meningkatkan daya saing PMKS di kedua-dua negara. MoU ini memberi penekanan khusus terhadap pertukaran maklumat dan pelaksanaan aktiviti pendigitalan, kelestarian dan akses kepada pasaran untuk PMKS. Majlis menandatangani MoU itu diadakan di samping Majlis Anugerah Enterpris 50 (E50) 2022 pada 25 November 2022 di Kuala Lumpur.

Pada 11 September 2023, SME Corp. Malaysia memperbaharui MoU dengan Small and Medium Sized Industry Development Organisation (KOSGEB) Turkiye. Pembaharuan MoU ini dipertingkatkan lagi dengan pelancaran inisiatif 'Global Be-Linked', yang merupakan saluran pepadanan perniagaan untuk PMKS dari Malaysia dan rakan sejawat asing seperti perusahaan Turki. Dengan penyertaan 12 firma Turki dan 37 PMKS dari Malaysia, sebanyak 42 perjanjian padanan perniagaan telah dipersetujui, iaitu berpotensi menjana angka jualan hampir RM9.6 juta.

MoU antara SME Corp. Malaysia dan *Enterprise Singapore* telah ditandatangani pada 30 Oktober 2023 di The Istana, Singapura, disaksikan oleh pemimpin kedua-dua negara, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura. Majlis menandatangani MoU tersebut diadakan sempena Lawatan Kerja YAB Perdana Menteri ke Sesi Permukiman Pemimpin-Pemimpin Malaysia - Singapura Ke-10. MoU ini mengukuhkan lagi kerjasama antara kedua-dua organisasi ke arah pembangunan PMKS di Malaysia dan Singapura. Tumpuan perkongsian adalah termasuk menggalakkan latihan, pendigitalan, kelestarian serta akses kepada pasaran yang lebih luas untuk PMKS dari Malaysia dan Singapura. SME Corp. Malaysia telah mengenal pasti lapan sektor keutamaan untuk pepadanan perniagaan iaitu termasuk pertanian pintar, elektrik dan elektronik, aeroangkasa, peranti perubatan, industri halal, minyak dan gas, pelancongan, dan biomas.

Sebagai hasil perbincangan dua hala YB Menteri KUSKOP dengan Yang Amat Terutama Yacine El Mahdi Oualid, Menteri Ekonomi Pengetahuan, Firma pada Peringkat Permulaan dan Perusahaan Mikro, Algeria semasa lawatan kerja ke Algiers, Algeria dari 1 - 4 Julai 2023, MoU antara kedua-dua negara sedang dibangunkan dalam bidang akses kepada pasaran untuk PMKS, dasar untuk firma pada peringkat permulaan & rangka kerja perundangan dan keusahawanan.

MoU antara SME Corp. Malaysia dan Enterprise Singapore telah ditandatangani pada 30 Oktober 2023 di The Istana, Singapura, disaksikan oleh pemimpin kedua-dua negara, YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia dan Tuan Yang Terutama Lee Hsien Loong, Perdana Menteri Republik Singapura.



## Bab 3

# Ekosistem Pembiayaan untuk PMKS



## Bab 3

# Ekosistem Pembiayaan untuk PMKS

**S**elama ini, pelbagai inisiatif telah dilaksanakan untuk mengukuhkan ekosistem pembiayaan PMKS di Malaysia. Akses kepada pembiayaan adalah pendorong yang kritikal bagi PMKS untuk memulakan operasi, melabur dan berkembang, menangani impak krisis, peralihan kepada ekonomi kelestarian dan digital serta terlibat dalam rantai bekalan. Pada masa ini, institusi perbankan merupakan sumber utama pembiayaan untuk PMKS, menyediakan lebih 90.0% daripada jumlah pembiayaan. PMKS di Malaysia perlu mempelbagaikan sistem perbankan iaitu selain daripada perbankan ortodoks dan memperoleh pembiayaan daripada pasaran modal dan platform inovatif seperti Pendanaan Ramai berasaskan Ekuiti (*Equity Crowdfunding, ECF*), Pembiayaan antara Rakan Setara (*Peer-to-Peer, P2P*), Ekuiti Swasta (*Private Equity, PE*) dan Modal Teroka (*Venture Capital, VC*) perlu diterokai sebagai pilihan pembiayaan untuk PMKS dan syarikat pada peringkat permulaan. Kemunculan teknologi kewangan menyebabkan penyelesaian pembiayaan boleh disesuaikan, mudah diakses dan lebih menarik melalui pelbagai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan pada kadar yang kompetitif.

### PEMBIAYAAN PMKS OLEH INSTITUSI KEWANGAN

Pada tahun 2022, bank dan Institusi Kewangan Pembangunan (*Development Financial Institution, DFI*) di Malaysia meneruskan sokongan mereka terhadap PMKS dengan menyediakan pembiayaan yang diperlukan untuk aliran tunai dan pelaburan modal bagi meluaskan perniagaan. Sehingga akhir tahun, pinjaman terkumpul PMKS meningkat sebanyak 5.0% kepada RM366 bilion (2021: 5.7%), berikutan kadar kelulusan dan penyaluran yang lebih tinggi melebihi tahap prapandemik. Pembiayaan kepada PMKS kini mewakili hampir separuh (49.0%) daripada jumlah pinjaman terkumpul yang diberikan kepada perniagaan berbanding 45.0% semasa prapandemik.

Sepanjang tahun tersebut menyaksikan momentum berterusan dalam kelulusan pembiayaan untuk PMKS dengan peningkatan sebanyak 18.7% dari tahun ke tahun melebihi kenaikan 13.2% pada tahun 2021. Lebih daripada RM154 bilion pembiayaan telah diluluskan untuk kira-kira 230,000 akaun PMKS (2021: RM131

bilion untuk kira-kira 196,000 akaun). Kadar kelulusan yang tinggi ini didorong oleh pembiayaan berkaitan pelaburan seiring dengan jangkaan permintaan, iaitu petunjuk bagi pemulihan perniagaan sepenuhnya ekoran penyambungan semula rancangan pelaburan dan sentimen perniagaan yang lebih baik.

Dalam persekitaran landskap yang mempunyai tekanan peningkatan kos yang berterusan, kelulusan pembiayaan dan penyaluran untuk tujuan modal kerja telah mengatasi tahap prapandemik, dengan jumlah penyaluran meningkat sebanyak 26.7% pada tahun 2022 kepada RM505 bilion berbanding RM399 bilion pada tahun 2021.

DFI terus memainkan peranan sebagai pemangkin dalam menyediakan akses kewangan untuk produk dan perkhidmatan kepada PMKS yang menghadapi kesukaran untuk mendapatkan pembiayaan daripada bank. Pembiayaan PMKS oleh DFI bagi tahun ini berjumlah RM5.6 bilion (2021: RM4.4 bilion), pertumbuhan yang kukuh sebanyak 27.2%. Hampir 31,000 PMKS yang menerima pembiayaan DFI, majoriti (67.0%) adalah perusahaan mikro dengan saiz pembiayaan kurang daripada RM50,000.

DFI juga merupakan pembiaya utama bagi perusahaan mikro, iaitu menyumbang sebanyak 84.0% daripada jumlah akaun yang diluluskan di bawah Skim Pembiayaan Mikro pada tahun 2022. DFI juga melaksanakan beberapa inisiatif untuk merapatkan jurang pembiayaan yang dihadapi oleh PMKS yang kurang mendapat liputan. Ini termasuk penggunaan kecerdasan buatan atau kaedah skor kredit seperti analisis psikometrik untuk penilaian kredit yang lebih baik, terutamanya untuk pelanggan yang mempunyai sejarah kredit yang sedikit atau tiada langung laporan kredit (*thin-file customers*).

## PEMBIAYAAN ALTERNATIF

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (Securities Commission Malaysia, SC) terus mengembangkan saluran pengumpulan dana untuk PMKS selaras dengan usaha untuk membolehkan pasaran modal pelbagai lapisan yang Inklusif, ke arah saluran pengumpulan dana yang lebih pelbagai bagi perniagaan, termasuk mengembangkan platform pengumpulan dana alternatif khususnya untuk PMKS dan syarikat peringkat pertengahan (*mid-tier companies*, MTC).

ECF dan pembiayaan P2P telah terus meningkat dengan bertambahnya PMKS beralih kepada platform digital untuk memperoleh modal. Secara keseluruhan, ECF dan pembiayaan P2P telah mengumpul lebih daripada 7,218 PMKS untuk mengumpul lebih RM4.4 bilion. Walaupun terdapat pengurangan sebanyak 36.0% dalam keseluruhan pengumpulan dana melalui ECF pada tahun 2022 kepada RM140.4 juta (2021: RM220.7 juta), saiz kempen lebih besar, dengan 21.0% kempen meningkat melebihi RM3 juta masing-masing (2021: 17.0% daripada kempen). Pembiayaan P2P kekal meningkat pada tahun 2022 dengan keseluruhan pembiayaan berjumlah RM1.6 bilion, mencatatkan peningkatan sebanyak 38.0% (2021: RM1.1 bilion) yang telah memanfaatkan sebanyak 3,732 syarikat (2021: 1,986). ECF dan pembiayaan P2P juga mendapat tarikan dalam sektor pertanian, sektor yang mempunyai kepentingan strategik kepada ekonomi tempatan.

Pelancaran nisbah pelaburan bersama khas sebanyak 1:2 bagi *Malaysia Co-Investment Fund* (MyCIF) pada 2022, telah menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta ke dalam sektor ini melalui platform pembiayaan alternatif tersebut. Sejak penubuhannya, ECF dan pembiayaan P2P telah mengumpul dana lebih RM430 juta yang memanfaatkan lebih daripada 400 PMKS berkaitan pertanian sepanjang rantai nilai iaitu huluhan, pertengahan dan hiliran. Untuk menggalakkan lagi ECF dan pembiayaan P2P, beberapa inisiatif telah berjaya

Dalam persekitaran landskap yang mempunyai tekanan peningkatan kos yang berterusan, kelulusan pembiayaan dan penyaluran untuk tujuan modal kerja telah mengatasi tahap prapandemik, dengan jumlah penyaluran meningkat sebanyak 26.7% pada tahun 2022 kepada RM505 bilion berbanding RM399 bilion pada tahun 2021.



dilaksanakan bagi memenuhi keperluan rangkaian perniagaan yang lebih luas dan merangsang pertumbuhan pasaran yang lebih tinggi, seperti usaha berikut:

### **i. Meluaskan akses kepada pembiayaan patuh Syariah dalam ECF dan pembiayaan P2P**

ECF dan pembiayaan P2P terus meluaskan akses kepada pembiayaan untuk PMKS. Tawaran patuh Syariah pada platform ini juga telah mendapat tarikan, dengan sejumlah RM368.13 juta dana yang dikumpulkan sehingga 31 Disember 2022. Untuk memanfaatkan lagi potensi platform ECF dan pembiayaan P2P, SC membuka permohonan untuk pendaftaran pengendali ECF dan pembiayaan P2P baharu dengan penyelesaian dan cadangan nilai Syariah pada tahun 2022. Langkah ini dijangka membolehkan inovasi dalam penawaran Syariah untuk memudahkan lagi akses untuk membiayai keperluan PMKS melalui platform digital penajaan dana alternatif dan menggalakkan pemulihan yang lebih besar. Ia juga bertujuan untuk memupuk pertumbuhan PMKS dalam ekonomi halal di samping membuka akses yang lebih besar kepada pelaburan untuk semua peserta pasaran modal.

### **ii. Memangkin pertumbuhan dalam segmen yang kurang mendapat perkhidmatan: SCxSC GROW**

Pada bulan Oktober 2022, SCxSC GROW, satu program kerjasama baharu, telah dilancarkan di bawah inisiatif utama teknologi kewangan (*fintech*) SC, *Synergistic Collaboration by the SC* (SCxSC). SCxSC GROW merangkumi usaha kolaboratif dengan rakan kongsi dalam ekosistem teknologi kewangan untuk memanfaatkan potensi platform digital pengumpulan dana alternatif untuk memenuhi keperluan peserta yang kurang mendapat perkhidmatan dalam sektor strategik. Edisi pertama inisiatif SCxSC GROW tertumpu kepada pertanian, sektor yang kekal menjadi keutamaan dalam pertumbuhan Malaysia dan salah satu sektor penting dalam pembangunan ekonomi Malaysia. Pelancaran pertama SCxSC GROW disokong oleh Kementerian, agensi dan pemain utama yang berkaitan dalam ekosistem pertanian bagi bengkel sehari bertemakan Meneroka Potensi Pembiayaan Alternatif untuk Pertanian (*Unlocking Alternatif Financing Potential for Agriculture*). Bengkel ini meneroka potensi peranan saluran pembiayaan alternatif yang boleh menyumbang ke arah menangani beberapa jurang kewangan yang wujud dalam sektor pertanian. Ia juga telah mewujudkan kesedaran yang lebih meluas mengenai ECF dan pembiayaan P2P serta menggalakkan penyelarasan ekosistem yang lebih baik untuk menggerakkan sektor pertanian ke hadapan dan mengukuhkan keselamatan makanan negara. Kira-kira 40 wakil ekosistem pertanian, termasuk pegawai kanan kementerian, agensi dan pemain utama yang berkaitan menghadiri bengkel tersebut. Mereka adalah termasuk Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dan Agrobank.

### **iii. Membantu PMKS untuk kembali bangkit dalam pemulihan ekonomi melalui MyCIF**

MyCIF ialah inisiatif yang dibangunkan oleh kerajaan Malaysia untuk melabur bersama dalam PMKS dan perusahaan sosial dengan pelabur swasta melalui platform ECF dan pembiayaan P2P. Sejak tahun 2019, sejumlah RM230 juta telah disalurkan kepada MyCIF yang dibangunkan sebagai sebahagian daripada Belanjawan 2019. Pada 31 Disember 2022, MyCIF telah berjaya melabur bersama lebih RM638 juta dalam lebih 35,000 ECF dan kempen pembiayaan P2P, memanfaatkan 3,635 PMKS. Dana ini telah melabur bersama lebih RM2.6 bilion daripada pelabur swasta. Pada tahun 2022, MyCIF memberi tumpuan kepada sektor pertanian, iaitu industri yang dikenal pasti mempunyai kepentingan strategik kepada pemulihan ekonomi tempatan.

## MODAL TEROKA (*VENTURE CAPITAL, VC*) DAN EKUITI SWASTA (*PRIVATE EQUITY, PE*)

Jumlah syarikat yang berdaftar adalah sebanyak 129 pada 31 Disember 2022 (rujuk Jadual 3.1). Segmen VC merangkumi 109 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan modal teroka dan syarikat modal teroka), manakala segmen PE terdiri daripada 20 syarikat berdaftar (syarikat pengurusan ekuiti swasta dan syarikat ekuiti swasta). Sehingga akhir tahun 2022, bilangan profesional yang diambil bekerja oleh industri dengan sekurang-kurangnya empat tahun pengalaman adalah seramai 229 orang.

Jadual 3.1: Statistik Peserta Industri

Sumber Dana	2021	2022
Bilangan Syarikat Berdaftar	124	129
Bilangan Syarikat Pengurusan Modal Teroka dan Syarikat Modal Teroka Berdaftar	105	109
Bilangan Syarikat Pengurusan Ekuiti Swasta dan Syarikat Ekuiti Swasta Berdaftar	19	20
Bilangan Profesional VC dan PE <sup>1</sup>	344	229

<sup>1</sup> Profesional dengan lebih daripada empat tahun pengalaman

Sumber: Laporan Tahunan 2022, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Jadual 3.2: Statistik Utama Industri (RM juta)

	2021		2022	
	Ekuiti Swasta	Modal Teroka	Ekuiti Swasta	Modal Teroka
Jumlah dana komited di bawah pengurusan [1]	9,648.42	5,183.50	10,711.59	5,372.93
Jumlah modal dikeluarkan [2]	6,884.29	3,870.73	7,644.83	3,868.54
Anggaran modal tersedia untuk pelaburan [3] = [1]-[2]	3,495.88	1,312.77	3,066.75	1,504.39
Jumlah syarikat pelaburan	41	211	68	186

Nota: Statistik dilaporkan pada angka laporan sendiri oleh VC / firma PE berdaftar. Pengerakan tahun ke tahun mungkin berubah-ubah.


Sumber: Laporan Tahunan 2022, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Jumlah dana komited dalam industri pada akhir 2022 adalah sebanyak RM10.7 bilion dan RM5.4 bilion masing-masing bagi PE dan VC (rujuk Jadual 3.2), menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak RM16.1 bilion. Bagi PE, sebahagian besar sumber komitmen adalah daripada pelabur korporat (33.4%), pelabur individu dan perniagaan keluarga (17.0%), dan institusi kewangan (12.78%) (rujuk Carta 3.1). Bagi VC, agensi Kerajaan dan syarikat pelaburan (36.01%), dana kekayaan berdaulat (27.3%) dan pelabur korporat (22.7%) membentuk tiga sumber pembiayaan teratas (rujuk Carta 3.2). Tiga syarikat berdaftar teratas mengikut jumlah komitmen pelabur pada akhir 2022 adalah Creador, Xeraya Capital dan MAVCAP.

Jadual 3.3: Pelaburan pada Tahun 2022


Peringkat Perniagaan	Pelaburan Baharu (RM '000)	% segmen	Bilangan Syarikat
<b>Modal Teroka</b>			
Semai	14,637.49	10.5	10
Peringkat Permulaan	6,592.35	4.8	3
Peringkat awal	50,705.45	36.5	8
Pertumbuhan	66,885.45	48.2	13
<b>Ekuiti Swasta</b>			
Peringkat awal	320,479.10	28.2	7
Pertumbuhan	737,112.57	64.9	27
Perantara / Mezanine / PraIPO	77,857.08	6.9	3
Pemulihan / Penyusunan semula	890.00	0.1	1
<b>Jumlah</b>	<b>1,275,159.49</b>	<b>100.0</b>	<b>72</b>
<b>Modal Teroka</b>	<b>138,820.73</b>	<b>10.9</b>	<b>34</b>
<b>Ekuiti Swasta</b>	<b>1,136,338.76</b>	<b>89.1</b>	<b>38</b>

Carta 3.1: Sumber Dana dan Ekuiti Swasta



- Pelabur korporat, 33.4%
- Individu dan perniagaan keluarga, 17.0%
- Institusi kewangan, 12.8%
- Endowmen dan organisasi bukan untung, 11.6%
- Dana pencen dan kumpulan wang simpanan, 10.2%
- Pengurus aset, 9.3%
- Syarikat insurans, 3.0%
- Agensi Kerajaan dan syarikat pelaburan, 2.7%

Carta 3.2: Sumber Dana dan Modal Teroka



- Agensi Kerajaan dan syarikat pelaburan, 36.0%
- Dana kekayaan berdaulat, 27.3%
- Pelabur korporat, 22.7%
- Individu dan perniagaan keluarga, 9.6%
- Dana pencen dan kumpulan wang simpanan, 3.8%
- Institusi kewangan, 0.5%
- Pengurus aset, 0.1%

Nota: Agensi Kerajaan dan syarikat pelaburan: Termasuk syarikat pelaburan kementerian (cth. Menteri Kewangan (Diperbadankan)), agensi Kerajaan, badan berkanun dan GLC yang ditubuhkan untuk menguruskan pelaburan dana awam (cth. PNB, Ekuinas)

Sumber: Laporan Tahunan 2022, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia




Pelaburan VC pada tahun 2022 tertumpu kepada peluang peringkat pertumbuhan (48.2%), diikuti oleh peringkat awal (36.5%) dan peringkat semai (10.5%). Pelaburan PE kebanyakannya disalurkan kepada syarikat pertumbuhan (64.9%), dengan beberapa pelaburan dibuat terhadap peluang peringkat awal (28.2%), diikuti oleh pelaburan perantara, mezanine dan praIPO (6.8%). Secara keseluruhannya, 34 urusan niaga VC dan 38 urusan niaga PE dicatatkan pada tahun 2022 (rujuk Jadual 3.3).

Dari segi industri sasaran, perubatan dan bioteknologi (34.8%) menyaksikan sumbangan pelaburan VC yang tertinggi pada tahun 2022, diikuti oleh maklumat dan komunikasi (16.5%), dan kewangan dan aktiviti insurans / takaful (12.7%).

Bagi PE pula, sebahagian besar pelaburan disalurkan kepada perdagangan borong dan runcit (53.7%) pada tahun 2022, diikuti oleh kesihatan (13.5%) dan pembuatan (13.4%) (rujuk Carta 3.3).


Carta 3.3: Pelaburan pada Tahun 2022, Lima Industri Sasaran Teratas



## PENDANAAN RAMAI BERASASKAN EKUITI (EQUITY CROWDFUNDING, ECF)


Sejak mula dilaksanakan Pendanaan Ramai Berasaskan Ekuiti (ECF), jumlah dana yang dikumpulkan adalah sebanyak RM560.3 juta melalui 330 kempen. Kempen patuh Syariah menyumbang 3.0% daripada jumlah dana yang dikumpulkan. Jumlah dana yang diperolehi pada tahun 2022 menurun kepada RM140.4 juta daripada RM220.7 juta pada tahun 2021 (rujuk Carta 3.4). Begitu juga, jumlah kempen yang berjaya menurun daripada 104 pada tahun 2021 kepada 67 pada 2022. Jumlah dana tertinggi yang diperolehi pada tahun 2022 melalui satu kempen pengumpulan dana ialah RM17.0 juta. Dari segi sektor, aktiviti profesional, saintifik dan teknikal terus menerima dana paling banyak pada tahun 2022, dengan jumlah dana meningkat kepada RM41.4 juta pada tahun 2022 (rujuk Carta 3.5). Secara khusus, sektor pertanian, perhutanan dan perikanan berkembang secara eksponen, dari RM753,750 pada tahun 2021 ke RM19.3 juta pada tahun 2022. Dalam Carta 3.6, bilangan kempen untuk Siri A meningkat daripada 54% pada tahun 2021 ke 72% pada tahun 2022. Pada tahun 2022, majoriti kempen pendanaan adalah bagi tujuan perkembangan perniagaan.

Carta 3.4: Jumlah Dana yang Dikumpulkan




Sumber: Laporan Tahunan 2022, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Carta 3.5: Lima Sektor Teratas mengikut Jumlah Dana yang Dikumpulkan



Carta 3.6: Peringkat Pengumpulan Dana




Sumber: Laporan Tahunan 2022, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia


## PEMBIAYAAN ANTARA RAKAN SETARA (PEER-TO-PEER, P2P FINANCING)

Sejak mula dilaksanakan, jumlah dana yang dikumpulkan melalui pembiayaan P2P telah mencecah RM3.9 bilion melalui 54,791 kempen. Sebanyak 9.0% daripada jumlah dana dikumpulkan tersebut adalah melalui kempen patuh Syariah. Carta 3.7 menunjukkan jumlah dana yang dikumpulkan pada tahun 2022 meningkat kepada RM1.6 bilion daripada RM1.1 bilion pada tahun 2021. Dari segi sektor, sektor perdagangan borong dan runcit; pembaikan kenderaan bermotor dan motosikal kekal sebagai sektor terbesar pada tahun 2022 dengan jumlah RM927.2 juta (rujuk Carta 3.8). Dalam Carta 3.9, sebanyak 54.0% daripada nota pelaburan pada tahun 2022 dikeluarkan sebagai kategori pembiayaan lain. Tujuan pengumpulan dana pada tahun 2022 masih didominasi untuk modal kerja (rujuk Carta 3.10).


Carta 3.7: Jumlah Dana yang Dikumpulkan




Carta 3.8: Lima Sektor Teratas mengikut Jumlah Dana yang Dikumpulkan



Carta 3.9: Jenis Pembiayaan



Carta 3.10: Tujuan Pengumpulan Dana



# Artikel Khas

## Dana BNM Meningkatkan Pembiayaan untuk Pertumbuhan PMKS

Semasa pemulihan ekonomi pada tahun 2022, keutamaan dasar, termasuk yang di bawah Bank Negara Malaysia (BNM) seperti Dana BNM untuk PMKS (Dana BNM), diselaraskan semula untuk mengukuhkan asas ekonomi dan potensi dalam era pascapandemik.

Dana BNM mengalihkan tumpuan ke arah pemberian insentif dan pembiayaan swasta untuk PMKS memasuki bidang pertumbuhan baharu yang dikenal pasti serta peralihan kepada masa depan yang lebih hijau dan rendah karbon. Peralihan ini adalah langkah ke arah mewujudkan ekosistem pembiayaan yang lebih pelbagai dan boleh menawarkan pilihan pembiayaan yang lebih mampan.

Dua kemudahan baharu iaitu Kemudahan Peralihan Karbon Rendah (*Low Carbon Transition Facility*, LCTF) dan Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan (*Business Recapitalisation Facility*, BRF) diperkenalkan pada Februari 2022. LCTF menyokong PMKS dalam peralihan kepada operasi rendah karbon dan lestari manakala BRF adalah untuk penstrukturan semula atau meningkatkan pembiayaan modal PMKS. Kemudahan Teknologi Tinggi – Aspirasi Pelaburan Nasional (*High Tech Facility - National Investment Aspirations*, HTF-NIA) juga dipertingkatkan dan dinamakan semula sebagai Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau (*High Tech and Green Facility*, HTG). Kemudahan ini direka untuk menyokong PMKS yang layak dalam membuat pelaburan bagi memacu pertumbuhan ekonomi, terutamanya dalam bidang seperti teknologi digital, teknologi hijau dan bioteknologi.


Peruntukan tambahan sebanyak RM1.3 bilion telah disediakan iaitu RM300 juta untuk HTG; RM500 juta untuk Kemudahan Agromakanan (*Agrofood Facility*, AF); serta RM500 juta untuk Kemudahan Automasi dan Digital PKS (*SME Automation and Digitalisation Facility*, ADF). BNM memperkenalkan Kemudahan Bantuan Bencana (*Disaster Relief Facility*, DRF) 2022 untuk menyediakan pembiayaan segera kepada PMKS yang terjejas akibat banjir di seluruh negara. Pembiayaan tersebut adalah untuk pembaikan dan penggantian aset yang rosak, termasuk loji dan mesin, serta untuk modal kerja tambahan.

Pada akhir Disember 2022, institusi kewangan yang terlibat telah meluluskan lebih RM200 juta pembiayaan di bawah DRF 2022 untuk membantu lebih daripada 500 PMKS. Gabungan daripada peruntukan tambahan serta kemudahan yang dipertingkatkan menjadikan jumlah keseluruhan pembiayaan yang tersedia melalui Dana BNM daripada RM9.1 bilion pada tahun 2019 kepada RM31.1 bilion pada tahun 2022.

Dari permulaan pandemik sehingga akhir 2022, pembiayaan sebanyak RM22.6 bilion (2021: RM19.4 bilion) telah diluluskan untuk lebih daripada 65,000 akaun PMKS (2021: 53,000). Jumlah keseluruhan penyaluran adalah sebanyak RM20.1 bilion (2021: RM16.4 bilion). Sehingga bulan Mac 2023, sebanyak RM9.7 bilion masih tersedia untuk PMKS daripada semua sektor.

Peruntukan tambahan sebanyak RM1.3 bilion telah disediakan iaitu RM300 juta untuk HTG; RM500 juta untuk Kemudahan Agromakanan (*Agrofood Facility*, AF); serta RM500 juta untuk Kemudahan Automasi dan Digital PKS (*SME Automation and Digitalisation Facility*, ADF).

Kemudahan di bawah Dana BNM untuk PMKS: Jumlah Peruntukan sebanyak RM31.1 bilion<sup>1</sup>



<sup>1</sup> Sehingga 31 Disember 2022, peruntukan sebanyak RM10 bilion untuk Kemudahan Bantuan Khas telah digunakan sepenuhnya dan permohonan telah ditutup.

## Skim Bersasar Meluaskan Akses kepada Pembiayaan untuk Perusahaan Mikro

Akses kepada pembiayaan untuk perusahaan mikro yang membentuk kira-kira 80.0% daripada jumlah pertubuhan PMKS, telah berterusan bertambah baik, dengan sumbangan akaun pembiayaan meningkat daripada 35.0% pada akhir tahun 2021 kepada hampir 37.0% pada akhir tahun 2022.

Skim Pembiayaan Mikro adalah salah satu skim yang membolehkan perusahaan mikro mengakses pembiayaan perniagaan tanpa cagaran (*collateral-free*) dengan cepat dan mudah. Perusahaan mikro yang tidak mempunyai cagaran atau sejarah kredit boleh mendapatkan pembiayaan sehingga RM50,000 melalui skim ini.

Sejak skim ini dibangunkan pada tahun 2005 sehingga akhir tahun 2022, sebanyak 11 bank yang terlibat telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM13.7 bilion kepada lebih daripada 5.6 juta akaun. Jumlah pada akhir tahun 2022 adalah sebanyak RM1.3 bilion, manakala tambahan RM702.7 juta diluluskan untuk 23,000 akaun sepanjang tahun ini.

BNM memperkenalkan program iTEKAD semasa pandemik pada tahun 2020 untuk memacu daya tahan sosial yang lebih baik. Skim ini bertujuan untuk menjadikan kewangan sosial sebagai komponen penting dalam ekosistem kewangan Malaysia. Khususnya, bagi menyokong pertumbuhan usahawan mikro selain daripada keperluan pembiayaan. Sebanyak 10 institusi kewangan terlibat dalam iTEKAD pada akhir tahun 2022, iTEKAD telah memberi manfaat kepada lebih 1,500 usahawan mikro.

iTEKAD menggabungkan dana dermawan dan dana komersial yang menawarkan modal permulaan (dibiayai melalui dana kewangan sosial seperti zakat, wakaf tunai, derma dan pelaburan impak sosial); pembiayaan mikro; dan latihan berstruktur dan bimbingan untuk membantu usahawan mikro menjana pendapatan yang mampan. Sejak diperkenalkan, iTEKAD telah memberikan manfaat yang nyata kepada peserta program dalam bentuk pertumbuhan perniagaan, pekerjaan yang berterusan, ketahanan kewangan dan penerapan digital.

## Meningkatkan Kesedaran, Kecelikan dan Keupayaan Kewangan PMKS Pascapandemik

Kesedaran, kecelikan dan keupayaan kewangan, terutamanya dalam perkhidmatan kewangan digital adalah penting untuk membantu PMKS menghadapi cabaran pascapandemik. Dalam momentum pemulihan yang berterusan sejak pembukaan semula ekonomi pada tahun 2021, BNM telah menyokong beberapa inisiatif bantuan untuk meningkatkan kesedaran serta mendidik PMKS mengenai kemudahan yang terdapat di bawah Dana BNM.



Pada tahun 2022, BNM menyertai Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Negeri Selangor dan Program Akses kepada Peluang Pembiayaan Usahawan (Biaya) Zon Tengah di Kuala Lumpur anjuran Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP). Acara ini telah menarik lebih daripada 33,000 individu dan pemilik PMKS. BNM juga menganjurkan dialog bersama komuniti perniagaan dengan kerjasama Persatuan Bank-Bank dalam Malaysia, Persatuan Institusi Perbankan dan Kewangan Islam Malaysia dan Persatuan Institusi Kewangan Pembangunan Malaysia untuk lebih memahami cabaran yang dihadapi oleh perniagaan, terutamanya semasa dan selepas pandemik.

BNM juga bekerjasama dengan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad (Bank Rakyat) dalam program Desa Tanpa Tunai (*Cashless Desa*) dan Bank Bergerak di kawasan luar bandar Sabah sebagai sebahagian daripada inisiatif yang lebih meluas untuk menggalakkan penggunaan tanpa tunai dalam kalangan masyarakat dan menjadikan akses kepada kewangan lebih mudah. Kedua-dua program ini, walaupun memberi tumpuan utama kepada jangkauan pengguna atau individu, juga melibatkan PMKS, terutamanya usahawan mikro di Lahad Datu dan Telupid untuk meningkatkan kesedaran mereka tentang Dana BNM, ketersediaan perkhidmatan kewangan digital serta perlindungan penipuan.

### Mekanisme Bantuan Penyelesaian Kewangan (*Redress*) – Komponen Penting Pembiayaan PMKS Holistik

Dengan keadaan perniagaan yang semakin baik sejak pembukaan semula ekonomi pada tahun 2021, sebahagian besar keupayaan pembayaran balik PMKS masih kekal kukuh, seperti yang dicerminkan dalam pertumbuhan kukuh sebanyak 26.8% bagi pembayaran balik pembiayaan. Sejak berlakunya peningkatan selepas tamatnya program bantuan pembayaran balik bersasar, nisbah pembiayaan PMKS yang terjejas daripada sistem perbankan kekal hampir 3.0% pada akhir tahun 2022 (2021: 2.5%).

Sumbangan pinjaman PMKS di bawah bantuan pembayaran balik juga terus menurun, kepada 5.6% daripada jumlah pinjaman PMKS atau 1.0% daripada jumlah pinjaman daripada sistem perbankan. Kebanyakan PMKS yang telah keluar daripada program bantuan pembayaran balik dapat menjelaskan pinjaman mereka walaupun terdapat sebilangan kecil yang masih menghadapi kesukaran pembayaran balik disebabkan oleh kos input yang lebih tinggi seterusnya semakin terjejas berikutan penampakan kewangan yang lebih rendah dan kuasa harga yang terhad. Bagi peminjam yang menghadapi kesukaran, bantuan boleh diperolehi melalui:

- **Bantuan pembayaran balik khas daripada bank**  
Peminjam boleh menghubungi bank masing-masing untuk memohon penstrukturan semula atau penjadualan semula pembayaran balik mereka, termasuk pilihan untuk ansuran bulanan yang lebih rendah.
- **Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit**  
Peminjam yang tidak dapat mencapai penyelesaian secara baik dengan bank mereka boleh mendapatkan bantuan daripada Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK) melalui Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil (*Small Debt Resolution Scheme*, SDRS). Sejak program ini diperkenalkan, SDRS telah mencapai kadar kelulusan hampir 100.0% untuk lebih daripada 1,500 PMKS yang mendapatkan bantuan. SME Helpdesk@AKPK ditubuhkan pada November 2020 sebagai saluran nasihat dan penyerahan alternatif bagi permohonan bantuan pembayaran balik.
- **Khidmat Nasihat Pembiayaan**  
PMKS yang tidak berjaya mendapatkan pinjaman daripada institusi kewangan digalakkan untuk menghubungi Khidmat Nasihat Pembiayaan (*Financing Advisory Service*) di myKNP@CGC untuk mendapatkan khidmat nasihat. MyKNP, yang dikendalikan oleh Credit Guarantee Corporation (CGC), dibangunkan untuk meningkatkan keupayaan PMKS dalam mendapatkan pembiayaan serta memberi maklumat mengenai ketersediaan pembiayaan merentasi sumber pembiayaan lain. MyKNP juga membantu PMKS memahami sebab-sebab penolakan permohonan pinjaman mereka dan juga boleh mengesyorkan penyelesaian alternatif seperti pembiayaan antara rakan setara atau pembiayaan yang tersedia di lain-lain agensi Kerajaan.

# Artikel Khas

## Pembiayaan Mikro untuk PMKS

Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) Nasional merupakan sebuah institut pembangunan usahawan yang berperanan menyediakan kemudahan pembiayaan modal kecil bagi perniagaan (kredit mikro) dengan cara yang mudah dan cepat serta TEKUN telah menyalurkan pembiayaan mikro sebanyak RM8.3 bilion sejak penubuhannya pada tahun 1998 sehingga Mac 2023. Pembiayaan ini disalurkan melalui 170 cawangan di seluruh negara, telah memberi manfaat kepada 752,177 usahawan. TEKUN Nasional menyediakan pembiayaan dari RM1,000 hingga RM200,000 untuk usahawan membangunkan perniagaan mereka. Selain itu, mereka juga menyediakan bukan sahaja kemudahan pembiayaan, tetapi juga khidmat nasihat dan rangkaian perniagaan.

Antara bantuan kewangan yang diberikan oleh TEKUN Nasional adalah seperti berikut:

### Skim Pembiayaan TEKUN Niaga

TEKUN Niaga adalah kemudahan pembiayaan berasaskan tawarruq iaitu yang melibatkan dua kontrak jual beli yang berasingan. Kontrak yang pertama berlaku apabila TEKUN menjual komoditi kepada pelanggan dengan harga yang telah dipersetujui pada peringkat awal iaitu merangkumi jumlah amaun pembiayaan ditambah keuntungan yang dibayar secara bertangguh. Kontrak kedua berlaku apabila pelanggan (dilakukan oleh TEKUN sebagai wakil) menjual komoditi yang telah dibeli kepada pihak ketiga pada harga bersamaan dengan jumlah pembiayaan secara tunai.

### Skim Pembiayaan Teman TEKUN

Menggunakan konsep berkumpulan bagi menyediakan kemudahan pembiayaan yang lebih mudah, cepat dan cekap untuk keperluan perniagaan.

### Ar Rahnu TEKUN

Ar Rahnu TEKUN adalah satu produk pembiayaan semula gadaian patuh Syariah jangka pendek (Tawarruq) iaitu pelanggan / usahawan akan mencagar barangan emas atau barang kemas mengikut jenis emas yang diterima (rujuk senarai emas) sebagai cagaran bagi pembiayaan yang diberikan. Kemudahan ini adalah berlandaskan kontrak Syariah, iaitu Tawarruq, dan Rahn dan Wadiah Yad Dhamanah di bawah pengurusan Jabatan AR RAHNU TEKUN dan dipantau oleh Jabatan Syariah TEKUN Nasional.

### Skim Pembiayaan Kontrak-i

Skim Pembiayaan Kontrak-i merupakan proses untuk membiayai kontrak dan pembekalan secara terus yang diperolehi daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, Agensi Kerajaan dan Badan Berkanun.

### TEKUN Mobilepreneur

TEKUN Mobilepreneur menyediakan kemudahan pembiayaan kepada usahawan perkhidmatan penghantaran menggunakan motosikal. Pembiayaan disediakan kepada pemohon untuk tujuan berikut:

- Pembelian Motosikal
- Baik Pulih Motosikal
- Modal Pusingan

### Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India (SPUMI)

Skim ini adalah untuk menggalakkan penyertaan masyarakat India menceburkan diri dalam bidang perniagaan secara inovatif serta merangsang bidang keusahawanan di Malaysia.

Pada tahun 2023, TEKUN Nasional telah memperkenalkan program pembiayaan khas tanpa cagaran kepada usahawan yang menjalankan perniagaan secara dalam talian melalui Skim Pembiayaan *Online* TEKUN (SPOT). Pembiayaan khas ini terbuka kepada semua peringkat umur dan jantina termasuk wanita dan usahawan muda. Sehingga 10 Februari 2023, seramai 118 usahawan wanita dan belia telah menerima pembiayaan SPOT yang melibatkan peruntukan sebanyak RM884,000.



# Artikel Khas

## Skim Pembiayaan MIDF untuk Perniagaan Hijau, Pendigitalan dan Pengukuhan

Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) telah menyediakan skim pembiayaan untuk menggalakkan penggunaan teknologi hijau secara meluas dan kecekapan tenaga oleh industri serta skim untuk membantu mengukuhkan semula perniagaan PMKS yang telah terjejas oleh pandemik.

### Pembiayaan Perniagaan Kelestarian dan Hijau

Pembiayaan Perniagaan Kelestarian dan Hijau (*Sustainable and Green Biz Financing*, SGBF) adalah untuk membantu pemain industri tempatan menggunakan teknologi hijau dan kecekapan tenaga secara meluas. Tumpuan skim pembiayaan ini adalah terhadap penjimatan tenaga, penjanaan dan pengagihan kuasa, teknologi tenaga boleh baharu dan pengurangan pelepasan karbon.

Skim ini yang dibuka hanya kepada syarikat yang layak dari sektor pembuatan dan perkhidmatan, menawarkan pembiayaan minimum sebanyak RM100,000 dan sehingga maksimum RM10,000,000. Kadar pembiayaan tetap adalah serendah 2.0% setahun pada kiraan atas baki bulanan bagi PMKS dan 5.0% setahun pada kiraan atas baki bulanan untuk bukan PMKS.

Sehingga 31 Disember 2022, MIDF telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM30.8 juta di bawah SGBF kepada 24 syarikat.

### Skim Pinjaman Mudah bagi Digital dan Teknologi (SFDT)

Skim Pinjaman Mudah bagi Digital dan Teknologi (*Soft Financing Scheme for Digital and Technology*, SFDT) dilancarkan pada tahun 2020 dan menjadi sangat penting untuk menggalakkan penerapan teknologi dalam kalangan PMKS merentasi semua sektor serta menggalakkan keusahawanan digital. SFDT telah membantu mengurangkan sekatan aliran tunai, meningkatkan daya saing dan membolehkan pengembangan perniagaan.

PMKS juga boleh memohon pembiayaan untuk membeli kenderaan bermotor, mesin dan peralatan, perkakasan dan perisian ICT, modal kerja serta pembiayaan kontrak untuk pembiayaan pembelian atau penghutang yang berkaitan dengan platform ekonomi digital daripada Kementerian, agensi Kerajaan atau GLC.

Sehingga 31 Disember 2022, MIDF telah meluluskan kemudahan pembiayaan berjumlah RM8.8 juta di bawah SFDT kepada 15 syarikat.

### Pembiayaan Penguatan PKS

Pembiayaan Penguatan PKS (*SME Revitalisation Financing, SMERF*) adalah bagi memudah cara PMKS untuk memulakan, memulakan semula atau meneruskan perniagaan yang terkesan teruk akibat pandemik. SMERF menyediakan pembiayaan kepada PMKS untuk modal kerja serta pembelian aset yang diperlukan untuk menjalankan perniagaan mereka, seperti kenderaan bermotor komersial, mesin dan peralatan, serta perkakasan dan perisian ICT. Syarikat yang layak daripada semua sektor ekonomi boleh mendapatkan pembiayaan minimum RM50,000 dan sehingga RM250,000 berdasarkan kadar pembiayaan tetap serendah 3.0% setahun kiraan atas baki bulanan.

Sehingga 31 Disember 2022, MIDF telah meluluskan kemudahan pembiayaan sebanyak RM32.1 juta di bawah SMERF kepada 175 syarikat. SMERF adalah sebahagian daripada Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), pembiayaan yang disalurkan melalui SME Corp. Malaysia dengan MIDF sebagai pelaksana program.



# Artikel Khas

## Rangka Kerja Sukuk Kelestarian

SME Bank menubuhkan Rangka Kerja Sukuk Kelestarian pada tahun 2021 untuk memacu kelestarian dan berfungsi sebagai garis panduan bagi semua terbitan Sukuk Kelestarian. Rangka kerja ini selaras dengan garis panduan dan piawaian berikut:

- Rangka Kerja Sukuk berkaitan Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (*Sustainable and Responsible Investment, SRI*), yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia;
- Piawaian Bon Lestari ASEAN (*ASEAN Sustainability Bond Standards*), Piawaian Bon Hijau ASEAN (*ASEAN Green Bond Standards*) dan Piawaian Bon Sosial ASEAN (*ASEAN Social Bond Standards*) yang dikeluarkan oleh Forum Pasaran Modal ASEAN (*ASEAN Capital Markets Forum, ACMF*); dan
- Garis Panduan Bon Lestari, Prinsip Bon Hijau, Prinsip Bon Sosial, yang dikeluarkan oleh International Capital Market Association (ICMA).

### Ringkasan Rangka Kerja Sukuk Kelestarian oleh SME Bank

Penerbit	<b>SME Bank</b>
Pemberi penarafan	AAA (Malaysian Rating Corporation Berhad)
Penawaran	Nota Jangka Sederhana Islam Kelestarian
Saiz	Sehingga RM3.0 bilion
Penggunaan Hasil	<p>Aset baharu atau sedia ada, perniagaan dan / atau projek (secara kolektif, Aset Layak) yang menggalakkan kategori seperti di bawah (Kategori Layak):</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Tenaga boleh baharu</li> <li>2. Pengangkutan bersih</li> <li>3. Bangunan hijau</li> <li>4. Kecekapan tenaga</li> <li>5. Pengurusan air dan air kumbahan secara lestari</li> <li>6. Kawalan sisa dan pencemaran</li> <li>7. Infrastruktur asas yang berpatutan</li> <li>8. Akses kepada perkhidmatan penting: Penjagaan kesihatan</li> <li>9. Akses kepada perkhidmatan penting: Pendidikan dan latihan vokasional</li> <li>10. Kemajuan dan pemeraksanaan sosioekonomi</li> <li>11. Pengurangan impak sosioekonomi ekoran wabak pandemik</li> </ol> <p>SME Bank telah membangunkan senarai kriteria pengecualian terhadap penggunaan hasil daripada Sukuk Kelestarian. SME Bank tidak akan membiayai mana-mana projek yang terkandung dalam senarai kriteria pengecualian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>i. Kriteria untuk aktiviti perniagaan / produk / barangan yang tidak patuh Syariah</li> <li>ii. Kriteria untuk perniagaan estetik</li> <li>iii. Kriteria untuk aktiviti perniagaan campuran</li> </ol>



### Proses penilaian dan pemilihan projek

Bahagian Perniagaan, SME Bank akan melaksanakan pemilihan dan penilaian awal mengikut Kategori Layak dan kriteria. Kemudian mereka akan mencadangkan Aset Layak kepada Pihak Berkuasa Kelulusan untuk semakan dan kelulusan berdasarkan Had Kuasa (*Authority Limit*, AL). Jawatankuasa Kerja Sukuk Kelestarian (*Sustainability Sukuk Working Committee*, SSWC) akan menyemak semula Aset Layak secara berkala bagi memastikan ia memenuhi kriteria kelayakan dan melaporkan kepada Jawatankuasa Pematuhan dan Pengurusan Risiko (*Compliance and Risk Management Committee*, CRMC).



Sehingga 30 Jun 2023, perolehan bersih Sukuk Kelestarian SME Bank sebanyak RM2 bilion (bahagian pertama RM500 juta dikeluarkan pada bulan Ogos 2021, bahagian kedua RM500 juta dikeluarkan pada bulan Ogos 2022 dan bahagian ketiga RM1 bilion dikeluarkan pada bulan Mei 2023) telah diperuntukkan untuk pembiayaan atau pembiayaan semula sebahagian atau keseluruhan aset baharu atau sedia ada, perniagaan dan / atau projek (secara kolektif, "Aset Layak"). Pembiayaan akan diterima pakai sebagai Aset Layak jika terdapat sekurang-kurangnya 80.0% daripada pendapatan penerima pembiayaan diperoleh daripada sumber yang memenuhi kriteria kelayakan yang berkaitan.

Carta 1: Aset Layak daripada Hasil yang Diperuntukkan



# Artikel Khas

## Inisiatif Pembiayaan Digital PMKS

Inisiatif Pembiayaan Digital PMKS oleh SME Corp. Malaysia bertujuan untuk menyediakan akses yang lebih fleksibel kepada pembiayaan untuk PMKS melalui platform digital yang dibuka 24/7 bagi aplikasi dalam talian. Program ini yang dijalankan dengan kerjasama microLEAP, menawarkan penyelesaian pembiayaan jangka pendek yang inovatif dan pantas untuk PMKS melalui platform digital dengan proses permohonan yang dipermudahkan dan produk patuh Syariah.

Pembiayaan jangka pendek dengan jumlah minimum RM50,000 dan sehingga jumlah maksimum RM500,000 pada kadar keuntungan yang rendah sebanyak 2.0% setahun tersedia untuk modal kerja, perbelanjaan operasi (pembelian inventori, bahan mentah dan sebagainya) dan pembiayaan untuk penambahbaikan perniagaan, termasuk pembelian mesin & peralatan; sistem; e-dagang; aplikasi e-pembayaran & ICT; pembungkusan & pembungkusan produk; pengiklanan & promosi; dan pensijilan & sistem pengurusan kualiti.

Program ini terbuka kepada syarikat berstatus PMKS yang diperakui; berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); dengan 60.0% pemilikan Malaysia; telah beroperasi sekurang-kurangnya enam bulan; dan komited untuk menjalani penilaian SCORE atau M-CORE.

Pada tahun 2022, sebanyak 36 PMKS menerima bantuan kewangan berjumlah RM12.1 juta. Kadar keuntungan yang rendah menjadikan program ini lebih menarik kepada PMKS kerana beban pembayaran balik dapat dikurangkan manakala keberangkalian untuk berjaya adalah lebih tinggi bagi penerima pembiayaan.







# Bab 4

## Teknologi, Inovasi dan Pendigitalan




# Bab 4

## Teknologi, Inovasi dan Pendigitalan




Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, PMKS di seluruh dunia telah mempergiatkan penggunaan alat digital dan penyertaan mereka dalam rangkaian yang menyokong kesan limpahan inovasi, termasuk peningkatan penggunaan platform digital. Berdasarkan laporan Prospek PKS dan Keusahawanan (*Entrepreneurship and SME Outlook*) 2023 oleh OECD, penggunaan media sosial telah menjadi saluran utama dengan penggunaan lebih 60.0% daripada jumlah populasi perniagaan di negara anggota OECD dan sumbangan PKS yang menggunakan perkhidmatan pengkomputeran awan meningkat dua kali ganda dalam masa kurang daripada enam tahun. Perkembangan ini mencerminkan peningkatan nilai data bagi perisikan perniagaan, iaitu firma beralih ke arah pengkomputeran awan bukan sahaja untuk menaik taraf teknologi tetapi juga untuk memacu inovasi perniagaan. Trend digital ini telah mendorong inovasi terbuka seperti amalan perniagaan untuk mendapatkan idea dan penyelesaian serta penerapan teknologi digital yang telah menyokong PKS dalam memacu peralihan berkembar.

Carta 4.1: Perniagaan yang Melanggan Perkhidmatan Pengkomputeran Awan



Carta 4.2: Perniagaan yang Menggunakan Media Sosial



Sumber: Prospek PKS dan Keusahawanan 2023, OECD

Carta 4.1 dan 4.2 menunjukkan firma yang membeli perkhidmatan pengkomputeran awan mengikut saiz firma dari tahun 2015 hingga 2021 dan peratusan firma yang menggunakan media sosial dari tahun 2012 hingga 2021.

## KEMUNCULAN ERA RUNCIT HIBRID

Laporan PKS dalam Era Runcit Hibrid: Bukti daripada Kaji Selidik OECD D4SME (*SMEs in the Era of Hybrid Retail: Evidence from an OECD D4SME Survey*) oleh OECD, menunjukkan bukti baharu bagaimana PKS dalam sektor peruncitan menyesuaikan model perniagaan mereka dengan penggunaan hibrid, berdasarkan trend terkini dan kaji selidik dalam kalangan PKS runcit di enam negara anggota OECD, iaitu Perancis, Jerman, Itali, Jepun, Korea dan Sepanyol. Pendigitalan telah mencetuskan transformasi yang ketara bagi sektor peruncitan. Perniagaan runcit kini mempunyai pelbagai saluran jualan digital termasuk platform dalam talian dan kedai secara maya mereka sendiri. Permintaan pengguna runcit juga telah berkembang dengan peningkatan permintaan alternatif dalam talian atau pelengkap kepada tawaran oleh kedai fizikal. Pandemik COVID-19 dan pengenalan langkah penjarakan sosial mempercepatkan trend ini secara berterusan dalam peningkatan perbelanjaan dalam talian merentasi semua peringkat umur. Walaupun penamatan sekatan COVID-19 telah menyaksikan pembelian secara bersemuka disambung semula, dengan pengurangan yang seiring terhadap keseluruhan sumbangan pembeli dalam talian, kesan daripada COVID-19 terhadap corak perbelanjaan dilihat kekal bertahan iaitu pengguna memanfaatkan kedua-dua kaedah dan membeli-belah dengan cara yang hibrid.

Perniagaan runcit lebih banyak mengguna pakai amalan hibrid dan PKS tidak terkecuali. Mengendalikan pelbagai saluran jualan, sama ada dalam talian mahupun luar talian memaparkan pelbagai peluang seperti meningkatkan jualan, meluaskan bilangan pelanggan dan menambah baik hubungan dengan pelanggan. Integrasi saluran jualan dalam talian dapat meningkatkan daya tahan perniagaan, terutamanya untuk perniagaan kecil. Semasa pandemik COVID-19, kebanyakan PKS dalam sektor peruncitan yang mempunyai kedai fizikal turut mengintegrasikan model dalam talian, termasuk menjual melalui platform e-dagang dan menawarkan pembelian dalam talian, pilihan pengambilan dari kedai untuk mengharungi langkah penjarakan yang ketat dan bagi menampung peningkatan permintaan pengguna untuk berinteraksi dalam talian.

PKS menerima era baharu runcit hibrid ini, iaitu saluran fizikal dan digital wujud bersama, bertindan dan berinteraksi antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, peralihan kepada jualan hibrid atau kepelbagaian saluran jualan juga membawa pelbagai cabaran, seperti peningkatan dalam persaingan, margin yang lebih rendah dan meningkatkan kesukaran untuk mengurus saluran yang pelbagai. Di samping itu, masih terdapat ruang bagi memperbaiki peruncit PKS mengenai kesiediaan digital untuk menggunakan alat dan perkhidmatan digital dengan berkesan, terutamanya dalam menguruskan pemasaran digital dan meningkatkan kesedaran PKS mengenai risiko digital.

## LANDSKAP EKONOMI DIGITAL MALAYSIA

Ekonomi digital Malaysia telah mencatatkan pertumbuhan pesat terutamanya sejak sedekad yang lalu. Sehingga bulan Januari 2020, dianggarkan sebanyak 33 juta pengguna internet dan kadar penembusan internet sebanyak 96.9%. Menurut laporan daripada Bank Dunia dan sumber lain, ekonomi digital Malaysia telah menunjukkan pertumbuhan yang luar biasa dan dianggarkan telah mencapai nilai USD11 bilion pada tahun 2019 dan diunjurkan berkembang kepada USD26 bilion pada tahun 2025. Pertumbuhan tersebut telah dan akan terus didorong oleh peningkatan penembusan internet, aktiviti e-dagang dan penerapan teknologi digital oleh perniagaan dan pengguna. E-dagang terutamanya telah menjadi penting dalam pertumbuhan ekonomi digital Malaysia, dengan sumbangan sebanyak 13.0% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) dan bernilai sebanyak RM201.1 bilion pada tahun 2021 berbanding 11.6% dan RM163.3 bilion pada tahun 2020.

Malaysia telah membuat pelaburan besar dalam infrastruktur digital, termasuk pelancaran rangkaian jalur lebar berkelajuan tinggi dan pembangunan teknologi 5G, sekali gus memacu penerapan digital dan mewujudkan landasan yang kukuh untuk perniagaan digital. Komitmen Kerajaan untuk membangunkan ekonomi digital yang kukuh dapat dilihat dalam pendigitalan perkhidmatan awam, iaitu sebanyak 90.0% daripada kemudahan kini tersedia dalam talian dan 78.8% daripada agensi awam mempunyai kemudahan e-pembayaran.

Pascapandemik, wujud keperluan mendesak dalam kalangan perniagaan tempatan untuk menggunakan penyelesaian digital. Ini sejajar dengan kajian Bank Dunia yang diterbitkan pada bulan Oktober 2022 mendapati bahawa 15.0% daripada pengguna digital baharu di Malaysia memasuki pasaran semasa pandemik dan telah meningkatkan permintaan untuk platform digital. Laporan yang sama turut menyatakan bahawa 25 agensi Kerajaan dan sekurang-kurangnya 10 agensi negeri dan perbandaran melaksanakan kira-kira 101 program pendigitalan PMKS. Dapatan daripada Bank Dunia disokong oleh *Business Technology Survey 2022* oleh CPA Australia yang melaporkan sebanyak 94.0% syarikat di Malaysia merancang untuk meningkatkan penerapan teknologi dalam tempoh 12 bulan akan datang.



Perniagaan dan pengguna telah beralih ke platform dalam talian untuk pelbagai aktiviti, termasuk kerja jarak jauh, membeli-belah dalam talian dan bersosial secara maya, sekali gus membawa kepada aktiviti penjaan data dan analisis data yang lebih besar serta kebergantungan kepada kecerdasan buatan bagi tujuan ramalan.

Pandemik telah meningkatkan penerapan teknologi digital apabila perniagaan dan individu beralih kepada transaksi harian dalam talian. Perniagaan dan pengguna telah beralih ke platform dalam talian untuk pelbagai aktiviti, termasuk kerja jarak jauh, membeli-belah dalam talian dan bersosial secara maya, sekali gus membawa kepada aktiviti penjaan data dan analisis data yang lebih besar serta kebergantungan kepada kecerdasan buatan bagi tujuan ramalan.

Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi 2022 yang diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia melaporkan bahawa sumbangan teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology, ICT*) dan e-dagang kepada KDNK dicatatkan sebanyak 23.0% dengan nilai RM412.3 bilion pada tahun 2022. Prestasi ini disumbangkan oleh Nilai Ditambah Kasar industri ICT (*Gross Value-Added ICT, GVAICT*) sebanyak 13.6% (2021: 14.0%) dan e-dagang bagi industri lain sebanyak 9.4% (2021: 9.2%). GVAICT merekodkan RM243.7 bilion dengan pertumbuhan sebanyak 12.4% pada tahun 2022 berbanding 7.8% pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan ini disokong oleh industri pembuatan ICT yang berkembang lebih baik sebanyak 21.3% berbanding 11.0% pada tahun 2021. Sementara itu, eksport produk ICT meningkat kepada RM444.5 bilion dengan pertumbuhan sebanyak 24.9% pada tahun 2022 berbanding 13.1% pada tahun sebelumnya. Eksport produk ICT menyumbang 32.2% kepada jumlah eksport negara. Guna tenaga dalam industri ICT telah meningkat sebanyak 1.0% kepada 1.22 juta orang pada tahun 2022 (2021: 1.21 juta orang), dengan sumbangan sebanyak 7.9% kepada jumlah guna tenaga (2021: 8.0%). Majoriti pekerja digaji oleh sektor pembuatan ICT sebanyak 36.1%, diikuti oleh sektor perkhidmatan ICT (29.3%) dan sektor perdagangan ICT (21.7%).

Prestasi Malaysia dalam indeks global utama mencerminkan keberkesanan pelaksanaan dasar dalam membangunkan ekonomi digital negara. Seperti yang dipaparkan dalam Carta 4.3, Malaysia berada di kedudukan 50 teratas dalam indeks ini. Kedudukan Malaysia dalam indeks ini:

- Ke-31 dalam kedudukan Daya Saing Digital Dunia IMD (2022)
- Ke-34 dalam Indeks Internet Inklusif (2022)
- Ke-36 dalam Indeks Inovasi Global (2021)
- Ke-53 dalam Indeks Pembangunan e-Kerajaan PBB (2022)

Bagi fasilitasi perdagangan, negara mencatatkan 85.2% bagi perdagangan tanpa kertas dan 61.1% untuk perdagangan tanpa kertas rentas sempadan.

Carta 4.3: Landskap Ekonomi Digital Malaysia

Malaysia di Mata Dunia							
<b>Daya Saing Digital Dunia IMD (2022) Ke-31</b>							
Negara	Kedudukan						Perubahan berbanding tahun 2017
	2017	2018	2019	2020	2021	2022	
Singapura	1	2	2	2	5	4	-3
Malaysia	24	27	26	26	27	31	-7
Thailand	41	39	40	39	38	40	+1
Indonesia	59	62	56	56	53	51	+8
<b>Indeks Internet Inklusif (2022) Ke-34</b>							
Negara	Kedudukan						Perubahan berbanding tahun 2017
	2017	2018	2019	2020	2021	2022	
Singapura	1	2	2	1	1	1	-
Malaysia	21	28	34	41	38	34	-13
Thailand	23	31	36	46	44	41	-18
Indonesia	35	49	63	55	52	47	-12
Vietnam	32	43	44	48	50	46	-14
<b>Indeks Inovasi Global (2021) Ke-36</b> (Malaysia berada di kedudukan ke-3 dalam kumpulan berpendapatan sederhana atas)							
Negara	Kedudukan						Perubahan berbanding tahun 2017
	2017	2018	2019	2020	2021	2022	
Singapura	7	5	8	8	8	7	-
Malaysia	37	35	35	33	36	36	+1
Thailand	51	44	43	44	43	43	+8
Indonesia	87	85	85	85	87	75	+12
Vietnam	47	45	42	42	44	48	-1

## Di mana kita hari ini?



## Kerajaan



## Indeks Pembangunan e-Kerajaan PBB (2022)

Negara	Kedudukan 2022
Singapura	Ke-12
Malaysia	Ke-53
Thailand	Ke-55
Indonesia	Ke-77
Vietnam	Ke-86
Filipina	Ke-89



**90.0%** daripada perkhidmatan Kerajaan tersedia dalam talian, tetapi tidak semua sistem mempunyai pautan<sup>1</sup>



**78.8%** daripada agensi Kerajaan menyediakan kemudahan e-pembayaran kepada pelanggan<sup>2</sup>



**Ke-87 daripada 94** - Malaysia dalam Indeks Data Terbuka Global, menunjukkan set data adalah terhad, tidak mudah didapati dan tidak tersedia kepada umum



## Perniagaan

Markah Malaysia dalam Fasilitasi Perdagangan dan Perdagangan Tanpa Kertas (2021)<sup>3</sup>

Perdagangan tanpa Kertas	85.2%
Perdagangan tanpa kertas rentas sempadan	61.1%



**17 Pusat Data** di Malaysia (2022)<sup>4</sup>



**RM163 bilion** nilai ditambah kasar e-dagang kepada ekonomi pada 2020<sup>5</sup>



**46.8%** daripada perniagaan di Malaysia menerapkan pengkomputeran awan pada 2019<sup>6</sup>



**26.0%\*** PMKS memilih penerapan digital sebagai strategi pilihan untuk kelangsungan pascapandemik<sup>5</sup>

\*1,713 peserta dikaji selidik dalam Kajian



## Masyarakat



**92.0%** rakyat Malaysia aktif dalam media sosial (2022)<sup>7</sup>



Akses isi rumah kepada jalur lebar (2021)<sup>8</sup>

Jenis	Mudah Alih	Tetap
Bandar	95.3%	46.5%
Luar Bandar	88.1%	18.1%



**873** Pusat Internet Komuniti merentas Malaysia, menyasarkan kawasan dan kumpulan kurang mendapat perhatian (2020)<sup>2</sup>



**3.5 bilion** perbankan dalam talian  
**1.1 bilion** transaksi e-dompet (2021)<sup>2</sup>



**71.0%** pekerja bimbang pekerjaan mereka akan terjejas disebabkan automasi (2021)<sup>10</sup>



**57.0%** daripada pekerja menyatakan kemahiran digital mereka bertambah baik sejak pandemik bermula<sup>10</sup>



**10,016** insiden siber dilaporkan di Malaysia (2021)<sup>11</sup>

Sumber: <sup>1</sup>MyGov, <sup>2</sup>Bank Negara Malaysia (2021/2021), Annual Report 2021, <sup>3</sup>UN Global Survey on Digital and Sustainable Trade Facilitation, <sup>4</sup>MDEC, <sup>5</sup>Institute of Strategic & International Studies (ISIS) Malaysia, Strengthening Digital Trade and Digitalisation in Malaysia, <sup>6</sup>Usage of ICT & e-commerce by Establishment, DOSM, 2020, <sup>7</sup>Data Reportal Digital 2022 Malaysia, <sup>8</sup>ICT Use and Access by Individuals and Households, DOSM, 2021, <sup>9</sup>MCMC Annual Report 2020, <sup>10</sup>PwC's Hopes and Fears Survey 2021 Malaysia Report, <sup>11</sup>Cybersecurity Malaysia

## PENDIGITALAN DAN PENERAPAN TEKNOLOGI PMKS

Salah satu tonggak utama agenda transformasi digital Kerajaan adalah untuk memberikan sokongan yang kukuh bagi penerapan digital oleh PMKS. Dilaporkan sebanyak 26.0% PMKS di Malaysia telah memilih pendigitalan sebagai strategi utama bagi kelangsungan perniagaan pascapandemik, justeru merupakan satu peringatan yang jelas berkenaan kepentingan teknologi digital dalam mengekalkan kelangsungan perniagaan serta kesalinghubungan.

PMKS yang mewakili 97.4% daripada jumlah pertubuhan perniagaan, menjadi tulang belakang ekonomi Malaysia dan merupakan penyumbang penting kepada KDNK, guna tenaga dan eksport serta pemacu penciptaan pekerjaan dan keusahawanan, terutamanya untuk wanita, belia dan kumpulan terpinggir. Walau bagaimanapun, disebabkan saiz perniagaan, PMKS menghadapi cabaran terhadap pendigitalan, pembiayaan, pematuhan kawal selia, teknologi dan strategi perniagaan.

Sejak sedekad yang lalu, pendigitalan PMKS telah menjadi tumpuan dalam pelbagai strategi awam, termasuk Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia, strategi digital jangka panjang utama negara. Rangka tindakan yang dilancarkan pada bulan Februari 2021 bertujuan untuk mewujudkan peluang yang lebih luas kepada PMKS bagi membina dan berkembang dalam peringkat tempatan, serantau dan global melalui pendigitalan.

Rangka tindakan itu menyasarkan untuk membantu mendigitalkan sebanyak 800,000 PMKS dan 875,000 PMKS untuk menerap e-dagang menjelang tahun 2025. Daripada enam teras, 22 strategi dan 48 inisiatif negara yang terkandung dalam rangka tindakan, beberapa tindakan tersebut secara langsung dapat menangani keperluan PMKS.

Berikut merupakan inisiatif di bawah rangka tindakan untuk menyokong pendigitalan PMKS.

Teras Dasar	Strategi	Inisiatif	Sasaran	Agensi Utama	Status
Meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan	Memudah cara penerapan digital, akses dan penggunaan teknologi digital yang efektif merentas semua saiz firma dan tahap kematangan digital	Menyediakan Kompas Digital yang disesuaikan untuk perniagaan merangsang penggunaan digital	Lebih daripada 800,000 PMKS menerapkan pendigitalan (2025)	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi serta Kementerian Komunikasi	Dalam proses
	Membangunkan kluster industri digital dan memacu aktiviti keusahawanan	Mengambil kira elemen ekonomi digital yang komprehensif apabila membuat pengaturanan dan kerjasama perdagangan antarabangsa	Elemen ekonomi dan strategik digital utama diambil kira dalam semua pengaturanan dan kerjasama perdagangan antarabangsa yang dilaksanakan oleh Malaysia (2030)	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	Hampir selesai

Teras Dasar	Strategi	Inisiatif	Sasaran	Agensi Utama	Status
Membina bakat digital yang cekap dan kompeten	Menyediakan latihan kemahiran semula bagi tenaga kerja semasa dengan kemahiran digital yang diperlukan untuk kekal relevan	Memperkenalkan program latihan untuk pengurus kanan bagi meningkatkan kemahiran digital	50.0% daripada pengurusan kanan dalam syarikat berkaitan Kerajaan, multinasional dan PMKS akan menyertai program ini menjelang tahun 2025	Kementerian Sumber Manusia	Dalam proses
		Menyelaraskan inisiatif latihan kemahiran semula oleh pelbagai agensi Kerajaan ke portal berpusat untuk memudahkan akses	MYFutureJobs sebagai platform tunggal untuk program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula untuk semua majikan dan pekerja di Malaysia menjelang tahun 2030		Dalam proses
	Memastikan pekerja gig dilindungi dan dilengkapi dengan kemahiran yang bersesuaian	Memperkenalkan perlindungan sosial jangka panjang untuk pekerja gig	Semua pekerja gig perlu mendapat perlindungan sosial	Kementerian Sumber Manusia dan Kementerian Kewangan	Dalam proses
Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif	Meningkatkan penyertaan rakyat Malaysia yang inklusif dalam aktiviti digital	Mempromosikan program <i>onboarding</i> pembayaran elektronik bagi kedua-dua peniaga dan pengguna ke arah masyarakat tanpa tunai	400 transaksi pembayaran secara elektronik per kapita dilakukan menjelang tahun 2022, 36 terminal EFTPOS bagi setiap 1,000 penduduk menjelang tahun 2022	Bank Negara Malaysia	Dalam proses
	Memperkasakan kumpulan sasaran khusus dalam masyarakat untuk turut serta dalam ekonomi digital melalui aktiviti keusahawanan	Menyediakan platform dalam talian untuk mudah cara akses bagi kumpulan rentan	875,000 PMKS menyertai e-dagang menjelang tahun 2025	Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	Dalam proses



Dalam bidang penerapan teknologi, laporan Penerapan Teknologi Industri 4.0 dalam Pembuatan Malaysia: Strategi untuk Meningkatkan Daya Saing oleh Asia School of Business (ASB) menunjukkan bahawa jurang bakat dan kemahiran menjadi penghalang bagi penerapan teknologi. Firma menghadapi halangan utama dalam penggunaan IR4.0 kerana kekurangan bakat dan kemahiran yang sesuai dengan IR4.0 untuk mengendalikan mesin baharu dan menganalisis data yang dikumpulkan oleh mesin dengan berkesan. Dalam kes-kes tertentu, penerapan teknologi baharu telah menyebabkan peningkatan tenaga kerja dan bukannya penggantian tenaga kerja. Insentif Kerajaan dilihat sebagai pemacu utama yang menyokong firma dalam penerapan teknologi baharu termasuk peruntukan geran khusus bagi pemerolehan teknologi serta kerjasama dengan pelbagai institut latihan untuk latihan dan peningkatan kemahiran dalam menangani masalah kekurangan bakat.

Cadangan dasar untuk jangka pendek, sederhana dan panjang:

#### Jangka Pendek

Memperkuhkan sistem pendidikan teknikal dan vokasional sebagai salah satu isu yang dinyatakan oleh majoriti firma kerana kekurangan pekerja mahir dan bakat untuk mengendalikan penerapan teknologi.

#### Jangka Sederhana

Membangunkan insentif yang sepadan dengan penemuan aktiviti keusahawanan baharu. Insentif termasuk latihan kemahiran, sokongan teknikal daripada pusat latihan dan teknikal, geran untuk membolehkan penyesuaian dan gabung padan (*mix-match*) mesin dengan proses pembuatan dan program inovasi berpandangan ke hadapan.

#### Jangka Panjang

Membina ekosistem keusahawanan dalam bidang pertumbuhan baharu dengan menyokong aktiviti inovatif dan bukannya sektor. Seni bina institusi adalah penting untuk mewujudkan ekosistem yang merangkumi kepimpinan politik bagi memacu agenda, penyelarasan dan mekanisme ketelusan.

# Artikel Khas

## Pendigitalan PMKS untuk Meningkatkan Daya Saing

Pandemik COVID-19 mendedahkan kerentanan PMKS terhadap kemunculan gangguan trend dan krisis. Dalam pemulihan ekonomi pascapandemik, pelbagai pengalaman berharga dapat dipelajari, tidak ketinggalan transformasi digital merupakan laluan penting bagi ketahanan dan kelestarian perniagaan.

Maklum balas yang diperolehi daripada Sidang Kemuncak Digital PKS (Ogos 2020) dan *IDC Digital SMB Pulse 2022* menjelaskan bahawa keutamaan perniagaan PMKS untuk meningkatkan pertumbuhan hasil, kecekapan, aliran tunai, pengurusan aliran kerja dan meningkatkan ketangkasan perniagaan diketepikan dahulu ketika ketidaktentuan pandemik kerana kelangsungan perniagaan adalah lebih utama daripada perkara lain. Walau bagaimanapun, pandemik ini menjadikan PMKS sedar akan kepentingan daya tahan digital untuk mengekalkan kelangsungan perniagaan.

Majoriti PMKS yang dikaji telah menyatakan hasrat untuk mendigitalkan perniagaan mereka, iaitu sebanyak 57.0% daripada responden menyatakan bahawa mereka akan melabur dalam teknologi digital seperti e-dagang dan e-pembayaran, agar dapat melakukan penjualan dalam talian atau meningkatkan jualan dalam talian. Sebanyak 51.0% lagi melaporkan bahawa mereka berhasrat untuk merangka strategi digital untuk membantu memacu krisis dengan matlamat yang jelas; 49.0% akan memberi tumpuan terhadap budaya digital yang merangkumi risiko dan inovasi; 47.0% akan melabur dalam proses automasi serta pendigitalan agar kurang bergantung kepada campur tangan manusia; dan 39.0% akan melabur dalam penyelesaian untuk membolehkan pekerja bekerja dari jarak jauh atau dalam proses automasi teras seperti kewangan dan pengurusan sumber manusia.

Inisiatif *100 Go Digital* dilancarkan oleh Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) pada tahun 2022 bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh PMKS pascapandemik, membantu memenuhi keutamaan mereka serta transformasi digital untuk meningkatkan daya saing. Program ini menawarkan beberapa siri bengkel bimbingan digital untuk membantu PMKS menambah baik perniagaan mereka melalui penerapan teknologi digital. Ini dilengkapi dengan 40 sesi taklimat atau berbual melalui platform digital untuk mewujudkan kesedaran tentang penerapan digital dan Dialog Digital Malaysia di seluruh negara iaitu sesi dialog khas secara fizikal selama sehari yang melibatkan perniagaan dari semua saiz melalui aktiviti perkongsian pengetahuan, nasihat dan kerjasama strategik bagi memudah cara penerapan digital. Lebih daripada 45,000 perniagaan menerima manfaat daripada program ini dan hasilnya membawa kepada penerapan pendigitalan oleh 25,000 PMKS.

MDEC turut mengadakan *100 Go Digital* edisi 2023 dengan kerjasama pemain industri, agensi Kerajaan dan rakan kongsi pendigitalan. Edisi 2023 terdiri daripada program bimbingan, 10 bengkel pendigitalan perniagaan di seluruh negara dan program onboarding untuk mempercepatkan penerapan digital. Rakan kongsi pendigitalan MDEC turut terlibat untuk menyokong PMKS dalam proses pendigitalan. Program ini memberi tumpuan kepada tiga sektor, iaitu peruncitan makanan & minuman (pemilik runcit, penjaja dan peniaga kecil), profesional (perunding, akauntan, juruaudit, pengamal kesihatan, ejen hartanah) dan logistik (rantai bekalan logistik yang memerlukan penyelesaian automasi). Ini memberi fokus kepada tujuh bidang untuk pendigitalan seperti pemasaran digital, perdagangan, kerja jarak jauh, Perancangan Sumber Perusahaan (*Enterprise Resource Planning, ERP*) / perakaunan & cukai, perolehan, sistem gaji sumber manusia / Pengurusan Perhubungan Pelanggan (*Customer Relationship Management, CRM*) dan sistem tempat jualan elektronik (*electronic point of sale*).

Majoriti PMKS yang dikaji telah menyatakan hasrat untuk mendigitalkan perniagaan mereka, iaitu sebanyak 57.0% daripada responden menyatakan bahawa mereka akan melabur dalam teknologi digital seperti e-dagang dan e-pembayaran, agar dapat melakukan penjualan dalam talian atau meningkatkan jualan dalam talian.

# Artikel Khas

## Meneraju Inovasi Melalui *Sandbox* Inovasi dan Teknologi Nasional

*Sandbox* Inovasi dan Teknologi Nasional (*National Technology and Innovation Sandbox*, NTIS) dilancarkan pada bulan Jun 2020 sebagai sebahagian daripada Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA). Program ini selari dengan objektif Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara 2021 - 2030 untuk mengukuhkan pembangunan dan penggunaan teknologi canggih bagi mentransformasikan industri dan masyarakat dengan memperkasakan bakat tempatan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi serta menaik taraf infrastruktur teknologi negara, termasuk teknologi digital.

NTIS berada di bawah bidang kuasa Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan disokong oleh Mimos Bhd, Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia (MTDC) dan Futurise Sdn. Bhd. Malaysian Research Accelerator for Technology and Innovation (MRANTI) berfungsi sebagai urus setia utama NTIS.

NTIS ditubuhkan dengan dua matlamat, iaitu (i) meneraju inovasi tempatan dan mewujudkan laluan yang lebih mudah dan cepat untuk pengkomersialan teknologi Malaysia; dan (ii) menggunakan program ini sebagai tapak ujian bagi teknologi bersifat disruptif dengan potensi untuk menyelesaikan beberapa cabaran yang telah terjejas oleh pandemik. NTIS bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi bagi meningkatkan KDNK, pendapatan negara kasar dan keterangkuman sosial. NTIS juga menyasarkan untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta, pelaburan dan kerjasama dalam penyelidikan, meningkatkan kadar pengkomersialan produk serta mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing secara drastik.

### Pencapaian

Sebanyak 11 *sandbox* NTIS telah dilancarkan pada bulan Mac 2023. *Sandbox* ini termasuk pertanian, robotik dan automasi, logistik, teknologi dron, pendidikan berteknologi tinggi, teknologi sukan, lebu raya pintar, *Internet of Things* (IoT) digital, bandar pintar yang mampan, hab teknologi kesihatan dan pembinaan.

MDTC, rakan kongsi pembiayaan utama untuk NTIS, telah meluluskan pembiayaan berjumlah RM79.2 juta kepada 98 PMKS serta syarikat pada peringkat permulaan teknologi untuk membangunkan inovasi. Sebanyak 176 PMKS dan syarikat pada peringkat permulaan teknologi telah menerima sokongan teknikal, kemudahan kawal selia dan tapak ujian. Beberapa permohonan pembiayaan juga telah dirujuk kepada geran daripada organisasi lain mengikut kesesuaian yang terlibat dalam perkongsian strategik dengan NTIS.

Seramai 24 penerima pembiayaan NTIS telah berjaya mengkomersialkan produk & penyelesaian mereka dan menjana pendapatan hampir RM51.8 juta. Syarikat Aonic (terdahulu dikenali sebagai Poladrone Solutions Sdn. Bhd.) merupakan salah satu kisah kejayaan program ini. Syarikat ini adalah penyedia penyelesaian dron kepada perusahaan pertanian dan pemetaan udara (*aerial mapping*) bagi sektor perladangan serta tapak perindustrian dan pembinaan. MySpatial Sdn. Bhd. merupakan satu lagi kisah kejayaan. Syarikat ini merupakan pakar pemetaan geospasial yang menyediakan perkhidmatan kepada sektor awam dan swasta. Perkhidmatan syarikat ini termasuk pemetaan dron bagi sektor pertanian, kaji selidik & pemetaan udara, bantuan dron dalam pemeriksaan & penyelenggaraan infrastruktur berat dan perkhidmatan sokongan geospasial.

# Artikel Khas

## Meningkatkan Akses kepada Data Terbuka Melalui *OpenDOSM NextGen*

Perkara berkaitan data terbuka penting bagi Malaysia kerana ia mempunyai kesan yang signifikan terhadap pembangunan dan kemajuan negara. Data terbuka membolehkan ketelusan yang lebih baik dan inovasi serta memudahkan cara kerjasama dan penemuan atau penciptaan nilai yang lebih kukuh dalam kalangan penyelidik dan membuat keputusan berasaskan bukti.

Kerajaan telah berusaha supaya data lebih terbuka dan mudah diakses oleh orang ramai dengan melaksanakan beberapa inisiatif bagi menggalakkan penggunaan data terbuka, termasuk penciptaan Portal Data Terbuka yang membolehkan pengguna mengakses pelbagai set data Kerajaan. Selain itu, Platform Data Terbuka Sektor Awam telah mewujudkan ekosistem data terbuka yang menghubungkan pemilik data terbuka iaitu agensi Kerajaan, ahli akademik, industri, pertubuhan bukan kerajaan (*non-governmental organisation*, NGO) dan orang ramai dengan pengguna untuk membangunkan inovasi daripada data yang diperolehi.

### Meningkatkan Akses kepada Data Terbuka

Jabatan Perangkaan Malaysia (Department of Statistics, Malaysia, DOSM) melancarkan platform *OpenDOSM NextGen* pada 12 Januari 2023 bagi menyokong usaha Kerajaan dalam mempromosikan data terbuka. Platform ini membolehkan akses yang lebih meluas kepada data terbuka berkaitan dengan statistik rasmi yang dikeluarkan oleh DOSM serta agensi Kerajaan yang lain.

*OpenDOSM NextGen* dibangunkan untuk memenuhi keperluan pelbagai pengguna, termasuk penggubal dasar, pakar industri, penyelidik, wartawan, saintis data, belia dan pelajar serta orang awam. Platform ini dilengkapi dengan ciri-ciri tambahan baharu bagi kecekapan yang lebih tinggi dalam menyampaikan maklumat statistik, dengan akses yang lancar, masa henti minimum dan *negligible-lag*, yang membolehkan pengaksesan data secara serentak.

Data disusun dalam katalog data dan dipaparkan dalam bentuk papan pemuka (*dashboard*) untuk pemahaman yang lebih baik oleh pengguna. Ini juga melengkapi usaha Kerajaan untuk mewujudkan infrastruktur data bagi meningkatkan pembuatan keputusan yang didorong oleh data dalam mewujudkan ekosistem penyampaian perkhidmatan yang responsif serta tindak balas yang lebih cepat bagi memenuhi keperluan awam. Platform ini bukan sahaja akan memperkasakan penglibatan rakyat dalam pembangunan budaya inovasi tetapi juga memudahkan cara sumbangan orang awam kepada penggubalan dasar yang efektif.

Selain statistik yang dikeluarkan oleh DOSM, platform ini juga mengandungi data pentadbiran daripada pelbagai agensi Kerajaan, termasuk lebih daripada 35 juta rekod data mentah berfrekuensi tinggi daripada PriceCatcher, sebuah aplikasi mudah alih yang dibangunkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup. Data yang diperolehi daripada aplikasi tersebut akan membantu pengguna dalam menjalankan analisis mendalam untuk kajian perilaku harga. Data mengenai penjagaan kesihatan, kewangan, sosial termasuk KDNK, harga pengguna dan demografi juga tersedia dalam aplikasi tersebut. Skop set data *OpenDOSM NextGen* akan diperluaskan dari semasa ke semasa bagi meliputi set data lain daripada Kementerian dan agensi.



# Sorotan Khas





## Sorotan Khas

**K**risis termasuk pandemik, peperangan dan bencana alam memberi kesan kepada PMKS dan usahawan di seluruh dunia. Laporan *Future-Proofing SME and Entrepreneurship Policies 2023* oleh OECD menekankan bahawa majoriti PMKS telah kehilangan jualan dan sumber pendapatan, kaji selidik di seluruh dunia menunjukkan sebanyak 70.0% - 80.0% PKS mengalami penurunan jualan yang besar pada tahun pertama krisis. Akibatnya, rizab tunai PMKS berada di bawah tekanan yang membimbangkan.

Selain itu, COVID-19 menyebabkan ekonomi pelancongan terjejas teruk, dengan kesan yang tidak pernah berlaku sebelum ini terhadap pekerjaan dan perniagaan. Pelancongan merupakan salah satu sektor terawal yang terkesan oleh pandemik berikutan langkah-langkah yang dilaksanakan untuk membendung virus ini membawa kepada pemberhentian hampir sepenuhnya aktiviti pelancongan di seluruh dunia.

Memandangkan sumbangan besar terhadap nilai ditambah ekonomi dan peranan utama dalam komuniti yang dimainkan oleh PMKS, pelbagai langkah perlu diambil bagi kalis masa depan perniagaan terhadap sebarang krisis dan memastikan kelangsungan perniagaan.

### MEMPERKASAKAN PMKS MELALUI PERALIHAN BERKEMBAR

Dalam dekad yang menentukan tindakan iklim, pendigitalan mempunyai peranan penting dalam menyokong pertumbuhan yang lestari. Malah, menurut Forum Ekonomi Dunia penyelesaian digital dapat mengurangkan pelepasan karbon global sebanyak 20.0%. Dengan penerapan 'peralihan berkembar', sesebuah organisasi boleh melaksanakan agenda digital dan kelestarian bersama bagi menambah baik fungsi digital, memacu matlamat kelestarian dan membolehkan organisasi kalis masa depan.

Pandemik COVID-19 telah menggegarkan perdagangan global dan memaksa syarikat untuk merancang semula rantaian bekalan mereka. Peralihan berkembar adalah penting bagi perniagaan berkembang maju dalam dekad penentu ini. Dengan menerapkan pendigitalan dan amalan lestari, perniagaan dapat mengurangkan kos,

meningkatkan kecekapan, meningkatkan reputasi jenama dan memacu inovasi. Peralihan berkembar memberi peluang yang besar bagi perniagaan untuk mencipta nilai dan memperoleh kelebihan daya saing. Walau bagaimanapun, ia memerlukan peralihan asas dalam operasi perniagaan, strategi dan pemikiran. Ini menjadi pembuka mata kepada kebanyakan syarikat di seluruh dunia. Ini kerana PMKS terutamanya yang terjejas serta pemulihan mereka dalam era pascapandemik. PMKS hari ini berhadapan dengan cabaran berkembar iaitu mengenai kelestarian dan transformasi digital.

Berdasarkan artikel oleh OECD mengenai *SME Digitalisation & Sustainability: The Twin Transition*, PMKS boleh mempercepatkan peralihan mereka ke arah model kelestarian dengan melaksanakan ekoinovasi berasaskan digital, seperti teknologi ujian jejak karbon, mengesan bahan lestari dalam rantaian bekalan melalui teknologi lejar teragih atau penggunaan sensor ekologi yang berhubung dengan peranti *Internet of Things* (IoT) untuk menggalakkan amalan ekologi melalui media sosial. Dengan penerapan ekoinovasi dan membangunkan produk, perkhidmatan, amalan dan model perniagaan 'hijau', PMKS boleh memanfaatkan peluang baharu, meningkatkan bahagian pasaran mereka dan meneroka pasaran baharu.

**Gambaran Ringkasan Peralihan Berkembar**



**Antara faktor kejayaan utama bagi Peralihan Berkembar, PMKS perlu:**

**i. Menerapkan Pendigitalan**

Peralihan digital merupakan pendorong yang penting kepada peralihan hijau. Pendigitalan membantu perniagaan mengoptimumkan operasi, mengurangkan sisa dan meningkatkan kecekapan, sekaligus dapat meminimumkan jejak alam sekitar mereka.

**ii. Menerapkan Amalan Lestari**

PMKS harus menerapkan amalan lestari merentasi rantaian nilai mereka untuk mengurangkan kesan kepada alam sekitar. Ini melibatkan pemikiran semula tentang reka bentuk produk, sumber bahan mentah, proses pengeluaran, logistik dan pelupusan. Dengan menerapkan amalan yang lestari, perniagaan dapat mengurangkan kos, meningkatkan kecekapan operasi dan reputasi jenama.

**iii. Bekerjasama dan Melaksanakan Libat Urus dengan Pemegang Taruh**

Peralihan ke arah masa depan yang lestari memerlukan kerjasama dan libat urus dengan pemegang taruh, termasuk pelanggan, pembekal, pelabur, pekerja dan komuniti. Perniagaan perlu melibatkan pemegang taruh dalam peralihan tersebut, mendengar maklum balas dan menangani kebimbangan mereka.



## Pemacu Peralihan Berkembar

### i. Meningkatkan Kecekapan dan Penjimatan Kos

Penerapan amalan lestari dan teknologi digital, akan membolehkan PMKS mengurangkan kos, mengoptimumkan operasi dan meningkatkan kecekapan. Hasil daripada tindakan ini menyebabkan penjimatan kos yang ketara dan meningkatkan keuntungan.

### ii. Menambah Baik Reputasi Jenama

PMKS yang mengamalkan kelestarian boleh meningkatkan reputasi jenama mereka dan membezakan perniagaan mereka dengan pesaing. Pengguna semakin peka akan kesan daripada keputusan pembelian mereka terhadap alam sekitar, masyarakat dan perniagaan bahawa mengutamakan kelestarian berkemungkinan akan memperoleh kepercayaan dan kesetiaan pelanggan.

### iii. Inovasi dan Model Perniagaan Baharu

Peralihan berkembar memberikan peluang besar untuk perniagaan berinovasi dan mencipta model perniagaan baharu yang memanfaatkan teknologi digital dan amalan kelestarian. Ini membawa kepada pembangunan produk dan perkhidmatan baharu yang memenuhi keperluan dan keutamaan pelanggan yang sentiasa berubah.

### iv. Akses kepada Modal

Pelabur semakin mencari peluang untuk melabur dalam perniagaan yang mengutamakan kelestarian. Dengan menerapkan kelestarian, perniagaan memperoleh akses kepada modal yang lebih luas serta mendapat pembiayaan bagi perjalanan peralihan mereka.



# Artikel Khas

## Membina PMKS Lestari Dengan PKSlestari

### Latar Belakang


Dua trend mega global adalah berdasarkan pada prinsip kelestarian, iaitu kekurangan disebabkan oleh penggunaan sumber semula jadi yang tidak lestari dan dematerialisasi, yang ditakrifkan oleh Program Alam Sekitar Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations Environment Programme, UNEP*) sebagai "pengurangan jumlah bahan dan tenaga bagi sebarang produk dan perkhidmatan dan seterusnya menghadkan kesan alam sekitar".

Pada tahun 2015, hanya 0.8% PMKS di Malaysia didapati mempunyai perbelanjaan yang berkaitan dengan pematuhan alam sekitar. Majoriti PMKS yang telah membelanjakan bagi pematuhan alam sekitar adalah daripada sektor perkhidmatan (55.4%) manakala 24.8% daripada sektor pembuatan dan 14.5% daripada sektor pembinaan. Pada tahun 2021, tahap kesedaran amalan hijau dalam kalangan PMKS telah meningkat kepada 26.0% dan menjelang tahun 2023, 40.0% PMKS telah melaporkan mempunyai kesedaran tentang alam sekitar, sosial dan tadbir urus (environmental, social and governance, ESG).

Tiga cabaran utama bagi menangani isu kelestarian yang dihadapi oleh PMKS adalah kekurangan maklumat dan bimbingan, kekurangan kepakaran ESG dalam kalangan PMKS dan kekurangan dana. Sebaliknya, tiga pemacu utama untuk agenda kelestarian PMKS adalah untuk meningkatkan imej dan reputasi jenama, supaya kekal berdaya saing dan mengurangkan kos perniagaan.

SME Corp. Malaysia, sebagai agensi penyelaras pusat untuk pembangunan PMKS, mempunyai peranan penting bagi memudah cara PMKS dalam penerapan prinsip ESG. Oleh itu, inisiatif PKSlestari telah diperkenalkan untuk membangunkan ekosistem menyeluruh yang akan memacu agenda kelestarian PMKS. Ekosistem ini berdasarkan enam elemen, iaitu kesedaran dan pendidikan; penilaian ESG; sokongan dasar; akses kepada pasaran; pematuhan dan piawaian; serta pembiayaan dan insentif.

### Ekosistem bagi Melakar Laluan Kelestarian untuk PMKS



### i. Kesedaran dan Pendidikan

Memandangkan tahap kesedaran mengenai kelestarian dan amalan ESG masih rendah dalam kalangan PMKS, program kesedaran dan pendidikan adalah keutamaan dalam agenda PKSlestari. Pada tahun 2023, SME Corp. Malaysia mempergiatkan kempen kesedaran dengan menganjurkan Siri Kelestarian PMKS 2023 untuk memberi pengetahuan asas kepada PMKS mengenai amalan ESG, termasuk kesan terhadap perniagaan mereka.

Siri bengkel ini merangkumi topik-topik berikut:

- Pengenalan kepada kelestarian dan amalan ESG
- Rangka kerja untuk ESG dan amalan lestari
- Menilai risiko dan peluang daripada ESG
- Membangunkan strategi ESG
- Mengukur dan memantau prestasi ESG

Sebanyak 2,153 PMKS telah menyertai bengkel dan latihan yang dianjurkan oleh SME Corp. Malaysia pada tahun 2023, seperti berikut:

- Latihan Kelestarian PKS di bawah Pusat Tindakan PKS Lestari (ACCESS) dengan UN Global Compact Network Malaysia & Brunei (UNGCMYB) dari September 2022 - Mac 2023 iaitu 17 PKS telah dilatih dan tamat pengajian daripada program ini;
- Siri Kelestarian PMKS 2023: Melakar Laluan ESG untuk PMKS dengan kerjasama PETRONAS (sesi pertama) pada 21 Mac 2023 dihadiri 151 vendor PKS PETRONAS;
- Siri Kelestarian PMKS 2023: Melakar Laluan ESG untuk PMKS dengan kerjasama PETRONAS (sesi kedua) pada 14 Jun 2023 dihadiri 250 vendor PKS PETRONAS;
- Bengkel Tatacara Mencukupi Seksyen 17A Akta SPRM anjuran bersama Institut Integriti Malaysia (IIM) Sesi 1 & 2 pada 29 Ogos 2023 dan 26 September 2023 dihadiri 82 peserta;
- Sidang Kemuncak Tadbir Urus Iklim Kebangsaan dari 5 - 7 September 2023 dianjurkan bersama Climate Governance Malaysia (CGM) dihadiri 1,425 peserta secara dalam talian dan fizikal; dan
- Siri Kelestarian PMKS 2023: Melakar Laluan ESG untuk PMKS dan Pemadanan Perniagaan bagi Industri Berpertumbuhan Tinggi pada 26 September 2023 dihadiri oleh 228 PMKS.

### ii. Penilaian ESG PMKS

Penilaian sendiri ESG PMKS mempunyai 13 indikator untuk membantu firma mengukur tahap penerapan ESG terkini serta mengenal pasti kekuatan dan kelemahan dalam sistem pengurusan mereka.

#### 13 Penunjuk bagi Penilaian PMKS



Pemarkahan yang diperoleh oleh sesebuah firma akan menentukan jenis kategori, iaitu belum bermula, asas, membangun, sederhana dan lanjutan. Bentuk pelan tindakan, bantuan kewangan dan pelan pembinaan kapasiti yang diperlukan oleh setiap firma akan ditentukan berdasarkan markah yang diberikan.

### iii. Sokongan Dasar

SME Corp. Malaysia mengambil peranan yang lebih besar terhadap sokongan dasar ESG untuk PMKS dengan mengemukakan cadangan dasar berdasarkan kaji selidik dan penilaian. Untuk mencapai matlamat ini, agensi bekerjasama dengan pelbagai Kementerian dan agensi seperti Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa Malaysia bagi mempercepatkan penerapan ESG dalam kalangan PMKS.

### iv. Akses kepada Pasaran

SME Corp. Malaysia akan mengadakan libat urus dengan syarikat besar, syarikat multinasional atau syarikat induk bagi menarik vendor atau PMKS ke dalam rantaian bekalan mereka melalui pendekatan industri bersasar, contohnya, minyak & gas serta elektrik & elektronik.

### v. Piawaian dan Pematuhan

Di Malaysia, pada masa ini tiada piawaian atau keperluan rasmi berkaitan ESG serta pelaporan kelestarian untuk PMKS. Oleh itu, kekurangan garis panduan yang jelas menjadi penghalang kepada PMKS untuk memulakan perjalanan ESG. SME Corp. Malaysia bekerjasama dengan SIRIM bagi membangunkan Sistem Pengurusan ESG: Keperluan dan Panduan serta Sistem Pengurusan ESG: Pelaporan. Ini akan membimbing PMKS yang berhasrat untuk menerapkan atau meningkatkan amalan ESG.

### vi. Pembiayaan dan Insentif

Bantuan khusus dalam bentuk pinjaman mudah, geran dan insentif cukai adalah penting untuk menggalakkan dan menyokong PMKS menerapkan amalan ESG. Selain daripada inisiatif yang dijalankan oleh SME Corp. Malaysia, Kerajaan memainkan peranan utama dalam menerajui agenda kelestarian dengan menyediakan insentif cukai dan bukan cukai untuk menyokong firma, terutamanya PMKS untuk mengamalkan ESG dalam operasi perniagaan mereka.



# Artikel Khas

## Pelan Pemulihan Pelancongan 2022

### Pelan Pemulihan Pelancongan 1.0

Industri pelancongan terus kembali pulih pada tahun 2022, dengan pemansuhan sekatan perjalanan domestik dan antarabangsa serta terus kekal sebagai salah satu tonggak ekonomi. Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan (NDKIP) pada tahun 2022 berjumlah RM251.5 bilion dengan menyumbang sebanyak 14.0% kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) berbanding 12.8% pada tahun 2021. Menyediakan pekerjaan kepada 3.61 juta orang (2021: 3.52 juta) atau 23.4% daripada jumlah guna tenaga pada tahun 2022. Prestasi cemerlang ini adalah sejajar dengan pembukaan semula sempadan negara kepada pelancong antarabangsa pada 1 April 2022 dan pemansuhan keperluan untuk kuarantin dan ujian saringan COVID-19 mulai 1 Ogos 2022.

Bagi mempercepatkan lagi pemulihan industri pelancongan, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) juga telah melaksanakan Pelan Pemulihan Pelancongan 1.0 yang memperkenalkan beberapa strategi utama untuk mengukuhkan industri pelancongan negara.

Ini termasuk menggiatkan semula pelancongan domestik dengan menawarkan pakej pelancongan yang lebih menarik melalui platform digital, insentif dan promosi dalam bentuk rebat atau diskaun serta mempromosikan pelancongan luar bandar. Pada tahun 2021, rakyat Malaysia telah menguna pakai sepenuhnya insentif yang diberikan oleh MOTAC dalam bentuk diskaun, rebat dan baucar yang ditawarkan kepada pelanggan bagi syarikat penerbangan, hotel, produk kebudayaan dengan nilai keseluruhan sebanyak RM10.1 juta, menghasilkan perbelanjaan sebanyak RM66.7 juta.

Projek Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi (*Langkawi International Tourism Bubble*, LITB) telah dilancarkan pada 15 November 2021 untuk menarik pelancong antarabangsa seiring dengan pembukaan sempadan negara. LITB merupakan projek rintis bagi menguji kesediaan ekosistem pelancongan Malaysia untuk menyesuaikan keadaan dengan norma baharu untuk menerima kedatangan pelancong asing. Seramai 5,800 pelawat asing datang ke Langkawi dalam tempoh tiga bulan berlangsungnya projek LITB, dengan hanya 2.4% daripada jumlah ujian positif untuk kategori 1 dan 2 COVID-19 di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi. Para pelawat telah menyumbang lebih RM28 juta kepada ekonomi Langkawi. Kejayaan projek LITB mendorong Kerajaan membuka sempadan negara sepenuhnya pada 1 April 2022.

MOTAC juga menyediakan bantuan kewangan dan bukan kewangan kepada pemain industri yang terjejas. Sebanyak RM61 juta diperuntukkan pada tahun 2020 dan 2021 untuk menyokong lebih 20,000 perniagaan berkaitan pelancongan yang berlesen atau berdaftar dengan MOTAC, termasuk agensi pelancongan, ejen Malaysia My Second Home (MM2H), pengendali inap desa, pemandu pelancong dan pengendali spa dan pusat urutan kaki. MOTAC juga menyediakan bantuan bukan kewangan dalam bentuk syarat pelesenan yang lebih longgar untuk agensi pelancongan dan pembayaran kompaun serta pengecualian yuran untuk agensi pelancongan dan pemandu pelancong.

LITB merupakan projek rintis bagi menguji kesediaan ekosistem pelancongan Malaysia untuk menyesuaikan keadaan dengan norma baharu untuk menerima kedatangan pelancong asing.

## Semakan Semula Pelan Pemulihan Pelancongan 1.0

Panel Pakar dari Pertubuhan Pelancongan Dunia meramalkan prospek pelancongan yang lebih baik pada tahun 2022 manakala majoriti pakar menjangkakan ketibaan pelancong antarabangsa akan kembali ke tahap 2019 hanya pada tahun 2024 atau seterusnya. MOTAC menjangkakan satu jangka masa antara dua hingga tiga tahun untuk mengembalikan semula industri pelancongan.

Sejak itu, Kementerian telah mengkaji semula dan menambah baik Pelan Pemulihan Pelancongan 1.0 untuk memastikan daya saing industri pelancongan Malaysia di samping Rangka Kerja Strategik: 5 Tonggak yang memberi tumpuan terhadap peningkatan, menggalakkan kerjasama pintar antarabangsa dan nasional, keterangkuman dan kemampunan industri dalam menghadapi ketidakpastian masa depan.

### Rangka Kerja Strategik: 5 Tonggak

Laluan

1

#### Menyokong Pemulihan Perniagaan Pelancongan dan Kebudayaan

Peruntukan belanjawan oleh MOTAC sebanyak RM265 juta dalam Belanjawan 2022 akan membantu mempercepat pemulihan industri pelancongan melalui bantuan kewangan dan bukan kewangan seperti menyediakan latihan, kemahiran semula dan peningkatan kemahiran, meringankan beban kawal selia serta menyediakan struktur sokongan untuk PMKS di industri pelancongan.

Laluan

2

#### Memulihkan Keyakinan Pelancong dan Perjalanan Antarabangsa dan Intra-Rantau yang Lancar

COVID-19 telah mengubah citarasa dan tingkah laku pelancong. Terdapat juga trend ke arah pelancongan khusus seperti pengembaraan, ekopelancongan dan pengalaman kembara serta percutian domestik dan serantau. Strategi ini bertujuan untuk memulihkan keyakinan pelancong terhadap aspek keselamatan, kesihatan dan kemudahan destinasi percutian.

Laluan

3

#### Mencipta Semula Produk and Perkhidmatan Pelancongan dan Kebudayaan bagi Memacu Daya Saing

Dengan perubahan tingkah laku pelancong dalam memilih destinasi percutian serta trend ke arah pelancongan khusus dan berasaskan komuniti serta pelancongan berdasarkan pengalaman, produk dan perkhidmatan mesti direka semula agar sektor ini kekal berdaya saing berbanding persaingan serantau.

Laluan

4

#### Menyelaraskan Pelancongan dengan Kemampunan dan Keterangkuman

Pelancongan yang lestari dan bertanggungjawab akan meningkatkan peranan sektor ini terhadap pembangunan ekonomi. Impak negatif kepada alam sekitar, budaya dan sumber warisan serta nilai akan diminimumkan manakala wanita, belia dan komuniti orang asal akan diperkasakan bagi memastikan kekayaan pelancongan dikongsi secara saksama.

Laluan

5

#### Memperkuhkan Pemulihan dengan Ketahanan Jangka Panjang dan Kesediaan Menghadapi Krisis

Pandemik ini telah menyebabkan jurang dalam kesediaan dan daya tahan industri pelancongan dalam menghadapi krisis. Strategi ini akan membantu pemain industri mengukuhkan daya tahan dan kesediaan kepada krisis melalui transformasi dan inovasi digital.

# Artikel Khas

## Program Pengalaman *Homestay* Malaysia

### Pengenalan

Program Pengalaman *Homestay* Malaysia menggabungkan promosi pelancongan dengan pengalaman kebudayaan untuk para pelancong. Penekanan diberikan kepada pelancongan berasaskan pengalaman dan komuniti dengan pelancong tinggal bersama keluarga tuan rumah di rumah tradisional Malaysia dan menyertai aktiviti kebudayaan seperti memasak makanan tempatan dan persembahan tarian tradisional serta bengkel kraftangan. Pilihan aktiviti lain termasuk meneroka kawasan sekitar dan belajar tentang sejarah dan budaya komuniti.

Program ini yang pertama kali dilancarkan pada tahun 1995 di Temerloh, Pahang, sebagai sebahagian daripada Pelan Induk Pelancongan Luar Bandar bertujuan untuk meningkatkan penyertaan masyarakat luar bandar dalam industri pelancongan. Penyertaan dalam program ini terbuka kepada individu dalam komuniti luar bandar serta mana-mana individu yang berminat (mereka yang boleh menawarkan produk dan tarikan budaya serta penginapan untuk pelancong) untuk menyertai komuniti inap desa berdaftar yang terdekat. Penginapan disediakan oleh pengendali inap desa (kebanyakannya adalah rumah-rumah tradisional) yang telah berdaftar dengan MOTAC.

MOTAC telah memperluaskan konsep inap desa kepada program *Kampungstay*. Melalui *Kampungstay*, pelancong tidak menginap bersama tuan rumah tetapi disediakan kemudahan asas yang selesa dan bercirikan kehidupan luar bandar tetapi masih dapat berinteraksi dan mengikuti aktiviti budaya dan rutin harian komuniti di tempat mereka menginap. Program ini bertujuan untuk menggalakkan pembangunan sosioekonomi mereka yang mengambil bahagian dalam industri pelancongan, terutamanya di kawasan luar bandar, dengan mewujudkan PMKS dalam pelancongan dan budaya; memperkasakan pelancongan berasaskan komuniti; mengekalkan identiti dan warisan komuniti; dan meningkatkan kualiti usaha sama antara sektor awam dan swasta. Objektif lain adalah untuk menarik minat belia terhadap pelancongan dengan mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi tentang konsep inap desa dan potensi perniagaan ini.

**Peserta Berdaftar dengan Program Pengalaman *Homestay* Malaysia**

Negeri	2018	2019	2020	2021	2022
	Bilangan Peserta				
Perlis	56	56	56	56	47
Kedah	345	356	356	356	211
Pulau Pinang	234	234	243	246	121
Perak	305	305	305	305	145
Selangor	449	449	454	449	115
Melaka	137	137	137	138	595
Negeri Sembilan	288	288	300	300	138
Johor	522	556	557	557	441

Negeri	2018	2019	2020	2021	2022
	Bilangan Peserta				
Kelantan	152	152	152	152	124
Terengganu	185	216	223	223	115
Pahang	323	323	323	333	304
Sarawak	601	653	653	683	391
Sabah	394	406	406	436	82
Labuan	79	79	79	79	568
<b>Jumlah</b>	<b>4,070</b>	<b>4,210</b>	<b>4,244</b>	<b>4,313</b>	<b>3,397</b>


#### Pendapatan Tahunan Diperoleh daripada Program Pengalaman *Homestay* Malaysia

Negeri	2018	2019	2020	2021	2022
	RM				
Perlis	120,361.00	183,199.09	45,008.76	19,445.00	90,010.29
Kedah	452,240.00	555,843.20	317,165.60	259,935.00	1,168,050.03
Pulau Pinang	401,117.00	455,113.00	89,340.00	206,177.00	1,001,261.00
Perak	712,138.00	683,860.30	173,389.00	148,969.00	648,290.00
Selangor	1,624,595.00	924,459.00	252,255.00	98,618.00	1,408,517.00
Melaka	1,263,845.00	1,303,604.52	209,190.00	575,891.00	1,897,314.00
Negeri Sembilan	680,583.00	638,156.00	180,981.00	364,477.89	1,490,691.55
Johor	1,319,185.40	744,678.00	539,986.00	772,031.00	2,562,257.00
Kelantan	119,035.00	60,825.00	47,364.00	218,809.50	190,173.50
Terengganu	606,600.00	1,078,952.50	400,420.00	72,900.00	428,140.00
Pahang	9,814,823.90	10,107,348.28	3,538,251.56	120,730.00	6,007,350.05
Sarawak	4,032,311.50	4,547,507.91	1,263,052.06	820,246.50	1,876,495.10
Sabah	6,235,688.20	7,950,954.46	1,940,289.68	2,140,965.25	8,113,591.87
Labuan	254,551.00	427,710.00	127,430.00	307,107.00	1,674,361.75
<b>Jumlah</b>	<b>27,637,074.00</b>	<b>29,662,211.60</b>	<b>9,124,122.66</b>	<b>6,126,302.14</b>	<b>28,556,503.14</b>

#### Ketibaan Pelancong di bawah Program Pengalaman *Homestay* Malaysia

Jenis Pelancong	2018	2019	2020	2021	2022
	Bilangan Pelancong				
Domestik	290,153	373,558	114,639	82,704	549,986
Antarabangsa	82,322	85,341	19,378	54	13,915
<b>Jumlah</b>	<b>372,475</b>	<b>458,899</b>	<b>134,017</b>	<b>82,758</b>	<b>563,901</b>





# Kisah Inspirasi



## Seorang Usahawan Mengubah Krisis kepada Perniagaan Berjuta Ringgit



Perniagaan Nurdianis binti Permin berada di ambang kejatuhan semasa sekatan pergerakan pandemik. Rizab tunai hampir kehabisan, kerja yang telah dijalankan sama ada ditangguhkan atau dibatalkan dan semuanya kelihatan seakan tiada harapan. Namun, daripada bencana yang melanda telah muncul perniagaan minuman sedia untuk diminum (*ready-to-drink*) bernilai berjuta ringgit.

Anis, seperti yang dikenali ramai, merupakan Ketua Pegawai Eksekutif Adin Marketing Group yang berusia 43 tahun. Ketika remaja, beliau selalu membantu perniagaan percetakan dan pengiklanan ayahnya, Adin Trading, dan mengimpikan untuk menjadi seorang usahawan bagi meningkatkan kualiti hidup keluarga beliau. Kehidupan adalah sukar tetapi kesukaran inilah yang membentuk karakter, etika kerja yang kuat dan semangat yang tidak pernah mati dalam dirinya.

Pada tahun 2007, Anis, pemegang diploma dalam Pengurusan Hotel dan Katering serta Pemasaran Strategik Dalam Talian, meletakkan jawatan sebagai pengurus spa sebuah resort percutian di Johor, untuk mengambil alih Adin Trading. Dengan kerja keras dan kesungguhan, beliau telah meningkatkan pendapatan empat kali ganda, daripada RM12,000 jualan bulanan kepada RM50,000 pada tahun yang sama. Setahun kemudian pada tahun 2008, jualan tahunan telah mencapai RM1 juta. Untuk memajukan lagi perniagaan, Anis seterusnya menubuhkan Adin Trading Sdn. Bhd. pada tahun 2009.

Pada tahun yang sama, beliau mengembangkan perniagaan dalam bidang reka bentuk grafik, percetakan dan jualan barangan cenderamata dan kemudiannya dalam bidang pengurusan acara beserta membekal cenderamata perayaan dan barangan hiasan ke pusat membeli-belah utama di Johor Bahru.

Pada tahun 2013, perniagaan ini sekali lagi menjalani perubahan nama, kali ini kepada Adin Media Group Sdn. Bhd., selari dengan skop perniagaan yang semakin banyak. Pelanggan beliau bertambah termasuk agensi Kerajaan di seluruh Johor seperti Jabatan Pengangkutan Jalan, Jabatan Kastam, Imigresen dan Jabatan Perhutanan

serta syarikat besar seperti Johor Land Berhad, Johor Corporation, Uda Land Berhad, UEM Land Berhad, Agensi Pembangunan Wilayah Iskandar dan Medini Iskandar Malaysia.

Walau bagaimanapun, pada bulan Mac 2020, segala-galanya terhenti apabila sekatan pergerakan dikenakan di seluruh negara berikutan pandemik COVID-19. Perniagaan tidak dibenarkan beroperasi memandangkan perniagaan tersebut tidak termasuk dalam perkhidmatan penting. Anis berhadapan dengan krisis kelangsungan hidup.

Beliau berkata pada masa itu, "Kami mempunyai 45 pekerja tetap, dengan majoritinya telah bersama kami selama lebih daripada lima tahun. Purata perbelanjaan bulanan kami untuk mengekalkan semua pekerja dan premis adalah RM120,000. Pada akhir tahun pertama sekatan pergerakan, rizab tunai kami hampir kehabisan. Kami terpaksa menjual beberapa aset kami kerana kami tidak mahu memberhentikan mana-mana pekerja atau meminta mereka mengambil cuti tanpa gaji atau menerima potongan gaji".

Apabila sekatan pergerakan berlarutan, tindakan drastik diperlukan untuk mengelakkan kerugian menyeluruh. Semasa sesi sumbang saran bersama pasukan pengurusan untuk mempertimbangkan rancangan kelangsungan perniagaan, cadangan yang dikemukakan adalah untuk menceburi perniagaan minuman sedia untuk diminum dengan minuman popular seperti kopi-o, teh tarik dan sirap bandung.

Idea tersebut menyatakan bahawa dengan orang yang terkurung di rumah dan restoran ditutup, mengapa tidak membawa sedikit keceriaan kepada mereka dengan

menyediakan minuman ikonik dan sangat digemari ke depan pintu rumah mereka? Itu adalah momen realisasi apabila jenama minuman Haos Ek? dihasilkan.

Pekerja dimaklumkan mengenai krisis yang dihadapi oleh syarikat dan keperluan untuk menceburi perniagaan baharu untuk terus hidup. Anis berkata, "Kami memberi mereka tiga pilihan. Pertama, ambil cuti tanpa gaji dengan jaminan bekerja semula apabila ekonomi dibuka semula. Kedua, bekerja seperti biasa atau bekerja dari rumah tetapi dengan potongan gaji sehingga 40%. Ketiga, sertai perniagaan baharu yang mempunyai dua kemungkinan: jika perniagaan berjaya, tiada potongan gaji tetapi jika projek itu gagal, semua orang kehilangan pekerjaan mereka sementara saya kehilangan segala-galanya." Hal yang mengejutkan Anis, semua pekerja memilih untuk mengambil peluang dengan perniagaan baharu ini.

Anis mengetuai daripada pembuktian konsep kepada pembangunan produk dan penjenamaan, kepada pengeluaran berskala penuh seterusnya strategi jualan dan pemasaran, pengiklanan dan promosi. Minuman jenama Haos Ek? yang terdiri daripada Kopi O, Kopi Peng, Teh Tarik, Bandung Pink dan Coklat telah dilancarkan pada 1 Jun 2021.

Minuman ini mendapat sambutan yang luar biasa selepas pelancaran, dengan liputan produk ini juga menjadi meluas. Dalam masa setahun selepas dilancarkan, dua juta botol minuman Haos Ek? telah laris terjual. Dalam tempoh dua tahun, sejumlah 5.4 juta botol telah dijual. Pada masa ini, Haos Ek? merupakan jenama terkemuka untuk minuman sedia untuk diminum.



Sejak itu, produk ini telah menerima pensijilan Halal dan MeSTI (Kementerian Kesihatan) dan Anis kini berusaha untuk membawa produk tersebut ke pasaran perdagangan moden, dengan harapan untuk membawa minuman tempatan ke pasaran global juga. "Kami mengharapkan sambutan yang hebat daripada pasaran dan sentiasa bersemangat untuk meneroka rasa atau idea baharu secara berterusan untuk kekal relevan".

Anis berkata kemasukan ke dalam perdagangan moden, yang didominasi oleh syarikat besar, adalah sukar dan PMKS memerlukan bantuan Kerajaan dalam penembusan pasaran. "Kerajaan boleh mengadakan perbincangan dengan pasar raya dan pasar raya besar untuk mengurangkan kos penyenaian dan memendekkan tempoh pembayaran untuk pembekal. Kos penyenaian boleh mencecah sehingga ratusan ribu Ringgit. Tempoh pembayaran kepada pembekal juga boleh mencapai sehingga empat bulan. Usahawan Bumiputera mungkin tidak mempunyai kewangan yang kukuh untuk menembusi pasaran dalam keadaan sedemikian".

Mengenai cabaran yang dihadapinya pada peringkat awal perniagaan, Anis berkata yang paling kritikal adalah akses kepada pembiayaan dan akses kepada pasaran. Beliau menambah bahawa beliau mampu bertahan menghadapi cabaran semasa dan pelbagai cabaran lain pada masa lalu berkat sokongan dalam bentuk pembiayaan, latihan, pemasaran dan promosi daripada Amanah Ikhtiar Malaysia dan TEKUN Nasional. Jabatan Pertanian Johor juga membantu dalam bentuk geran selain membantu dalam promosi produk manakala SME Bank membantu dari segi pembiayaan semasa pandemik.

Anis mengaitkan daya tahan syarikat dengan dua aset, iaitu tenaga kerja dan pengalaman. "Aset terbesar kami merupakan pekerja kami yang memilih untuk terus kekal bersama kami untuk menyokong perniagaan baharu ini. Aset kedua terpenting kami adalah pengalaman dalam reka bentuk grafik, percetakan dan pengiklanan kerana perkara ini sangat membantu dalam membina jenama Haos Ek?".

Beliau menambah, "Kejayaan syarikat kami adalah berdasarkan pendekatan yang sistematik dalam menjalankan perniagaan sejak awal lagi terutamanya dalam memahami pasaran, pengurusan kewangan dan sumber manusia. Kesabaran sememangnya diperlukan kerana kita berada dalam perniagaan untuk jangka panjang. Kejayaan tidak akan dicapai semalaman. Apabila kita jatuh, bangkit kembali dengan cepat. Apabila kita berada di puncak, bersiap sedia untuk jatuh ke bawah tetapi sentiasa bangkit semula. Bersikap rendah diri untuk belajar daripada orang lain yang pernah berada di laluan yang sama seperti anda. Lakukan dari hati dan sebarkan kasih sayang kerana ia akan lebih menjangkau orang di luar sana, sekali gus memudahkan perjalanan anda dan menjadikan perjalanan anda lebih bermakna".

## Siti Padillah Menyerlah Sebagai Seorang Usahawan dalam Industri Didominasi Lelaki



Dalam industri elektrik dan elektronik (E&E) yang didominasi oleh lelaki, CG Global Profastex Sdn. Bhd. menonjol sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh seorang wanita.

Pengarah Urusan CG Global, Siti Padillah binti Abdul Wahab, 46, berkata minatnya terhadap industri itu teretus ketika zaman kolej apabila beliau pernah bekerja sambilan di kilang E&E ketika cuti semester. Selepas menamatkan pengajian dengan Ijazah Sarjana Muda Pengurusan, pekerjaan pertama yang dilakukan adalah sebagai penyelia pengeluaran dengan pengeluar komponen LED terus mendalamkan lagi minatnya terhadap industri ini. Pekerjaan seterusnya sebagai pegawai sumber manusia dengan pengeluar elektronik Jepun telah membawa titik perubahan dalam hidup beliau.

Siti Padillah menjelaskan, "Kemelesetan ekonomi berlaku semasa saya bekerja dengan syarikat tersebut. Penglibatan saya dalam skim pemberhentian kerja telah membawa saya ke mesyuarat dengan mentor saya dalam industri ini, yang juga seorang pemilik kepada syarikat pembuatan E&E tempatan. Mesyuarat tersebut telah membuka jalan kepada saya untuk menjadi usahawan E&E".

Selepas 13 tahun, beliau belajar mengenai Industri Pembuatan Elektronik yang memberi tumpuan kepada pemasangan papan litar tercetak, daripada mentornya, dan beliau mengambil cabaran dengan rakan kongsi wanitanya untuk menubuhkan CG Global Profastex Manufacturing Sdn. Bhd. pada tahun 2016, bertempat di Seberang Perai, Pulau Pinang. CG Global menyediakan perkhidmatan pembuatan kontrak untuk pemasangan papan litar tercetak (*printed circuit board assemblies*, PCBA) dan pemasangan binaan kotak kepada pelanggan dalam bidang telekomunikasi, pencahayaan, automotif, perubatan, pengangkutan, minyak dan gas dan pertanian. Sehingga 95% daripada produk syarikat ini dieksport, termasuk ke Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK), Perancis, Australia dan China.

Beliau berkata, "Modal saya datang dari mentor yang membantu saya memulakan perniagaan dengan menyediakan mesin terpakai dan dibaik pulih yang dipindahkan dari perniagaan sebelumnya. Ini memberi saya peluang untuk memulakan perniagaan tanpa perlu mendapatkan sokongan kewangan daripada institusi kewangan pada peringkat permulaan operasi. Pembekal bahan mentah dan mesin juga membantu dengan memberikan syarat pembayaran jangka panjang. Beliau menerangkan cabaran peringkat awal dan peringkat pertumbuhan adalah amat menggerunkan berikutan kekangan kewangan dalam pembuatan E&E memerlukan pelaburan modal yang tinggi untuk jentera, bangunan dan bahan mentah.

"Susulan kekangan kewangan, saya memulakan operasi dengan jentera dibaik pulih yang telah digunakan selama lebih daripada 10 tahun. Teknologi yang ketinggalan zaman memberi kesan kepada produktiviti tetapi itulah keadaan terbaik yang kami mampu pada ketika itu. Satu lagi cabaran adalah keupayaan yang terhad, yang menjejaskan kemampuan kami untuk memenuhi pesanan besar".

Mencari pekerja merupakan satu lagi rintangan yang terpaksa dihadapi oleh Siti Padillah memandangkan Pulau Pinang merupakan hab E&E dengan banyak syarikat multinasional. "Pekerja secara semula jadi lebih cenderung kepada syarikat multinasional ini. Sebagai PMKS, saya hanya boleh menarik graduan baharu dan melatih mereka dari peringkat awal".

Stereotaip jantina adalah satu lagi cabaran kerana perusahaan baharu ini diuruskan oleh wanita dalam industri yang didominasi oleh lelaki dan memperoleh keyakinan pasaran pada mulanya adalah mengecewakan.

Melalui kesungguhan ini Siti Padillah mengharungi cabaran pada peringkat awal dan kini berdiri megah sebagai seorang usahawan E&E dan menjadi inspirasi kepada wanita untuk menceburi perniagaan kerana penglibatan mereka adalah pada tahap minimum.

Beliau berkata di sebalik pelbagai cabaran terutamanya daripada gangguan pandemik, sejak beberapa tahun kebelakangan ini, syarikat sentiasa stabil dan kekal menguntungkan. Bermula dengan pendapatan beberapa juta pada tahun pertama, CG Global terus berkembang dengan jualan dua angka sejak enam tahun lalu. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada perniagaan dengan jualan yang merosot pada tahun 2020 dan 2022, namun kami mampu untuk mengekalkan keuntungan setiap tahun kerana, apabila jualan merosot, kami memastikan untuk mengurangkan kos dalam proses perniagaan kami.



Siti Padillah berterima kasih atas bantuan yang diberikan oleh beberapa agensi Kerajaan pada peringkat awal dan semasa peringkat pertumbuhan syarikat. Beliau mengaitkan keupayaan CG Global menempa nama dalam industri E&E kepada bantuan daripada Kerajaan yang diterima, terutamanya dalam bentuk kewangan, kemudahan akses pasaran serta latihan. Antara tahun 2018 dan 2022, syarikat telah menerima geran melalui pelbagai program seperti geran SME Corp. Malaysia untuk produktiviti dan automasi, pensijilan dan sistem pengurusan kualiti di bawah Program Peningkatan Enterpris Bumiputera (*Bumiputera Enterprise Enhancement Programme, BEEP*).

SME Bank juga menyediakan geran di bawah Program Eksport Perniagaan untuk meneroka pasaran baharu dan menambah baik bahan pemasaran. MATRADE menawarkan geran di bawah Program Pembangunan Pengeksport Wanita manakala MIDA menyediakan pembiayaan di bawah program Geran Dana Intervensi – Industri 4WRD untuk mendigitalkan operasi gudang. MIDA dan MATRADE juga memudah cara penyertaan syarikat dalam pameran perdagangan antarabangsa dan pepadanan perniagaan.

Siti Padillah berterima kasih atas bantuan yang diberikan oleh beberapa agensi Kerajaan pada peringkat awal dan semasa peringkat pertumbuhan syarikat. Beliau mengaitkan keupayaan CG Global menempa nama dalam industri E&E kepada bantuan daripada Kerajaan yang diterima, terutamanya dalam bentuk kewangan, kemudahan akses pasaran serta latihan.



CG Global mensasarkan pasaran baharu di UK, AS dan Jerman. "Meskipun kami telah menembusi pasaran UK dan AS, masih terdapat banyak peluang dalam pelbagai industri di sana. Kami juga meneroka pasaran baharu, menjalankan R&D untuk produk baharu, meneliti kepelbagaian perniagaan dan pengautomasian dan pendigitalan proses perniagaan yang lebih besar".

Siti Padillah adalah seorang yang amat mempercayai kepada model perniagaan tersusun memandangkan 'perkara ini sangat penting untuk kelangsungan perniagaan semasa krisis.' Beliau juga melihat peluang baharu dalam penerapan ESG memandangkan perkara tersebut adalah amalan global yang semakin meningkat naik.

Nasihat beliau kepada mereka yang bercita-cita menjadi usahawan E&E: "Seseorang mesti mempunyai pengetahuan yang baik tentang teknologi *surface-mount*, proses pembuatan E&E yang berkaitan dengan PCBA dan pemasangan binaan kotak. Automasi, pendigitalan dan pengetahuan IoT juga adalah penting untuk kejayaan dalam perniagaan ini. Pengetahuan teknikal yang bagus tentang industri yang anda berurusan adalah penting. Dan perlu ingat, bersedialah untuk pelaburan yang tinggi apabila anda memasuki perniagaan E&E".

## Dari Pemain Pro Skuasy kepada Usahawan Alat Ganti Kereta



Kehidupan mempunyai cara tersendiri untuk membawa seseorang ke laluan yang tidak dijangka. Perkara ini sememangnya berlaku kepada Sharon Wee Ee Lin, seorang graduan dalam pentadbiran perniagaan yang bermula sebagai juruaudit di sebuah firma perakaunan multinasional, kemudiannya menjadi pemain skuasy profesional yang mewakili Malaysia selama dua dekad, telah menjadi jurulatih skuasy antarabangsa dan jurulatih profesional yang diperakui, mengasaskan Akademi Skuasy Sharon Wee Pro, merupakan seorang pengulas sukan TV dan kini, usahawan alat ganti kereta merangkap jurulatih pakar sistem brek.

Sharon, 46, merupakan pengasas bersama dan pengarah Emerald Auto Parts, pengedar alat ganti sistem brek yang terkemuka di Malaysia. Beliau menceritakan bagaimana beliau akhirnya menjadi usahawan dalam perniagaan yang didominasi oleh lelaki: "Saya sentiasa mempunyai sifat keusahawanan. Kerjaya saya sebagai atlet profesional membina kekuatan karakter untuk mendorong saya mencapai lebih banyak kejayaan. Saya mahu mencabar diri dalam bidang perniagaan dan mencari rezeki yang baik selepas karier sukan saya".

"Keusahawanan adalah sukar tetapi juga memberi kepuasan. Secara peribadi, keusahawanan memberi impak kepada diri saya dan dunia di sekeliling saya. Perkara ini dilihat seperti menanam benih untuk mengembangkan impian saya sendiri. Saya dapat membentuk, melihat impian tersebut membesar dan menikmati hasil kejayaan. Saya juga mahu mencabar diri saya dalam perniagaan yang didominasi oleh lelaki, menjadi inspirasi kepada wanita lain, untuk mengatakan kepada mereka bahawa kita juga boleh melakukannya jika kita menetapkan fikiran kita".

Emerald Auto Parts ditubuhkan pada tahun 2014 oleh Sharon bersama rakan kongsinya. Hari ini, syarikat tersebut merupakan peneraju pasaran dalam produk sistem brek dan satu-satunya pengedar yang mempunyai pelbagai rangkaian alat ganti brek untuk semua jenis model kereta di Malaysia. Syarikat ini juga merupakan

pengedar rasmi bagi 23 jenama premium global, empat daripadanya adalah jenama in-house dan juga merupakan pengeksport.

Syarikat bertaraf 4 bintang ini merupakan salah satu pemenang Anugerah Enterpris 50 Tahun 2022 oleh SME Corp. Malaysia. Syarikat tersebut berada di kedudukan ke-13 dan satu-satunya syarikat automotif dalam kalangan 50 syarikat terbaik di Malaysia.

Apakah rahsia kejayaan Emerald Auto Parts? Sharon berkata, "Kami mengetahui pasaran kami dengan sangat baik. Rakan kongsi saya merupakan mereka yang mempunyai kepakaran industri. Kami menawarkan produk sistem brek yang berkualiti dan berpatutan. Kami memastikan perniagaan kami mampan dengan kekal cekap, terbuka kepada inovasi dan memberikan produk



dan perkhidmatan berkualiti tinggi secara konsisten. Kami telah membangunkan strategi pemasaran yang berkesan yang terus memperluas capaian kami ke kawasan geografi baharu, bekerjasama dengan pelanggan dalam program kesetiaan serta meningkatkan rangkaian produk kami”.

“Kami kekal berhubung dengan semua peringkat pelanggan dan komuniti melalui perkongsian pendidikan dan kesedaran, termasuk program sistem brek, pengaktifan media sosial, CSR serta memberi perhatian kepada pertimbangan ESG. Untuk kekal relevan, kami memastikan untuk sentiasa mengikuti trend baharu, seperti kenderaan, teknologi baharu dan inovasi generasi akan datang. Dan kami juga menjalinkan kerjasama strategik dengan Petronas AutoExpert dan Institut Automotif Robotik dan IoT Malaysia (MARii)”.

Perniagaan, yang kini mempunyai tenaga kerja seramai 52 orang, bermula dengan enam orang pekerja manakala modal permulaan adalah daripada rakan kongsi dan pinjaman bank. Sharon menggambarkan peringkat awal perniagaan sebagai ‘sangat sukar dan kami terpaksa bekerja keras untuk mendapatkan kepercayaan pembekal dan pelanggan kami’.

“Kami menggunakan strategi pemasaran *push and pull* dengan syarikat dan produk kami diketahui daripada pengguna akhir sehingga ke bengkel dan pengedar. Kami mewujudkan keseronokan melalui promosi istimewa dan dikenali dalam industri kerana aktif dalam pemasaran melalui kandungan media sosial, acara fizikal, kerjasama dengan pengengaruh serta program pakar sistem brek kami sendiri untuk berkongsi pengetahuan dan maklumat terkini kepada industri”.

Kejayaan, tegasnya, datang daripada kegigihan dan kerja keras serta kreatif, terutamanya apabila perniagaan berada pada peringkat awal. Sokongan daripada Kerajaan juga penting, iaitu dalam kes beliau, SME Corp. Malaysia yang memberikan bimbingan dan bantuan kewangan. Kementerian dan agensi Kerajaan yang lain seperti MITI, KUSKOP, MoT, KPND, SME Bank, MIDF, MATRADE dan MARA turut memberi bantuan dalam pelbagai bentuk. Beliau menambah bahawa sokongan Kerajaan melalui pelan rangsangan ekonomi adalah penting dalam memastikan kelangsungan hidup komuniti perniagaan semasa pandemik.



Sharon berkata bahawa ketika waktu baik atau sukar, sokongan Kerajaan adalah penting bukan sahaja dalam mengekalkan PMKS tetapi juga untuk memacu pertumbuhan. Bantuan boleh diberi dalam bentuk sokongan kewangan dan insentif, memudah cara akses yang lebih luas kepada pembiayaan dan pasaran & eksport serta dalam pembinaan keupayaan & latihan. Memperkemas proses kawal selia serta pembangunan infrastruktur fizikal & digital dan sokongan untuk inovasi & penyelidikan adalah sama penting.

Hubungan yang kukuh dengan pembekal dan pelanggan adalah penting untuk memastikan kesinambungan perniagaan, terutamanya dalam tempoh sukar, tambah beliau. “Sepanjang tempoh sekatan pergerakan, kami sentiasa berhubung dengan pembekal dan pelanggan untuk penyelesaian sama menang (*win-win solution*) manakala strategi digital dan komunikasi pelanggan yang tinggi juga membantu dalam kelangsungan perniagaan”.

Mengenai rancangan jangka panjang syarikat, Sharon berkata, “Rancangan utama kami termasuk mempelbagaikan produk dan perkhidmatan selaras dengan trend pasaran, inovasi dan R&D dengan kerjasama pembekal kami; transformasi digital; pembangunan bakat untuk memacu inovasi serta memastikan pengurusan kewangan yang mantap”.

Nasihat beliau kepada PMKS yang berminat untuk menceburi perniagaan alat ganti kereta: “Pertama sekali, lakukan kajian mendalam tentang industri ini. Kenal pasti pasaran khusus atau cadangan jualan unik anda, kemudian buat pelan perniagaan. Mulakan secara kecil-kecilan dan lakukan peningkatan secara beransur-ansur”.

“Bersikap mudah menyesuaikan diri dan inovatif. Teruskan belajar kerana pasaran berubah dengan begitu pantas. Sentiasa berhubung dengan pelanggan anda kerana maklum balas mereka adalah penting untuk perniagaan. Dan jangan lupa mempunyai kehadiran digital (*digital presence*). Untuk kemampunan perniagaan, sentiasa amalkan kewangan berhemah. Secara peribadi, kegigihan dan kesabaran adalah sangat penting jika anda ingin berada dalam perniagaan untuk tempoh yang panjang”.



## Melihat Potensi Perniagaan melalui Rempah dan Herba



Meskipun orang lain tidak memberikan perhatian kepada rempah dan herba tempatan seperti lada, cili, serai dan lengkuas, Dickens Anak Mambu dari Sarawak melihat potensi perniagaan. Dickens, 41, merupakan pengasas MDF Global Sdn. Bhd., pengeluar produk hiliran berasaskan rempah dan herba tempatan. Syarikat ini terletak di Kota Samarahan, Sarawak.

Seorang graduan dalam bidang biologi dan MSc dalam Perancangan Pembangunan dan Kelestarian Tanah, Dickens pernah bekerja dalam industri kelapa sawit di Sabah, Sarawak, Kuala Lumpur dan Kalimantan, Indonesia, sebelum menjadi seorang usahawan. MDF Global ditubuhkan pada tahun 2014 apabila Dickens melihat potensi dalam pelbagai produk hiliran yang boleh dihasilkan daripada rempah dan herba tempatan.

Beliau menjelaskan, "Lada, lengkuas, cili dan serai boleh didapati secara meluas di Sarawak. Di luar mahupun dalam negara, saya melihat begitu banyak produk hiliran yang dihasilkan daripada bahan-bahan ini tetapi saya tidak dapat mencari produk buatan Sarawak. Itulah pencetus yang memberi inspirasi kepada saya untuk menjadi usahawan bagi meraih potensi, terutamanya di pasaran Sarawak".

Pada peringkat awal, Dickens hanya mendapatkan sumber lada daripada penghuni rumah panjang untuk dibekalkan kepada kedai dan orang tengah. Apabila beliau mempunyai modal yang mencukupi, beliau membuka pusat pengeluaran sendiri dan apabila jenama Dmambu semakin dikenali di pasaran, beliau mampu meletakkan produk tersebut di rak pasar raya terpilih. Jenama Dmambu kini mempunyai rangkaian 30 jenis produk berasaskan serai, lengkuas, terung asam dan cili. Melangkah ke hadapan, Dickens mempunyai rancangan untuk mengembangkan pasarnya ke Semenanjung Malaysia dan juga luar negara.

Produk MDF Global kini telah memperoleh pensijilan halal, MeSTI (Kementerian Kesihatan) dan Amalan Pengilangan Baik. Menuju ke hadapan, Dickens mempunyai rancangan untuk memperluas pasaran beliau ke Semenanjung Malaysia dan juga luar negara. Syarikatnya juga telah memenangi Anugerah Komuniti Lada Antarabangsa 2020 bagi Kecemerlangan dalam Eksport Produk Lada Nilai Ditambah. Dickens sendiri menerima Anugerah Usahawan Berjaya 2022, Usahawan Bumiputera Sarawak, anugerah Kategori Agro serta Anugerah Jurulatih Cemerlang Pembangunan Sumber Manusia Malaysia 2023. Beliau juga dilantik sebagai penasihat program keusahawanan untuk Institut Pengajian Tinggi Sarawak 2022-2023 serta menjadi penceramah secara berkala bagi program keusahawanan dan motivasi anjuran Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak.



Dickens memulakan perniagaan dengan dana sendiri dan hanya kemudian, apabila perniagaan semakin berkembang, beliau mendapatkan bimbingan daripada MARDI dan pinjaman daripada TEKUN Nasional. Beliau juga menerima bantuan daripada Lembaga Lada Malaysia (Malaysian Pepper Board, MPB) yang turut membantu memperkenalkan produk beliau kepada pembeli luar negara.

Dickens berkata, "Cabaran utama saya pada peringkat awal dan peringkat pengembangan adalah kekurangan modal, aliran tunai untuk pengoperasian dan perbelanjaan lain. Saya juga kekurangan peralatan seperti pengering dan pengisar untuk memproses bahan mentah. Peralatan ini adalah mahal dan saya tidak mampu membelinya. Sebagai pendatang baharu dalam pasaran, sangat sukar untuk mendapatkan penerimaan pasaran. Saya terpaksa bersaing dengan perniagaan lain yang telah lama bertapak dengan rangkaian produk yang serupa dan juga untuk menarik pelanggan kepada jenama saya".

Dickens memulakan promosi produknya secara langsung dengan memasang kiosk di pusat membeli-belah serta mengedarkan risalah. Platform media sosial seperti Facebook, Instagram dan Shopee juga digunakan untuk tujuan promosi beserta dengan penyertaan dalam program atau ekspo yang ditaja oleh MPB dan Jabatan Pertanian Sarawak.

Mengenai bantuan daripada Kerajaan, Dickens berkata, "Kami menyertai kursus dan seminar serta ekspo di Semenanjung Malaysia yang ditaja oleh MPB. MPB juga menyediakan bantuan kewangan dalam bentuk mesin untuk memudahkan proses pengeluaran".

Semasa tempoh kawalan pergerakan pandemik, Dickens berkata beliau perlu kreatif dan menyesuaikan diri untuk kelangsungan daripada gangguan kepada perniagaan. "Kami sentiasa mencari jalan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan untuk terus hidup. Salah satu caranya adalah meminta pekerja kami bekerja dari rumah untuk terlibat dalam penjualan melalui telefon atau dalam talian, termasuk media sosial".



Dickens berharap Kerajaan akan terus memberi bantuan untuk meningkatkan pertumbuhan PMKS, terutamanya geran atau pinjaman mikro untuk membantu PMKS meningkatkan daya saing mereka serta memudahkan cara kepada akses pasaran yang lebih besar, di dalam mahupun luar negara. Bantuan Kerajaan juga diperlukan untuk PMKS mematuhi amalan ESG selari dengan keperluan global.

Untuk memastikan kemampuan perniagaan dalam jangka panjang, Dickens memberi tumpuan kepada "menambah baik prestasi kami dalam jangka panjang dengan mengurangkan kos operasi dan dalam masa yang sama meningkatkan kualiti untuk memastikan keyakinan pelanggan yang berterusan terhadap produk kami". Syarikat tersebut juga akan meningkatkan jaringan perniagaan, terutamanya ke arah matlamat memasarkan produk mereka kepada badan Kerajaan.

Nasihat Dickens kepada sesiapa sahaja yang berhasrat untuk menceburi perniagaan dalam industri ini: "Pertama sekali, wujudkan pelan perniagaan kerana itu adalah rangka kerja ke arah kejayaan. Pelan itu membuatkan anda memberi tumpuan kepada apa yang perlu dilakukan untuk berjaya. Secara peribadi, kekuatan karakter adalah penting. Jangan sesekali berputus asa! Teruskan berusaha meskipun menghadapi cabaran yang besar. Dan dalam era digital ini, kita perlu celik digital. Pada masa kini, mustahil untuk kita menjalankan perniagaan tanpa penerapan pendigitalan".




# Melangkah ke Hadapan



# Melangkah ke Hadapan

## Memacu melalui Malaysia MADANI dan Kerangka Ekonomi MADANI

Kerangka dasar Malaysia MADANI yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Januari 2023 membentangkan visi beliau mengenai masyarakat yang bertamadun, berkemahiran dan inklusif, seperti yang dicadangkan dalam enam nilai teras. Nilai-nilai tersebut ialah keMampanan, KesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan. MADANI disasarkan menjadi asas kepada setiap nilai teras yang akan diterokai bagi memperkukuhkan lapan keperluan iaitu ekonomi dan kewangan, perundangan, institusi, pendidikan, komuniti, budaya, bandar dan luar bandar.



Selaras dengan ini, pada Julai 2023, Kerangka Ekonomi MADANI: Memperkasakan Rakyat telah dilancarkan yang bertujuan untuk penstrukturan semula ekonomi Malaysia secara menyeluruh bagi meningkatkan pertumbuhan serta meningkatkan kualiti hidup semua lapisan masyarakat. Objektif utamanya adalah untuk menjadikan Malaysia sebagai ekonomi Asia yang terkemuka dan untuk meningkatkan kualiti hidup rakyat melalui pengagihan kekayaan negara yang saksama berikutan pertumbuhan ekonomi yang lebih baik.

Kerangka ini menangani isu-isu jangka panjang yang berkaitan dengan daya saing dan daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan serta isu-isu semasa yang perlu ditangani dengan segera, seperti kesan peningkatan kos sara hidup terhadap rakyat. Sasaran jangka pendek akan menangani isu-isu mendesak yang memberi kesan kepada rakyat, seperti mempercepatkan pelaksanaan projek untuk sekolah dan klinik daif serta pembasmian kemiskinan tegar menjelang tahun 2023.

Sasaran jangka sederhana terdiri daripada tujuh penanda aras yang akan dicapai dalam tempoh 10 tahun akan datang:

Kerangka ini menangani isu-isu jangka panjang yang berkaitan dengan daya saing dan daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan serta isu-isu semasa yang perlu ditangani dengan segera, seperti kesan peningkatan kos sara hidup terhadap rakyat.



## MENJADIKAN MALAYSIA SEBAGAI PENERAJU EKONOMI ASIA

Dalam mencapai matlamat ini, pelbagai inisiatif dan dasar akan dilaksanakan ke arah menjadikan Malaysia sebagai jaguh ekonomi serantau. Ini termasuk mewujudkan integrasi ekonomi yang lebih besar dengan negara-negara jiran; melahir lebih banyak syarikat tempatan yang berdaya saing untuk menembusi pasaran ASEAN; melangkaui perjanjian perdagangan bebas kepada diplomasi perdagangan dan pengaturcaraan strategik; memberi tumpuan terhadap aktiviti nilai ditambah tinggi atau kecanggihan ekonomi seperti elektrik & elektronik, bahan kimia, petrokimia dan oleokimia; dan memperkenalkan insentif cukai berasaskan pencapaian untuk menyokong dan memberi ganjaran kepada syarikat yang terlibat dalam aktiviti berimpak tinggi.

Malaysia akan menjadi lebih berdaya saing dan lebih mudah untuk menjalankan perniagaan dengan:

- Memperkukuhkan agensi galakan pelaburan di bawah MIDA untuk menarik pelaburan dan memudah cara urusan pelabur secara lebih proaktif;
- Mengkaji semula insentif pelaburan dengan memberi tumpuan khusus untuk menggalakkan pelaburan yang menjana pekerjaan berpendapatan tinggi dan daripada sumber tempatan; dan
- Menaik taraf kawasan perindustrian dengan infrastruktur yang lengkap dan meningkatkan pembangunan modal insan bagi memenuhi keperluan pelabur.



## MEMACU PELABURAN LANGSUNG DOMESTIK DAN PEMBANGUNAN PMKS

Pelaburan langsung domestik ditetapkan sebagai salah satu petunjuk prestasi utama bagi pencapaian pelaburan negara. Malaysia kini berada di kedudukan ke-20 dalam Laporan Ekosistem Syarikat Pemula Global 2023, dengan ekosistem syarikat pada peringkat permulaan domestik bernilai USD46 bilion bagi separuh pertama tahun 2020 hingga 2022. Antara insentif Kerajaan dan inisiatif untuk memacu pelaburan langsung domestik dan pembangunan PMKS ialah:

- RM1 bilion dana tambahan secara padanan dengan dana swasta bagi menyokong syarikat pada peringkat permulaan tempatan dan mendorong usahawan teknologi;
- RM100 juta akan diperuntukkan untuk mengukuhkan ekosistem penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi dengan tumpuan terhadap keperluan industri, tenaga boleh baharu, keterjaminan makanan dan aktiviti pertumbuhan baharu.

Bagi menggalakkan pengantarabangsaan syarikat pada peringkat permulaan dan PMKS tempatan, Kerajaan akan membantu syarikat yang sedang berkembang, terutamanya entiti milik Bumiputera, untuk menceburi bidang pertumbuhan baharu. Tambahan sebanyak RM20 juta bagi pembiayaan akan diperuntukkan untuk meningkatkan pertumbuhan eksport serta menyokong Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan dan Geran Pembangunan Pasaran (*Market Development Grant*, MDG) di bawah MATRADE.

Manakala, dari segi transformasi digital, pelaksanaan ID Digital akan membantu mempercepatkan perluasan perniagaan dan aplikasi dalam talian. Geran padanan untuk pendigitalan akan dinaikkan sebanyak RM100 juta bagi membantu PMKS dalam mempercepatkan peralihan mereka kepada proses pendigitalan perniagaan. Selain itu, program pembangunan, latihan dan pembiayaan keusahawanan akan ditambah baik untuk kumpulan khusus, termasuk wanita dan belia. Tambahan RM400 juta akan diperuntukkan untuk pembiayaan mikro di bawah agensi seperti SME Corp. Malaysia, TEKUN Nasional dan Teraju.

## BELANJAWAN 2024


Pada 13 Oktober 2023, Belanjawan 2024 telah diumumkan dengan tema "Reformasi Ekonomi, Memperkasa Rakyat". Belanjawan MADANI kedua ini adalah kesinambungan daripada Kerangka Ekonomi MADANI. Belanjawan 2024 berhasrat untuk memulakan kemunculan semula Malaysia sebagai jaguh ekonomi di rantau ASEAN melalui pelbagai inisiatif dan pelan tindakan di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Nasional, Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 dan kajian semula Rancangan Malaysia Ke-12. Belanjawan ini memberi tumpuan kepada tiga bidang utama iaitu (i) Tatakelola Terbaik Demi Ketangkasan Perkhidmatan; (ii) Penstrukturan Semula Ekonomi bagi Melonjak Pertumbuhan; dan (iii) Peningkatan Darjat Hidup Rakyat.

Belanjawan 2024 mengutamakan pemerkasaan PMKS untuk mencapai matlamat Kerangka Ekonomi MADANI dengan memperkukuh daya saing PMKS melalui pembinaan kapasiti. Sejumlah RM43.6 bilion telah diperuntukkan untuk pembangunan PMKS melalui inisiatif dan program yang dapat memberi manfaat secara langsung kepada PMKS. Akses kepada pembiayaan yang sering menjadi cabaran utama PMKS terus menerima peruntukan terbesar sebanyak RM32.2 bilion atau 73.7% daripada jumlah peruntukan untuk PMKS.

Sebagai kesimpulan, Malaysia MADANI dan Kerangka Ekonomi MADANI akan terus mempergiatkan dan mempercepatkan pembangunan ekosistem PMKS melalui peningkatan akses kewangan dan pasaran, pembangunan modal insan, inovasi, penerapan teknologi dan pengantarabangsaan ke arah peningkatkan sumbangan kepada sosioekonomi, serta penyediaan ke arah mencapai sasaran negara untuk menjadikan kedudukan Malaysia antara 12 teratas (kini 32 teratas) bagi Indeks Daya Saing Global dalam tempoh 10 tahun.







# Lampiran



# Lampiran 1

## Senarai Program Pembangunan PMKS dan Keusahawanan Terpilih pada Tahun 2023

### Asas kepada Pembiayaan

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Bank Negara Malaysia (BNM)</b>		
Bank Negara Malaysia (BNM)	Dana Bank Negara Malaysia untuk Perusahaan Kecil & Sederhana (dana BNM untuk PKS)	Meningkatkan akses kepada pembiayaan untuk PKS pada kos yang lebih rendah
<b>Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)</b>		
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Program Pembiayaan Pemiagaan MARA	Memberi bantuan pembiayaan pemiagaan kepada 1,500 usahawan Bumiputera (PROSPECT - <i>Professionals</i> , SPIKE - <i>Express Contract Loan &amp; MISA-Smart Auto loan Scheme</i> ) sepanjang tempoh 2021 - 2025
<b>Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)</b>		
Bahagian Industri Makanan dan Asas Tani (BIMAT)	Program Pembangunan Usahawan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Geran Pemadanan <i>High Impact Product</i> (HIP)</li> <li>• Program Geran Pemadanan <i>Change Upgrade Product</i> (CUP)</li> <li>• Program Pembangunan Modal Insan</li> <li>• Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan &amp; Pemasaran</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Program Geran Pemadanan <i>High Impact Product</i> (HIP) (bagi usahawan industri makanan &amp; asas tani dengan nilai jualan RM300,000 hingga RM5 juta)</li> <li>• Program Geran Pemadanan <i>Change Upgrade Product</i> (CUP) (bagi usahawan industri makanan &amp; asas tani dengan nilai jualan di bawah RM300,000)</li> <li>• Program Pembangunan Modal Insan bagi usahawan industri makanan &amp; asas tani</li> <li>• Pembangunan Pusat Pemprosesan, Pembungkusan &amp; Pemasaran</li> </ul>
Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)	Program Pemerkaaan Usahawan Peladang ( <i>Rise-UP</i> )	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan pendapatan bersih usahawan melebihi RM4,000 sebulan</li> <li>• Melahirkan usahawan yang mampu melaksanakan projek pengeluaran pertanian, pemprosesan &amp; menyediakan perkhidmatan berskala besar serta menghasilkan produk berkualiti tinggi</li> </ul>

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Komunikasi</b>		
Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC)	Dana Teknologi Inovasi untuk Globalisasi (TIG)	<p>Insentif untuk menggalakkan pembangunan produk sehingga ke peringkat pengkomersilan untuk:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Menerajui pembangunan produk &amp; perkhidmatan yang inovatif &amp; berdaya maju secara komersial</li> <li>• Menambah bilangan IP yang berdaya maju secara komersial</li> <li>• Meningkatkan daya saing syarikat untuk membolehkan mereka pergi ke peringkat global</li> </ul>
<b>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)</b>		
Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (BKRM)	RAKYATPreneur 4.0	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Berkhidmat kepada masyarakat &amp; negara, menyampaikan dedikasi &amp; komitmen untuk meningkatkan taraf hidup mereka di seluruh industri dengan memenuhi keperluan kewangan mereka &amp; menyampaikan perkhidmatan teladan</li> <li>• Selaras dengan pengantaraan Berasaskan Nilai (VBI) yang bertujuan untuk menjana kesan mampan kepada ekonomi &amp; masyarakat</li> <li>• Memperkasakan pembangunan perusahaan mikro, kecil &amp; sederhana (PMKS) &amp; mengukuhkan pembangunan perusahaan sosial, program pembangunan untuk penjaja &amp; pedagang kecil</li> <li>• Menyumbang kepada Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (SDG PBB) 1, 8 &amp; 9</li> </ul>
Perbadanan Nasional Berhad (Pernas)	<p>Skim Pembiayaan Pernas:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan Francais</li> <li>• Francais Mikro (SPKF)</li> <li>• Pra-Francaisi / Pra-Francaisor</li> <li>• Francaisor</li> <li>• Pra - Francaisi B.I.T</li> <li>• Pra - Francaisor B.I.T</li> <li>• Trak Makanan</li> <li>• PS 2.0 (Skim Pembiayaan Pernas)</li> </ul>	Membangun & mempromosikan usahawan Bumiputera Peringkat Pertengahan (MLB) dalam perniagaan francais melalui bantuan kewangan untuk tujuan pengembangan perniagaan & permulaan baru bagi syarikat francais
Small Medium Enterprise Development Bank Malaysia Berhad (SME BANK)	Skim Pembiayaan Dana Promosi (IBS 2.0)	Memberi pembiayaan kepada kontraktor, pengilang & pengilang produk berasaskan IBS yang layak
SME Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia)	Program Pembangunan Perniagaan Usahawan Mikro BizME 2.0	Meningkatkan kemahiran keusahawanan serta potensi jualan / produktiviti perusahaan mikro melalui bimbingan & sokongan teknikal

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)</b>		
Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN)	TEKUN <i>Mobilepreneur</i> 4.0 ( <i>Mobilepreneur</i> 4.0)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Pembiayaan modal kepada usahawan perkhidmatan penghantaran barangan menggunakan motosikal</li> <li>• Menyediakan peluang menjana pendapatan melalui perkhidmatan penghantaran</li> <li>• Pembiayaan bagi tujuan baik pulih / pembelian motosikal</li> </ul>
<b>Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)</b>		
Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF)	Pembiayaan Perniagaan Kelestarian dan Hijau (SGBF)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan &amp; meningkatkan penggunaan teknologi hijau &amp; kecekapan tenaga dalam kalangan penggiat industri tempatan</li> <li>• Meningkatkan kebolehpasaran syarikat tempatan menggunakan teknologi hijau &amp; kecekapan tenaga ke pasaran tempatan &amp; antarabangsa</li> <li>• Menggalakkan penggunaan sistem kecekapan tenaga (<i>energy efficiency</i>) dan penggunaan proses pembuatan 'hijau' (<i>greener manufacturing processes</i>) yang mengurangkan penggunaan air &amp; bahan mentah seterusnya meminimumkan pencemaran udara, sisa pepejal &amp; penjana sisa</li> <li>• Membantu pemain industri tempatan untuk meningkatkan aliran tunai &amp; mengurangkan kos perniagaan</li> </ul>
<b>Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)</b>		
Bahagian Pembangunan Ekonomi Komuniti (BPEK)	Program Desa Lestari (PDL)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan kebolehan masyarakat dalam merancang &amp; melaksanakan projek-projek di kampung-kampung</li> <li>• Membangunkan aktiviti ekonomi dengan mewujudkan peluang pekerjaan &amp; mewujudkan kekayaan kepada masyarakat melalui kerjasama</li> </ul>
Bahagian Pembangunan Usahawan Desa (BPUD)	<i>Rural Business Challenge</i> 2.0 (RBC 2.0) 2023	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menggalakkan belia terutamanya di kawasan luar bandar untuk memilih keusahawanan sebagai kerjaya pilihan</li> <li>• Mewujudkan peluang pekerjaan baru &amp; meningkatkan pendapatan bagi penduduk sekitar</li> <li>• Mewujudkan kawasan luar bandar yang menarik untuk didiami</li> </ul>

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)</b>		
Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)	Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET): • Skim Insentif <i>Start-up</i> • Skim Insentif Nano (AET)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Inisiatif untuk membantu usahawan menguruskan perniagaan pengeluaran produk / perkhidmatan berdasarkan faktor keupayaan menguruskan</li> <li>• Membolehkan bantuan modal / insentif digunakan dengan cekap &amp; berkesan dalam membangunkan perniagaan</li> <li>• Melahirkan usahawan pekebun kecil yang mampu menguruskan perniagaan mereka dengan cekap &amp; berkesan menggunakan sumber yang optimum</li> </ul>
<b>Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)</b>		
Kumpulan Modal Perdana Sdn Bhd (KMPSB)	<i>Electrical &amp; Electronics and Renewable Energy Fund (E&amp;E &amp; RE Fund)</i>	Memberi pembiayaan modal teroka kepada syarikat berkaitan di sektor Elektrik dan Elektronik (E&E) & tenaga boleh diperbaharui (RE)
<b>Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)</b>		
Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB)	Program Pembiayaan Keusahawanan PUNB	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Membangun &amp; meningkatkan bilangan usahawan Bumiputera melalui program pembiayaan keusahawanan PUNB</li> <li>• Meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera dengan pengetahuan melalui program latihan &amp; pembangunan serta pendedahan pasaran (<i>market exposure</i>)</li> </ul>

## Pembangunan Modal Insan

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)</b>		
Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)	Pemeriksaan Teknopreneur Agromakanan yang Progresif & Kompetitif melalui Pemindahan Teknologi & Inovasi MARDI	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Perkhidmatan teknikal kepada usahawan yang telah disasarkan</li> <li>• Perkhidmatan teknikal sekali beri kepada bakal usahawan &amp; bakal pelanggan</li> <li>• Usahawan &amp; bakal usahawan mendapat manfaat daripada aktiviti pengaplikasian teknologi &amp; inovasi produk melalui perkhidmatan profesional di <i>Test Bed</i>, Inkubator, Ladang Contoh &amp; Kompleks Latihan</li> <li>• Peningkatan kualiti produk usahawan menggunakan teknik yang sesuai &amp; teknologi pembungkusan yang tepat dalam memenuhi permintaan pasaran dan peraturan</li> </ul>

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)</b>		
Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan (BPES)	PKPKS - Program Intervensi Peluang Kedua kepada Usahawan	Melaksanakan program intervensi peluang kedua untuk membantu usahawan yang tidak berjaya & mengurangkan risiko muflis serta memberi panduan kepada usahawan PMKS agar mereka dapat terus bertahan
<i>Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTEGE)</i>	Penempatan Kerjaya dan Latihan Keusahawanan untuk Graduan TVET 3.0 (GRACE 3.0)	Meningkatkan kebolehpasaran graduan yang menganggur melalui latihan kemahiran dan pensijilan profesional serta latihan penempatan dengan industri
UDA Holdings Berhad (UDA)	Program Insentif Usahawan UDA (PIUU): <ul style="list-style-type: none"> <li>• UDA Bizznita</li> <li>• UDA 4 Youth</li> <li>• UDA <i>Preneur</i></li> <li>• UDA <i>Preneur Trainee</i></li> <li>• Ushaniaga (Program Insentif untuk Usahawan)</li> </ul>	Penyediaan ruang runcit untuk usahawan PMKS & skim latihan kepada usahawan PMKS yang berkaitan dengan perniagaan untuk membantu usahawan PMKS berdaya saing & kekal dalam pasaran
<b>Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)</b>		
Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT)	HEIs <i>Entrepreneurship Programme 2023</i>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memastikan kelestarian pembudayaan keusahawanan di dalam setiap program keusahawanan yang dijalankan</li> <li>• Melahirkan pelajar yang berkualiti &amp; mempunyai pemikiran, atribut &amp; nilai keusahawanan</li> <li>• Meningkatkan jumlah graduan IPT yang menceburi bidang keusahawanan sebagai kerjaya jangka panjang &amp; kadar kelangsungan (<i>survival rate</i>)</li> <li>• Memperkasa kepakaran keusahawanan tenaga pengajar, pegawai &amp; staf IPT</li> <li>• Meningkatkan program keusahawanan yang memanfaatkan inovasi &amp; teknologi</li> <li>• Memperkasakan jaringan keusahawanan yang berimpak tinggi</li> <li>• Memantapkan ekosistem keusahawanan bersinergi yang holistik &amp; bersepadu</li> </ul>
<b>Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT)</b>		
Bahagian Kesejahteraan Komuniti (BSK)	Program Pemerksaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB)	Meningkatkan kemahiran kumpulan sasaran (B40 di kawasan bandar) supaya mampu mengusahakan perniagaan (keusahawanan) yang boleh memberi pendapatan yang lebih tinggi seterusnya meningkatkan kualiti hidup & keluar daripada kemiskinan

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)</b>		
Majlis Amanah Rakyat (MARA)	Program Pendigitalan Perniagaan	Membangunkan 1,800 usahawan Bumiputera dari tahun 2022 hingga 2025 bagi membantu meningkatkan kecekapan dalam operasi perniagaan dengan menggunakan kaedah pendigitalan
<b>Kerajaan Negeri Sabah (Negeri Sabah)</b>		
Jabatan Hal Ehwal Wanita Sabah (JHEWA)	Program Pembangunan Ibu Tunggal dan Wanita B40	Memberi kemahiran / bimbingan kepada ibu tunggal terutamanya dari luar bandar untuk membantu mereka menjana pendapatan melalui keusahawanan
Jabatan Pembangunan Perindustrian dan Penyelidikan (JPPP)	Bantuan IKS (BAIKS)	Meningkatkan kapasiti & keupayaan PKS melalui pemberian geran dalam kategori berikut: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Mesin dan Peralatan</li> <li>• Pembungkusan Produk</li> <li>• Pendigitalan Perniagaan</li> <li>• Francais</li> </ul>
<b>Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN Selangor)</b>		
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN Selangor)	Program Promosi Usahawan PMKS Dalam Negeri Dan Luar Negara (Promosi Usahawan)	Mempromosikan produk tempatan pada peringkat tempatan & antarabangsa melalui program / pameran tempatan & antarabangsa

## Infrastruktur

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)</b>		
FELCRA Berhad (FELCRA)	Program Perlengkapan Kampung: Premis Perniagaan	Membantu usahawan dengan menyediakan Premis Perniagaan yang kondusif untuk tujuan meningkatkan pendapatan usahawan
Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA)	Projek Menaiktaraf Premis IKS KEDA (Naiktaraf IKS)	Meningkatkan ekonomi tempatan dengan menyediakan kemudahan & premis yang lebih kondusif dan selamat dengan persekitaran yang indah



Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)</b>		
Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM)	Pembangunan Pasar Nelayan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Mendorong keusahawanan untuk mengurangkan kebergantungan pada 'orang tengah'</li> <li>• Meluaskan akses pasaran</li> <li>• Membolehkan nelayan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi</li> <li>• Membolehkan pengguna mendapatkan bekalan ikan segar &amp; berkualiti dengan harga yang berpatutan</li> <li>• Menyumbang kepada pembangunan ekonomi &amp; sosial masyarakat setempat</li> </ul>
<b>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)</b>		
Sistem Sokongan Elektronik Perlesenan Perniagaan (BLESS)	Sistem Sokongan Elektronik Perlesenan Perniagaan (BLESS)	Menyediakan platform permohonan lesen perniagaan secara atas talian

## Penerapan Inovasi dan Teknologi

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)</b>		
Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA)	Program Transformasi Kualiti Produk (PTKP)	Menggalakkan potensi produk usahawan dengan meningkatkan imej produk melalui transformasi pembungkusan & bahan pemasaran
Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH)	Program Pemeraksanaan Produk dan Pensijilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Meningkatkan pendapatan usahawan</li> <li>• Meningkatkan taraf hidup usahawan</li> <li>• Mewujudkan peluang pekerjaan</li> <li>• Meningkatkan ekonomi usahawan</li> </ul>
<b>Kementerian Komunikasi</b>		
MYNIC Berhad (MYNIC)	Program Realisasi Impian Ekonomi Digital (PRIME) Digital Branding melalui: <ul style="list-style-type: none"> <li>• BIZ.MY (pendaftaran percuma)</li> <li>• GO2 <i>Brand Standard</i></li> <li>• Kategori domain yang lain</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menganjurkan sesi Webinar PERCUMA untuk PMKS bagi menggalakkan &amp; meningkatkan pemahaman PMKS mengenai kepentingan pendigitalan dalam perniagaan</li> <li>• PMKS juga akan ditawarkan: BIZ.MY nama domain secara PERCUMA untuk 20,000 PMKS - aplikasi pendirian jenama GO2 secara PERCUMA</li> <li>• Menyediakan latihan intensif bagi pemboleh pasaran digital (media sosial, Google Ads &amp; SEO) &amp; Pembangunan Laman Web termasuk 3 bulan selepas latihan bimbingan / sokongan / pemantauan</li> </ul>

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)</b>		
Malaysia Productivity Corporation (MPC)	Enterprise yang Produktif	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membangunkan minda produktif dalam kalangan PKS untuk kelangsungan perniagaan</li> <li>Meningkatkan kecekapan perniagaan PKS melalui pelaksanaan penambahbaikan proses</li> </ul>
Malaysia Productivity Corporation (MPC)	<i>Industry 4WRD Readiness Assessment - RA Assessment</i>	Penilaian RA: <ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu firma dalam sektor pembuatan &amp; perkhidmatan berkaitannya memahami keupayaan semasa &amp; jurang mereka ke arah Revolusi Industri 4.0</li> <li>Memberikan cadangan mengenai strategi intervensi untuk menerima pakai Industri 4.0</li> </ul>
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA)	<i>SME Investment Desk (SME Desk)</i>	Bertindak sebagai pusat sehati untuk membantu PKS bagi memudahkan transformasi PKS dari segi pembinaan kapasiti & produktiviti. Perniagaan & PKS di Malaysia akan mempunyai satu pusat hubungan di ibu pejabat MIDA serta seluruh pejabat negeri untuk mendapatkan bimbingan & nasihat mengenai inisiatif & kemudahan kerajaan
SIRIM Berhad (SIRIM)	Pelaksanaan aktiviti teras yang disasarkan untuk meningkatkan produktiviti dan pengembangan pasaran PKS (SIRIM - <i>Fraunhofer Programme 2.0</i> )	Meningkatkan penggunaan teknologi dan inovasi oleh PKS yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti, merangsang inovasi & pertumbuhan PKS
<b>Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)</b>		
NanoMalaysia Berhad (NMB)	Inisiatif Teknologi Penyimpanan Tenaga NanoMalaysia	Projek penyimpanan tenaga yang menggunakan nanoteknologi untuk membekalkan tenaga elektrik kepada alat-alat atau peranti & sistem elektronik seperti laptop, tablet & telefon mudah-alih. Tujuan utama pembangunan projek ini adalah untuk: <ul style="list-style-type: none"> <li>Melalui NESTI, Malaysia memberi respons kepada permintaan yang sedang meningkat untuk sistem simpanan tenaga dari sektor tenaga diperbaharui (Fi, NEM dan <i>Large Scale Solar</i>), tenaga (<i>power quality and stability</i>), sektor ekonomi digital (MyDIGITAL, peranti &amp; sistem elektronik) serta pasaran baru muncul kenderaan elektrik di rantau ASEAN &amp; global</li> </ul>
<b>Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN Selangor)</b>		
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN Selangor)	Program Peningkatan Pembungkusan Usahawan (Pembungkusan)	Menyediakan program penambahbaikan pembungkusan (untuk produk baru & penambahbaikan produk semasa)

## Akses kepada Pasaran

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah (BPEN Kedah)</b>		
Bahagian Perancang Ekonomi Negeri Kedah (BPEN Kedah)	Kursus Pemasaran Media Sosial: <ul style="list-style-type: none"> <li>• Facebook</li> <li>• Instagram</li> <li>• Tiktok</li> <li>• Instagram</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Memberi pengetahuan kepada usahawan tentang bagaimana untuk mempromosikan produk mereka dalam talian</li> <li>• Mengajar bagaimana untuk meningkatkan pandangan mereka di media sosial</li> </ul>
<b>Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)</b>		
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	Program Vendor SAWARI (PVS)	Promosi dan pemasaran produk usahawan FELDA dalam kedai SAWARI melalui Vendor program SAWARI (PVS)
<b>Kementerian Kemajuan Desa dan Wilayah (KKDW)</b>		
Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA)	Program Sokongan & Perneraka Usahawan PERDA - <i>Rural Product Commercialisation</i> (SPEAR-RPC)	<ul style="list-style-type: none"> <li>• Menghasilkan produk keusahawanan luar bandar yang berkualiti tinggi mengikut piawaian antarabangsa</li> <li>• Meningkatkan kapasiti pengeluaran &amp; produk pengusaha luar bandar di pasaran komersial</li> </ul>
<b>Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)</b>		
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA)	Pakej Pembekalan AgroSedia - Pengukuhan Institusi Peruncitan: <ul style="list-style-type: none"> <li>• 15 Gerai Buah-buahan Segar (GBBS)</li> <li>• 2 Medan Gerai Buah-buahan Segar (GBBS)</li> <li>• 20 Karavan Tani</li> <li>• 3 Medan <i>Food Truck</i></li> <li>• 15 Agrobazaar Rakyat</li> </ul>	Menyediakan pelbagai kedai runcit untuk petani / pengeluar kecil bagi memasarkan produk mereka secara langsung
<b>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)</b>		
Bahagian Pembangunan Ekosistem Keusahawanan (BPES)	Program Padanan Perniagaan (PADANIAGA) 2023	Memperluaskan akses pasaran perusahaan mikro, kecil & sederhana (PMKS) dengan menyediakan platform & persekitaran yang kondusif
Bahagian Pembangunan Francais and Vendor (BPFV)	Program Pengantarabangsaan Usahawan Halal - Massive: <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>International Trade Expo</i> [iTEX]</li> </ul>	Menyediakan geran pembiayaan untuk penglibatan usahawan & koperasi dalam pameran perdagangan & pameran di luar negara

Pelaksana / Agensi	Nama Program	Objektif Program
<b>Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)</b>		
Perbadanan Nasional Berhad (Pernas)	Portal Pybli (Portal Pybli)	Membantu usahawan mengembangkan perniagaan mereka melalui platform digital
<b>Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan (MINTRED) Sarawak</b>		
Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan (MINTRED) Sarawak	<i>Domestic &amp; International Trade Fair &amp; Expos</i>	Membantu usahawan dalam mempromosikan produk mereka di pameran antarabangsa / domestik
Kementerian Perdagangan Antarabangsa, Industri dan Pelaburan (MINTRED) Sarawak	Bazar Rakyat <i>Online</i> Sarawakku Sayang (BROSS)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Membantu usahawan memasarkan produk secara dalam talian semasa bulan Ramadhan</li> <li>Terus membantu usahawan BROSS melalui latihan dalam talian</li> </ul>
<b>Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI)</b>		
Halal Development Corporation Berhad (HDC)	<i>Halal Home Grown Champion - Sourcing Partnership (HSPP)</i>	Membangunkan Syarikat juara halal tempatan yang kompetitif untuk memenuhi kualiti & piawaian antarabangsa
<b>Kementerian Perladangan dan Komoditi (KPK)</b>		
Malaysian Timber Industry Board (MTIB)	<i>Local &amp; International Market Promotion Programmes</i>	Meningkatkan jualan industri (PKS) di pasaran domestik & antarabangsa

## Lampiran 2

### Glosari Singkatan

#### Organisasi / Persatuan / Institusi

Nama	Akronim
Jawatankuasa Penyelaras ASEAN mengenai Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana	ACCMSME
Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit	AKPK
Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik	APEC
Sekolah Perniagaan Asia	ASB
Persatuan Negara-negara Asia Tenggara	ASEAN
Bank Negara Malaysia	BNM
Perbadanan Jaminan Kredit Malaysia Berhad	CGC
Collaborative Research in Engineering, Science and Technology	CREST
Jabatan Perangkaan Malaysia	DOSM
Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan	FAMA
Persekutuan Persatuan Perniagaan Malaysia	FMBA
Pasukan Petugas Peringkat Tertinggi	HLTF
Persatuan Pasaran Modal Antarabangsa	ICMA
Perbadanan Data Antarabangsa	IDC
Jawatankuasa Teknikal Pembangunan Keusahawanan Nasional	JTPKN
Pertubuhan Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana Turkiye	KOSGEB
Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup Malaysia	KPDN
Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan	KPKM
Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi	KUSKOP
Majlis Amanah Rakyat	MARA
Institut Penyelidikan Dan Kemajuan Pertanian Malaysia	MARDI
Institut Automotif, Robotik dan IoT Malaysia	MARii
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia	MATRADE
Malaysia Venture Capital Management Berhad	MAVCAP
Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia	MDEC
Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia	MIDA

Nama	Akronim
Malaysian Industrial Development Finance Berhad	MIDF
Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri	MITI
Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi dan Inovasi	MOSTI
Lembaga Lada Malaysia	MPB
Kementerian Pengangkutan Malaysia	MOT
Kementerian Pelancongan, Seni & Budaya	MOTAC
Majlis Pembangunan Keusahawanan Nasional	MPKN
Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan	MPUPK
Malaysian Research Accelerator for Technology & Innovation	MRANTI
Perbadanan Pembangunan Teknologi Malaysia	MTDC
Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia	MTIB
Tanda Keunggulan Kebangsaan untuk Jenama Malaysia	NMMB
Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan	OECD
Perbadanan Ekuiti Persendirian	PEC
Perbadanan Pengurusan Ekuiti Swasta	PEMC
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	SC
Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia Berhad	SME Bank
Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia	SME Corp. Malaysia
Suruhanjaya Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Asia dan Pasifik	UNESCAP
Pertubuhan Perdagangan Dunia	WTO
United Nations Economic and Social Commission for Asia and the Pacific	UNESCAP
World Trade Organisation	WTO

## Dana

Nama	Akronim
Kemudahan Automasi dan Pendigitalan PKS	ADF
Kemudahan Agromakanan	AF
Semua Sektor Ekonomi	AES
Kemudahan Permodalan Semula Perniagaan	BRF
Kemudahan Bantuan Bencana	DRF

## Dana

Nama	Akronim
Kemudahan Teknologi Tinggi dan Hijau	HTG
Kemudahan Peralihan Rendah Karbon	LCTF
Kemudahan Perusahaan Mikro	MEF
Dana Pelaburan Bersama Malaysia	MyCIF
Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi	PEMERKASA
Pelan Jana Semula Ekonomi Negara	PENJANA
Pembiayaan Pelancongan PENJANA	PTF
Dana Eksport Perkhidmatan	SEF
Skim Pembiayaan Mudah untuk Digital & Teknologi	SFDT
Skim Pembiayaan Perniagaan Kelestarian dan Hijau	SGBF
Pembiayaan Pengukuhan PKS	SMERF
Skim Pembiayaan Online TEKUN	SPOT
Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India	SPUMI
Trade and Advocacy Fund 2 Plus/Dana perdagangan dan advokasi 2 Plus	TAF2+
Tabung Ekonomi Kumpulan Urus Niaga	TEKUN
Kemudahan Bantuan dan Pemulihan Sasaran	TRRF

## Program Kerajaan

Nama	Akronim
Program Peningkatan Enterpris Bumiputera	BEEP
Program Akses Kepada Peluang Pembiayaan Usahawan	BIAYA Usahawan
Program Pembangunan Pengeksport Bumiputera, Wanita dan Belia	BWYEDP
Galakan Export Bumiputera	GEB
Geran Pembangunan Pemasaran	MDG
Program Peningkatan Industri Strategik dan PKS Berprestasi Tinggi	PRESTIGE
Skim Penyelesaian Pinjaman Kecil	SPPK
Pelan Pemulihan Pelancongan 1.0	TRP 1.0

## Terma Lain

Nama	Akronim
Tiga Dimensi	3D
Kotor, Berbahaya dan Sukar	3D
Forum Pasaran Modal ASEAN	ACMF
Terendah 40%	B40
Bio-Kitaran-Hijau	BCG
Bahagian Bawah Piramid	BoP
Ketua Pegawai Eksekutif	CEO
Penyakit Coronavirus	COVID-19
Sistem Pengurusan Risiko Kredit	CRMS
Pelaburan Langsung Domestik	DDI
Institusi Kewangan Pembangunan	DFI
Perancangan Sumber Perusahaan	ERP
Pendanaan Ramai berasaskan Ekuiti	ECF
Elektrik & Elektronik	E&E
Alam Sekitar, Sosial dan Tadbir Urus	ESG
Makanan dan Minuman	F&B
Syarikat Berkaitan Kerajaan	GLC
Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan	GLIC
Program Rantaian Glokal PKS	GLOSMEP
Amalan Pembuatan Baik	GMP
Nilai Ditambah Kasar Industri Pelancongan	GVATI
Rantaian Nilai Global	GVC
Perniagaan Inklusif	IB
Rangkaian Tindakan Perniagaan Inklusif	iBAN
Inisiatif Pembangunan Rantaian Nilai Perniagaan Inklusif	IB-VCDI
Akaun Satelit Teknologi Maklumat dan Komunikasi	ICTSA
Internet Benda	IoT
Pusat Bandar Raya Kuala Lumpur	KLCC
Diod Pemancar Cahaya	LED
Gelembung Pelancongan Antarabangsa Langkawi	LITB
Sumber Manusia	HR



## Terma Lain

Nama	Akronim
Teknologi maklumat dan komunikasi	ICT
Keluaran Dalam Negeri Kasar	KDNK
keMampanan, kesejAhteraan, Daya cipta, hormAt, keyakiNan dan lhsan	MADANI
Makanan Selamat Tanggungjawab Industri	MeSTI
Syarikat Multinasional	MNC
Memorandum Persefahaman	MoU
Penyedia Perkhidmatan Malaysia	MSP
Syarikat Tahap Pertengahan	MTC
Khidmat Nasihat Pembiayaan	MyKNP
Sandbox Inovasi dan Teknologi Nasional	NTIS
Pejabat Promosi Perusahaan Kecil dan Sederhana	OSMEP
Rakan Setara	P2P
Ekuiti Swasta	PE
Perhimpunan Papan Litar Bercetak	PCBA
Perusahaan Kecil & Sederhana	PKS
Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana	PMKS
Perkongsian Ekonomi Komprehensif Serantau	RCEP
Penyelidikan dan Pembangunan	R&D
Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi	R&D&C&I
Rancangan Malaysia Kesebelas	RMKe-11
Rancangan Malaysia Kedua Belas	RMKe-12
Pelan Tindakan Strategik ASEAN bagi Pembangunan SME 2016 - 2025	SAP SMED 2025
Pelan Tindakan Bersepadu PKS	SMEIPA
Kumpulan Kerja Perusahaan Kecil dan Sederhana	SMEWG
Getah Standard Malaysia	SMR
Kerjasama Sinergi oleh Suruhanjaya Sekuriti	SCxSC
Perdagangan dalam Nilai Ditambah	TiVA
United Kingdom	UK
United States	US
Modal Teroka	VC
Perbadanan Modal Teroka	VCC
Perbadanan Pengurusan Modal Teroka	VCMC

## Lampiran 3

### Definisi PMKS

Bagi definisi PMKS, kriteria kelayakan sedia ada, iaitu jualan tahunan dan bilangan pekerja kekal sama tetapi paras ambang telah ditingkatkan kepada:

- Sektor pembuatan: Jualan tahunan tidak melebihi RM50 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 200 orang
- Sektor perkhidmatan dan sektor lain: Jualan tahunan tidak melebihi RM20 juta ATAU bilangan pekerja sepenuh masa tidak melebihi 75 orang

Definisi terperinci mengikut kategori iaitu mikro, kecil dan sederhana adalah seperti berikut:

Saiz	Mikro		Kecil		Sederhana	
	Jualan Tahunan	Pekerja	Jualan Tahunan	Pekerja	Jualan Tahunan	Pekerja
Pembuatan	< RM 300,000	< 5 pekerja	RM300,000 hingga < RM15 juta	5 to < 75 pekerja	RM15 juta hingga ≤ RM50 juta	75 hingga ≤ 200 pekerja
Perkhidmatan & lain-lain sektor			RM300,000 hingga < RM3 juta	5 to < 30 pekerja	RM3 juta hingga ≤ RM20 juta	30 hingga ≤ 75 pekerja

Nota: < kurang daripada  
≤ tidak melebihi

Mengikut definisi, semua PMKS mesti merupakan entiti yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau badan lain yang setaraf dengannya. Entiti di bawah dianggap sebagai bukan PMKS:

- Tersenarai awam di papan utama
- Subsidiari kepada:
  - Syarikat tersenarai awam di papan utama;
  - Syarikat multinasional (MNC);
  - Syarikat berkaitan Kerajaan (GLC);
  - Syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD); dan
  - Perusahaan milik Kerajaan Negeri.

## References / Rujukan

- [1] Noun Consulting, Twin Transition: Business Relevance and Value Drivers, 2023
- [2] Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), SMEs in the Era of Hybrid Retail: Evidence from an OECD D4SME Survey, 2023
- [3] Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD), OECD SME and Entrepreneurship Outlook 2023
- [4] Securities Commission Malaysia (SC), Annual Report 2022



## SME Corporation Malaysia

Agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP)

Aras 6, SME 1, Blok B, Platinum Sentral,  
Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur


Talian Info: 03-9213 0077 | Faks: 03-2775 6001

 [info@smecorp.gov.my](mailto:info@smecorp.gov.my)

 [www.smecorp.gov.my](http://www.smecorp.gov.my)

 [www.facebook.com/smecorp](https://www.facebook.com/smecorp)

 [twitter.com/smecorp](https://twitter.com/smecorp)

 [www.myassist-msme.gov.my](http://www.myassist-msme.gov.my)

